

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 38**

**Khamis**

**16 September 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 23)

**USUL:**

Usul Anggaran Pembangunan 2005 (Halaman 23)

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 16 September 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sekali lagi pada pagi ini, Dewan yang mulia ini mengalu-alukan kedatangan pelawat dan pemerhati yang baju biru itu supaya dapat belajar dan minta Ahli-ahli Parlimen tunjukkan teladan yang baik kepada pelawat-pelawat kita

1. **Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]** minta Perdana Menteri menyatakan kenapa elaun sewa rumah bagi kakitangan kerajaan dari Sabah dan Sarawak diberi terlalu rendah bila mereka dikehendaki berkhidmat di Semenanjung, bahkan kos perbelanjaan di Semenanjung lebih tinggi.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap kebajikan dan kesejahteraan semua anggota perkhidmatan awam di mana sahaja mereka berkhidmat. Bagi tujuan tersebut, kajian sentiasa dijalankan untuk mengenal pasti kadar elaun dan kemudahan-kemudahan yang diberi yang berkuat kuasa masih lagi sesuai. Kadar Elaun Perumahan Wilayah (EPW) yang dinyatakan adalah ditetapkan adalah berdasarkan kajian kadar sewa rumah oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Tahun 2001. Berdasarkan kajian tersebut didapati bahawa kadar sewa rumah di Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang adalah sama dengan kadar sewa rumah di Sarawak. Manakala, kadar sewa rumah di Sabah adalah tinggi.

Kadar EPW yang ditetapkan ini adalah berdasarkan kadar sewa sebenar dan tidak dikaitkan dengan kos sara hidup. Oleh yang demikian, adalah tidak benar bahawa elaun sewa rumah bagi kakitangan kerajaan dari Sabah dan Sarawak diberi terlalu rendah apabila mereka dikehendaki berkhidmat di Semenanjung. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada Elaun Perumahan Wilayah, pegawai-pegawai yang bertukar di antara wilayah seperti yang disebutkan menikmati bayaran-bayaran berikut untuk meringankan kesulitan-kesulitan yang dihadapi. Bayaran-bayaran tersebut adalah:

- (i) bayaran insentif Wilayah;
- (ii) tambang mengunjungi wilayah asal sekali dalam tempoh dua tahun untuk semua ahli keluarga balik ke wilayah asal;
- (iii) tambang ihsan untuk melawat ibu bapa atau ibu bapa mertua yang sakit tenat atau untuk menghadiri upacara pengebumian mereka dan elaun gangguan dibayar selepas berkhidmat di wilayah asal pegawai.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Soalan tambahan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah lama kita melaung-laungkan soal pencapaian perpaduan antara rakyat kita di Semenanjung dan rakyat kita dari Pulau Borneo yang jaraknya beribu batu dan diasingkan dengan lautan yang begitu besar *geographically, culturally, habitually*, dengan izin, agak berlainan. Keadaan hidup termasuklah kos-kos perbelanjaan hidup pun bukan serupa dan bukan yang sama. Jadi soalan saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat dengan hati yang sungguh ikhlas membawa bukan sahaja soal elaun yang sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, tetapi bagi mereka dari negeri Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung, dikaji semula supaya ianya dapat dinaikkan.

Pada masa yang sama, elaun hidup atau apa sahaja elaun yang bersesuaian bagi guru-guru atau pegawai-pegawai kesihatan yang dikehendaki bertugas di luar-luar bandar di bahagian pedalaman Sabah dan Sarawak juga dicadangkan kalau boleh, dinaikkan kerana ini sebagai satu program insentif untuk mendedahkan pegawai-pegawai berkenaan kepada tempat-tempat yang sudah maju seperti di Semenanjung. Ini, *two way traffic*lah dengan izin Yang Berhormat. Kedua Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai di Sabah dan di Sarawak haruslah didedahkan dengan keadaan dan

cara perkhidmatan di Semenanjung yang lebih maju daripada Sabah dan Sarawak. Bolehkah Yang Berhormat menggubalkan satu program insentif bahawa sesiapa pegawai dari Sabah dan Sarawak ini jika dikehendaki berkhidmat di Semenanjung, dapat sedikit kenaikan gaji ataupun kenaikan pangkat sebagai program insentif kerana ada beberapa kes bahawa pegawai-pegawai ini enggan ditransferkan ke Semenanjung kerana kesusahan memindahkan anak-anak sekolah, bini yang bekerja, balik .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Ini suara.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, masukkan dalam ucapan belanjawan.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Bukan, saya bercakap ini Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, tidak apa. Pasal.....

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Rakyat ini bangsa Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Jadi soalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua soalan sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:** Bolehkah program ini dikaji semula, dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya pun sudah bercelaru. [Ketawa] Yang Berhormat tanya saya pasal elaun sekarang pasal lain. Tetapi, walau bagaimanapun kita terimalah pandangan Yang Berhormat itu. Kerajaan sentiasa peka tentang masalah kakitangan kerajaan sama ada dari Sarawak, Sabah itu sendiri. Ada juga dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah juga. Jadi, mengenai elaun, saya rasa elaun seperti mana yang saya telah terangkan tadi, memang kita ada dia punya *table* dia. Saya akan tunjukkan kepada Yang Berhormat secara *detail*lah selepas ini. Saya bagi secara bertulislah mengenai elaun dan *table*, semua yang mereka dapat. Mengenai yang lain-lain itu, kita akan kajilah Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen. Saya ada tiga, empat perkara tetapi satu sahaja yang kita hendak cerita pada hari inilah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau kita lihat dari segi konsep elaun sewa rumah ini untuk kakitangan kerajaan, ianya subjektif kepada pengguna, kepada kakitangan kerajaan tetapi sebaliknya ia objektif bagi pihak kerajaan. Sebagai contoh, terlalu rendah. Terlalu rendah di mana? Kalau dengan amaun sebagai contoh, amaun RM300 di Kuala Lumpur, ia terlalu rendah tetapi kalau ianya di Kampung Asahan di kaki Gunung Ledang, ianya terlalu tinggi. Jadi, adakah pihak kerajaan mempunyai sistem untuk mengenal pasti, untuk *reaching out*, untuk sampai ke peringkat ini, menyediakan senarai-senarai yang berbeza mengikut kedudukan di antara bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Ini adalah antara tiga, empat perkara. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tiga, empat perkara. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Berkenaan dengan Elaun Perumahan Wilayah ini, memang kita ada *table* dia. Maknanya, di Kuala Lumpur, elaun dia kita bagi berbeza dengan yang kita bagi di Kota Kinabalu. Begitu juga di negeri-negeri lainlah, mengikut tempat yang mereka bertugas. Jadi, antara negeri dengan negeri pun, ada angkanya, kadarnya yang telah kita tetapkan oleh kadar Elaun Perumahan Wilayah yang saya sebut tadi, yang dibuat kajian berdasarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan tahun 2001. Jadi kita *table* dia, saya akan bagi lewat. Saya akan panjangkanlah *table* dia kepada Yang Berhormat untuk perhatian Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa caj perkhidmatan dikenakan bagi setiap pengeluaran wang di mesin ATM pada keluaran kelima dan seterusnya sedangkan pelanggan dikenakan bayaran tahunan bagi kad ATM.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pemegang bank kad bergantung kepada strategi perniagaan institusi perbankan masing-masing. Sesetengah institusi perbankan mengenakan caj tahunan sebanyak RM8 bagi pemegang bank kad, manakala sesetengah institusi perbankan lain pula hanya

mengenakan caj berdasarkan transaksi atau hanya satu kali bayaran bagi mendapatkan bank kad. Sehubungan ini, institusi perbankan yang mengenakan caj perkhidmatan berdasarkan transaksi pengeluaran wang di mesin ATM tidak mengenakan caj tahunan ke atas pemegang bank kad mereka. Caj perkhidmatan bank kad yang dikenakan adalah untuk menampung sebahagian daripada kos bagi menaiktarafkan perkhidmatan ATM serta infrastruktur yang sedia ada pada teknologi yang berasaskan cip bagi meningkatkan tahap keselamatan kad ATM para pelanggan.

Selain itu, bank kad berdasarkan cip memberi kemudahan tambahan kepada pemegang kad. Ini termasuk penggunaan elektronik, debit iaitu pembelian barangan di kedai dengan mendebitkan akaun pengguna secara *on line* dan wang tunai elektronik MEPS Cash yang membolehkan pemegang kad membuat transaksi secara *off line* di mana nilai transaksi akan didebitkan dari baki di dalam kad.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut amalan yang sedia ada, bank-bank ini berbeza, saya berikan satu contoh di sini, Bumiputra Commerce Bank Berhad, Southern Bank Berhad dan juga Am Bank Berhad, yuran tahunan dikecualikan bagi kali pertama pertukaran kad.

Hong Leong Bank pula mengenakan yuran penukaran sebanyak RM8 dan tiada yuran tahunan dikenakan. Maybank diberi percuma untuk empat kali pengeluaran pertama dalam sebulan dan caj sebanyak 50 sen akan dikenakan bagi setiap pengeluaran berikutnya dan bagi bank-bank, Public Bank, RHB Bank, Alliance Bank, Affin Bank, EON Bank dan Bank Muamalat dan Bank Islam mereka mengenakan yuran tahunan sebanyak RM8.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, keuntungan bank di negara kita boleh dikatakan setiap bank membuat keuntungan beratus-ratus juta ringgit, caj perkhidmatan dikenakan kepada akaun semasa dan juga kad ATM, adakah ini dibenarkan oleh Bank Negara, sebab banyak keuntungan adalah melalui caj perkhidmatan ini, ini membebankan rakyat jelata, khususnya pemegang akaun semasa kena bayar bagi setiap cek yang dikeluarkan wang, setiap cek ialah RM2 hingga RM5.

Adakah kementerian Yang Berhormat memberhentikan cara mereka membuat keuntungan yang besar ini, kerana ia membebankan rakyat jelata, bolehkah Yang

Berhormat mengambil tindakan yang sewajarnya, memastikan rakyat boleh menikmati perkhidmatan dari bank. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaaan caj untuk cek ya, sebenarnya ini adalah satu cara untuk tidak menggalakkan ataupun mengurangkan risiko apabila *cash cheque* dan mengeluarkan *cash* di kaunter, jadi sebab itulah bank mengenakan caj RM2 hingga RM5 bagi setiap *cash cheque* yang ditukarkan di kaunter. Tetapi bagi *account payee* tidak dikenakan caj, ini adalah cara untuk tidak menggalakkan *cash cheque* digunakan di kaunter, jadi itulah sebabnya kita ingin mengelakkan pelbagai risiko termasuk rompak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar bank hanya boleh caj maksimum RM8 untuk *ATM card*, tidak boleh lebih daripada itu, dan itu cara bank masing-masing hendak mencari untunghlah ya. Ini adalah salah satu caranya, tetapi sebenarnya yuran yang dikenakan itu adalah, yang pertama, hendak *install system* itu, dan yang kedua, untuk *maintenance system* itu, sebab itulah bank mengenakan caj yang saya kira paling minimum.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut pengalaman saya, pada hujung bulan apabila kita hendak mengeluarkan wang menggunakan kad ATM ini, selepas kita menggunakan sebanyak tiga kali dengan amaun maksimum, kad kita terus *invalidate*, dengan izin, ataupun kadang-kadang ditelan, saya merasa ini amat menyusahkan kita, oleh kerana kita terpaksa pergi ke bank dan berjumpa dengan pegawai-pegawai, supaya kad itu dihidupkan semula.

Adakah kementerian bercadang untuk berjumpa dengan bank untuk mencari satu sistem di mana perkara yang seperti ini tidak berlaku. Sekian.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu mengenai Maybank, ia boleh mengeluarkan dan boleh menggunakan kad itu sebanyak empat kali sebulan tanpa mengenakan caj dan selepas itu baru dikenakan caj, yang Ahli Yang Berhormat ceritakan itu tadi ialah tentang, kad itu ditelan oleh ATM machine, tetapi ini adalah satu perkara yang saya sendiri tidak pasti, sama ada ini berlaku terkena kepada semua orang ataupun hanya kadang-kadang *by accident, by chance* ia berlaku begitu.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan saya semak dengan pihak bank-bank dan satu tindakan, insya-Allah akan saya bawa perkara ini kepada bank-bank dan

mencari jalan yang terbaiknya supaya tidak menyusahkan pelanggan-pelanggan. Terima kasih.

**3. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan rancangan dan tindakan terperinci pihak berkenaan untuk mengatasi masalah jenayah yang serius sehinggakan 2,000 klinik 24 jam di Lembah Klang terpaksa menutup kedai selepas 12 malam serta kesan negatifnya terhadap iklim pelaburan dan pembangunan ekonomi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang telah mengemukakan soalan ini, bagi jawapannya adalah seperti berikut.

Berdasarkan perangkaan Pasukan PDRM, jumlah kes samun di klinik yang dilaporkan di sekitar Lembah Klang dalam tahun 2003 adalah sebanyak 28 buah klinik. Daripada jumlah tersebut, kejadian samun yang dilakukan selepas jam 12.00 tengah malam hanya membabitkan empat buah klinik, atau 14.3%.

Sehingga Jun 2004 pula, sejumlah lapan buah klinik dilaporkan telah disamun dan daripada jumlah tersebut hanya dua buah sahaja ataupun 11.1% disamun selepas jam 12.00 tengah malam di sekitar Lembah Klang.

Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan PDRM, jumlah kes samun klinik di sekitar Lembah Klang berada di tahap terkawal, namun begitu, pihak PDRM sentiasa memantau keadaan ini dan memandang serius tentang kejadian jenayah tersebut.

Tindakan yang telah diambil adalah dengan mempertingkatkan tindakan rondaan dan lawatan ke klinik-klinik berkaitan bagi mengurangkan kejadian samun.

Pelbagai pendekatan juga telah diambil oleh pihak PDRM, di antaranya ialah mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha terbabit, dan memberi nasihat mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah jenayah samun.

Antara nasihat yang diberikan adalah supaya pengusaha memasang alat penggera dan CCTV di premis masing-masing. Pengusaha juga dinasihatkan agar mendapatkan khidmat pegawai keselamatan swasta bagi mengawal keselamatan di klinik mereka.

Pihak PDRM akan meneruskan siasatan dan pengintipan yang sewajarnya bagi mengawal kegiatan-kegiatan jenayah ini supaya tidak meningkat.

Setakat ini, kementerian tidak memperolehi sebarang maklumat yang menunjukkan wujudnya kesan negatif terhadap iklim pelaburan dan pembangunan ekonomi disebabkan oleh jenayah samun ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan tadi, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dengan angka-angka yang diberikan menyatakan sebenarnya bahawa kompelin daripada *Malaysian Medical Association*, (MMA) bahawa separuh *24 hours clinic* ialah lebih kurang 2,000 buah sudah tutup oleh kerana keadaan jenayah di Lembah Klang khususnya, kita berasas dan bukannya Yang Berhormat sedar bahawa keadaan jenayah sangat serius sehingga pihak polis pun ada menasihatkan bahawa ATM *machine* patut dipasang dalam atau dekat balai polis, sehingga baru-baru ini ada sekurang-kurangnya enam buah kedai di KL tidak boleh dapat insurans oleh kerana *high risk*, kerap kali berlaku rompakan dan jenayah, dan apakah tindakan diambil oleh PDRM atau kementerian untuk memastikan bahawa kita memulihkan satu keadaan *low crime rate* di tanah air kita, Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah berkata mahu kurang 5% kadar jenayah, tetapi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi *Crime Prevention Foundation*, ada kata ada *234 crime hot spot* yang mahu bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah – 50%, apa keadaan yang sebenar.

Sebelum yang akhir, saya ingin menimbulkan satu isu yang mustahak, kita ada *internet facility*, saya sudah buat *search* mengenai *crime*, tetapi apa yang saya baca di sini, "*The page you request have been blocked because it contains a ban word.*" Kenapa ada *blockage*, jenayah *crime*, adakah *crime* itu satu perkara yang perlu untuk mempertahankan Ahli-ahli Parlimen daripada *access internet*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak, saya harap perkara ini dapat dibetulkan, oleh kerana saya baru cari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Datuk Wira Abu Seman bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya memfokuskan kepada jawapan yang berkaitan dengan klinik yang dikatakan dirompak, kalau kita melihat dari segi angka samun yang berlaku di klinik-klinik yang dinyatakan, ataupun yang dioperasikan oleh doktor-doktor *private*, daripada segi angkanya begitu rendah sekali, dan kalaulah dilihat daripada segi klinik yang terlibat

dalam rompakkan ataupun jenayah, kalau mengikut daripada angka yang diperolehi daripada MMA pada tahun 2001 hanya 19, ini meliputi semua sama ada rompakkan biasa pada waktu yang biasa ataupun selepas jam 12.00 tengah malam.

Dan bagi tahun 2002, sumber daripada MMA – 24, 2003 sumber dari PDRM – 28 dan tahun 2004 sehingga Jun – 18. Jadi, kalau kita meneliti dari angka-angka yang terjadi di klinik-klinik ini begitu kecil dan keadaannya begitu terkawal, jadi apa yang telah dilaksanakan oleh pihak polis pada ketika ini, dengan mempertingkatkan rondaan dan juga membuat lawatan-lawatan di tempat-tempat yang disyaki kepada jenayah-jenayah ini, yang mana dikenal pasti seperti di Sentul umpamanya, bahawa anggota polis menjalankan rondaan di atas bagi membanteras masalah jenayah yang berlaku di klinik-klinik ini. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu klinik-klinik ini dibuka atas ihsan doktor, sebenarnya bukanlah mereka dapat untung banyak sangat, tetapi kadang-kadang kerana berkorban untuk rakyat, mereka jadi terkorban.

Saya dapati kadang-kadang disebabkan oleh *night life* ataupun kehidupan malam di Lembah Klang ini begitu seronok, begitu 'gumbira' P. Ramlee kata, sampai tidak ada had, [*Beberapa Ahli menyampuk*] saya Ahli Parlimen, saya mendapat laporan, walaupun macam Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia kata melalui internet, saya ada internet saya, walaupun saya tidak bawa hari ini, saya baca, ini Yang Berhormat dia hendak tunjuk, dia hendak tunjuk kata dia ada internet, saya pun boleh, tadi you silap dapat itu, kalau you tekan betul-betul, dapat *channel* betul, itulah dia keluar itu semua. [*Ketawa*]

Yang Berhormat tekan silap, itulah begitu. Jadi, *the night life in* Kuala Lumpur, dengan izin, *is terrible*. [*Ketawa*] Kita lihat, kita berterima kasih dengan PDRM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, soalnya Yang Berhormat, *terrible, terrible* juga, soalnya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, soalan dia, terima kasih kepada PDRM, apabila mereka *raid* sesuatu tempat hiburan ini, mereka kena *test* air kencing dia orang Tuan Yang di-Pertua, air kencing perempuan, lelaki, pondan semua dia kena *test*, ini satu kerja yang cukup susah. Jadi, 'la ni' saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat, balik beritahu kepada menteri, dalam

Kabinet dan sebagainya, kita hadkan waktu hiburan hidup ini, jangan sampai pukul 3.00 pagi, 4.00 pagi dok merayau atas jalan lagi, sampai kita pun naik takut, saya bukan merayau, tetapi saya dapat *feedback*. *Feedback*, jadi sekali-sekali saya hendak mengesahkan *feedback* itu saya *survey*lah. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Soalan, soalnya Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu kerja kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, soalan!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jadi, soalnya. Apakah pihak Yang Berhormat tidak boleh menafikan bahawa penglibatan rompakan-rompakan di klinik-klinik swasta ini disebabkan oleh keadaan suasana kehidupan malam di Kuala Lumpur ini yang begitu keterlaluan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasihlah pertanyaan dan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Pertama berkaitan dengan soalan untuk mengehadikan waktu *night life* sehingga pukul 12.00 malam itu tidak ada hubungan dengan klinik ini. Apa yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan sama ada *night life* itu ada kaitannya dengan kejadian jenayah.

Sebenarnya, mengikut maklumat yang diperoleh daripada perjumpaan di antara polis dan juga Yayasan Jenayah Malaysia di mana PDRM telah dimaklumkan bahawa terdapat di antara penjenayah-penjenayah itu adalah dari kalangan penagih-penagih dadah yang mana penagih dadah ini selain daripada merompak wang dan sebagainya tetapi mereka juga mengambil sirap ubat batuk yang mengandungi *codeine*. Ini adalah maklumat yang diperoleh daripada anggota MNA. Terima kasih.

4. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan mengenai kedudukan pembelian haiwan terkawal yang diimport dari Afrika yang ditempatkan di zoo negara ini dan berapakah kos yang dibelanjakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya tiga buah zoo iaitu Zoo Negara, Zoo Taiping dan Zoo Ayer Keroh yang telah membuat pembelian dan pengimportan hidupan liar yang terkawal secara terus dari beberapa buah negara di Afrika.

Pertukaran binatang di antara zoo adalah amalan biasa yang dilakukan oleh zoo-zoo di seluruh dunia mengikut syarat-syarat perundangan tempatan dan antarabangsa yang telah ditetapkan yang perlu dipatuhi oleh zoo-zoo tersebut di dalam pertukaran binatang ini.

Pada tahun 2004, sejumlah tiga ekor Impala, 6 ekor Springbox, 6 ekor Thompson Gazelle dan 2 ekor Gembok iaitu jenis hidupan liar dari jenis *antelope* telah diimport dari negara Afrika Selatan oleh Zoo Melaka. Pembelian ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM199,998. Pada tahun 2003, Zoo Melaka telah membelanjakan sebanyak RM30 ribu untuk membeli 10 ekor burung *Yellow-Billed Stork*, manakala Zoo Taiping pula telah membelanjakan sebanyak RM44,343.74 untuk membeli 2 ekor kuda belang.

Sebagai langkah penjimatan pada waktu yang sama dan bertujuan untuk menambah koleksi hidupan liar di zoo-zoo, program pertukaran binatang di antara zoo negara ini dan zoo-zoo dari beberapa buah negara Afrika sememangnya giat dijalankan. Untuk tujuan tersebut pihak zoo cuma membayar kos pengangkutan sahaja. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah di atas usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi zoo-zoo yang ada dalam negara kita ini termasuk *Night Safari*, dengan izin, di Taiping.

Masalahnya ialah saya ingin tahu tentang pembelian seekor gorila yang memakan belanja mungkin lebih setengah juta ringgit untuk salah sebuah zoo di negara kita ini. Jadi, saya ingin tahu apakah perbelanjaan tersebut benar dan bagaimana kedudukan gorila tersebut, adakah sudah sampai ke negara kita ini? Kalau RM500 ribu dibelanjakan hanya untuk seekor gorila yang kita belum tahu sudah sampai ke negara kita ini ataupun belum, kalau kita hendak bina rumah kos rendah sudah dapat lebih daripada 20 buah rumah. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kos RM500 ribu itu semua saya tidak tahulah dari mana Yang Berhormat dapat tetapi saya sendiri tidak ada. Pada akhir tahun 2003 kita telah digemparkan dengan skandal empat ekor gorila. Sebenarnya bukan seekor, empat ekor di mana gorila tersebut telah dibawa masuk oleh Zoo Taiping.

Ingin dinyatakan di sini bahawasanya sememang Zoo Taiping sudah kena tipu dengan *scamp* daripada Nigeria. Sebabnya kedudukan sebenar empat ekor gorila

tersebut – anak gorila tersebut telah ditangkap di dalam – bukan *captive breeding*, dengan izin tetapi ditangkap sebagai haiwan liar di mana dia *declare* kepada kita sebagai haiwan *captive breeding*. Jadi, kita telah import dan memang kita sudah menghantar balik empat ekor gorila tersebut ke negara asal iaitu Cameroon. Dari segi kosnya saya tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan kos tersebut tetapi insya-Allah saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah kerajaan sedar bahawa kedudukan Zoo Negara di Kuala Lumpur pada masa ini yang telah tidak begitu sesuai lagi untuk dijadikan sebagai tempat hidupan liar kerana di kawasan sekelilingnya telah dibangunkan dengan kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Zoo Negara buat masa sekarang ini, kita telah pun mencadangkan perpindahan di Selangor tetapi memandangkan kosnya yang terlalu tinggi buat pada masa sekarang ini dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini kita tidak ada cadangan untuk memindahkan zoo tersebut ke kawasan yang lebih sesuai. Insya-Allah pada Rancangan Malaysia Kesembilan benda ini akan dimasukkan kembali dan insya-Allah kita akan letakkan ke tempat yang lebih sesuai daripada tempat yang ada sekarang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Datuk Abdul Rahim bin Bakri.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5 tetapi sebelum itu saya ingin membuat sedikit pembetulan terhadap soalan ini iaitu “....seseorang dilantik ke jawatan profesor madya dan profesor ...” ditambah “profesor”. Terima kasih YB.

5. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah prasyarat dan kelayakan yang diperlukan untuk seseorang dilantik ke jawatan profesor madya dan profesor di universiti-universiti tempatan Malaysia dan apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk mengawal penggunaan ‘*academic title*’ khususnya doktor falsafah dan profesor secara berleluasa tanpa ‘*monitoring bodies*’ yang mengawal selia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Pelantikan seseorang

kakitangan akademik ke jawatan profesor madya dan profesor merupakan pelantikan untuk kenaikan pangkat dan penilaian tersebut adalah berasaskan kepada pakej kecemerlangan akademik yang telah dicapai sebagaimana yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah.

Terdapat beberapa prasyarat dan kriteria kelayakan yang diguna pakai oleh IPTA untuk pelantikan seseorang ke jawatan tersebut seperti:-

- (i) Tempoh perkhidmatan - untuk jawatan ke profesor madya sekurang-kurangnya telah menjadi pensyarah selama tiga tahun dan untuk dilantik ke jawatan profesor telah pun menjadi profesor madya selama lima tahun;
- (ii) Bidang penyelidikan - Memenuhi markah pemberat yang ditetapkan oleh IPTA dan mencerminkan keunggulan dan kecemerlangan calon dalam menjalankan dan menghasilkan penyelidikan dan reka cipta.
- (iii) Penerbitan dan persidangan - memenuhi markah pemberat yang ditetapkan oleh IPTA dengan mengambil kira bahan-bahan tulisan penerbitan yang telah dihasilkan.
- (iv) Anugerah - Memenuhi markah pemberat yang telah ditetapkan oleh IPTA dan mengukur tanggapan - persepsi masyarakat terhadap calon dari segi pencapaian calon sama ada penerimaan anugerah di peringkat kebangsaan malahan antarabangsa. Sekiranya calon mendapat pengiktirafan antarabangsa calon akan diberi merit yang tinggi.
- (v) Sumbangan kepada universiti - mengukur sumbangan calon dalam pentadbiran dan kekananan calon di universiti.
- (vi) Sumbangan kepada masyarakat - Memenuhi markah pemberat mengukur sumbangan calon terhadap masyarakat sama ada di peringkat kampung, daerah, negeri atau antarabangsa.
- (vii) Prestasi calon semasa temu duga - Temu duga merupakan salah satu cara Lembaga Pemilih mengenal dan mengesan kecemerlangan seseorang calon bagi tujuan kenaikan pangkat tersebut.

- (viii) Laporan positif penilai dari dalam atau luar negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan oleh IPT.

Kementerian Pengajian Tinggi sedang menggubal sebuah garis panduan mengenai penggunaan *academic title* seperti profesor, profesor madya berkaitan yang diguna pakai oleh semua IPT bagi membolehkan pemantauan dibuat secara lebih berkesan dan sistematik. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai masalah penggunaan *academic title* di sektor swasta di mana kita lihat sekarang Ijazah MBA Sarjana itu dapat dibeli dan mereka juga menggunakan – kadang-kadang menggunakan doktor falsafah.

Ini tidak tergolong dalam ijazah kehormat, yang saya katakan ini membeli ijazah. Apakah mekanisme yang ada pada kementerian sebab selama ini memang tidak terdaya bahagian pihak penguat kuasa untuk mengambil tindakan kerana kononnya mereka memperoleh melalui *e-learning* yang tidak tertakluk kepada syarat, maka persoalannya apakah cara Kementerian Pengajian Tinggi ini mengatasi masalah ini yang kian berleluasa.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Sukacita saya memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Januari 2003 telah membuat keputusan bahawa:-

- (i) mana-mana pegawai kerajaan atau bidang-bidang swasta yang bukan daripada kalangan para akademik tidak boleh menggunakan gelaran-gelaran profesor di luar;
- (ii) gelaran Profesor Kehormat adalah satu gelaran kehormat dan seseorang yang dianugerah dengan gelaran tersebut tidak boleh menggunakan gelaran profesor pada namanya;
- (iii) seseorang yang dianugerah dengan Doktor Kehormat tidak layak menggunakan gelaran doktor pada namanya

Isu yang berkaitan dengan pembelian ataupun mendapatkan darjah-darjah ataupun profesor sebenarnya memang dalam perhatian Kementerian Pengajian Tinggi waktu ini.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berikutan perkembangan sektor pendidikan pengajian tinggi di Malaysia, maka wujudlah pelbagai institusi-institusi tinggi awam dan swasta dan ini telah menyebabkan kewujudan banyak jawatan-jawatan ataupun gelaran-gelaran iaitu profesor madya dan profesor di negara kita.

Apa yang menjadi masalah ialah adakah prinsip-prinsip meritokrasi diamalkan dalam usaha untuk melantik seseorang di dalam jawatan profesor madya dan profesor ini kerana seperti mana rungutan yang sering kita dengar jawatan-jawatan ini adalah diberikan kepada mereka yang memegang jawatan pentadbiran sedangkan bagi masyarakat awam apabila kita melihat ataupun mengetahui bahawa seseorang itu adalah seorang profesor atau profesor madya, tanggapan kita bahawa seseorang itu adalah pakar di dalam bidangnya. Misalnya, kalau dia seorang profesor undang-undang, maka dia adalah seorang yang pakar dalam bidang undang-undang.

Oleh sebab itu adakah kementerian berhasrat untuk menggubal kriteria di dalam pelantikan ini iaitu mengutamakan mereka yang mempunyai kredibiliti dan kepakaran yang telah dibuktikan khususnya di dalam bidang penyelidikan dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa kerana apa yang saya telah lihat tadi, jawapan yang telah diberikan bahawa mereka yang diberikan jawatan ini adalah peratusan yang diberikan bagi mereka yang melakukan penyelidikan begitu tinggi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Sukacita saya menyatakan di sini, di dalam negara kita daripada 17 buah IPTA. Sehingga tahun 2003, kita mempunyai sebanyak:

<u>Jawatan</u>	<u>Jumlah</u>
Profesor	951
Profesor Madya	3,115
Pensyarah	10,854
Guru Bahasa	2,303
Tutor	663

Sebenarnya pelantikan jawatan ke Profesor ataupun Profesor Madya memang dilakukan *exercise* setiap tahun melalui pengumuman yang diedarkan melalui pekeliling setiap universiti. Persepsi terhadap sama ada seseorang Pensyarah

ataupun Profesor Madya hanya dilantik di kalangan mereka yang memegang jawatan-jawatan, sebenarnya tidaklah begitu tepat kerana unsur pemberat kepada pelantikan Profesor ataupun Profesor Madya adalah seperti berikut:

- Untuk penyelidikan dan penerbitan, seseorang yang dilantik kepada jawatan Profesor Madya memerlukan peratusan 35%.
- Untuk Profesor pula, penyelidikan dan penerbitan memerlukan 40% markah.
- Untuk pengajaran dan penyeliaan, untuk Profesor Madya 30% dan untuk Profesor 20%.
- Sanjungan ataupun kepimpinan akademik untuk Profesor Madya 10% dan Profesor 20%.
- Untuk perundingan sekiranya Pensyarah ada membuat perundingan dengan syarikat-syarikat ataupun dengan kerajaan, hanya 10% untuk Profesor Madya dan Profesor 10% juga.

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat, khidmat kepada universiti seperti menjadi Dekan, menjadi Timbalan Dekan, Profesor Madya hanya diberikan markah 10% sahaja malahan Profesor 5% dan kepada yang telah berkhidmat kepada masyarakat untuk jawatan Profesor Madya 5% dan untuk jawatan Profesor 5%. Semua kaedah pelantikan adalah melalui temu duga selepas menyaring semua pemberat-pemberat yang telah pun kita berikan pekeliling dalam universiti. Sekian, terima kasih.

**6. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tentang banjir kilat yang serius di kawasan Segambut Bahagia dan Jinjang Selatan, apakah langkah untuk meluaskan Sungai Toba dan Sungai Keroh di Kuala Lumpur Utara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat bagi Segambut, banjir kilat di kawasan Segambut Bahagia dan Jinjang Selatan adalah disebabkan kapasiti Sungai Keroh tidak mampu mengalirkan air berlebihan semasa hujan lebat. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JBS)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melaksanakan projek lencongan Sungai Keroh dan kolam takungan banjir di Jinjang dan di Kampung Benteng. Kerja-kerja ini dijadualkan siap pada tahun 2006. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, pada 16 Julai tahun ini telah berlaku mala petaka banjir kilat yang teruk melibatkan lebih kurang 300 buah rumah. Harta yang rosak contohnya TV, peti sejuk, komputer dan lain-lain. Saya minta pandangan kerajaan sama ada boleh atau tidak mangsa banjir kilat meminta pampasan dari kerajaan atau pihak pemaju yang membuat, dengan izin, *earth works* sebelum kawal baik-baik *discharge* dari tapak berkenaan.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banjir kilat ini dianggap sebagai bencana alam. Kerajaan memang tidak mempunyai apa-apa pampasan kebiasaannya, tetapi walau bagaimanapun, sesiapa pun bebas mengambil tindakan undang-undang atau mahkamah untuk mendapatkan pampasan terhadap kerugian mereka.

DBKL sekarang sedang memantau segala banjir yang sering berlaku di Kuala Lumpur ini dan usaha-usaha pun telah dijalankan untuk mempercepatkan projek-projek seperti SMART Tunnel dan kolam-kolam takungan banjir di Kuala Lumpur supaya masalah banjir di Kuala Lumpur dapat diatasi pada hujung tahun 2006. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada jawapan yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah mengenai adakah Kementerian Wilayah Persekutuan ini mempunyai cadangan untuk menubuhkan satu tabung kecemasan seperti yang terdapat di Selangor di mana Majlis Daerah ada mewujudkan tabung kecemasan untuk mangsa-mangsa banjir, kebakaran dan sebagainya. Bagi saya di Wilayah Persekutuan, banjir kilat ini sering berlaku.

Apakah rancangan dan juga bilakah kalau boleh kementerian ini menubuhkan tabung ini demi kesejahteraan rakyat terutama di Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Tuan Yew Teong Look:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya DBKL ada suatu Jawatankuasa Bencana Alam di Kuala Lumpur. Tentang cadangan menubuhkan tabung kecemasan, saya akan mengemukakan hal ini kepada DBKL dan kementerian

saya yang baru wujud ini memang akan mengkaji tentang perkara ini. Sekian, terima kasih.

**7. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah penagih-penagih dadah yang berada di Pusat Serenti di seluruh negara dan sudah berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dibelanjakan semenjak 10 tahun kebelakangan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 15 Ogos 2004 terdapat seramai 10,978 orang penagih dadah sedang menjalani rawatan dan pemulihan di 28 buah pusat serenti di seluruh negara.

Perbelanjaan yang telah dibelanjakan semenjak 10 tahun kebelakangan ini iaitu dari 1984 sehingga 2003 adalah berjumlah RM1,037,125,327.24 iaitu merangkumi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang telah memberi jawapan dan sekali gus dengan angka, dengan bilangan dan dengan peruntukan. Kalau kita melihat kepada peruntukan yang begitu besar sudah pasti bahawa kegiatan dadah ini semakin menurun dari setahun ke setahun. Tetapi malangnya dia meningkat bukan dari setahun ke setahun tetapi dari sehari ke sehari termasuk di seluruh negara. Saya dengar sama ada betul ataupun tidak, iaitu kegiatan dadah ini sampai kepada pusat serenti sendiri. Bagaimana dadah ini boleh diedarkan sampai ke pusat serenti sama ada melalui kunjungan pelawat-pelawat ataupun ada orang perantaraannya.

Kedua, kalau kita melihat komunis di negara kita ini kita boleh menghapuskan dalam beberapa tahun sahaja dengan peruntukan kewangan tidak sebesar ini, kita boleh menghapuskan komunis dengan fahamannya dan dengan kegiatannya. Tetapi kita tidak boleh menghapuskan kegiatan dadah ini. Mengapa? Barangkali ada sesuatu yang tidak kena dari segi pelaksanaannya. Saya minta komen dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Berkaitan dengan dadah yang terdapat di pusat serenti, memang tidak dinafikan

ada satu dua tetapi yang mana terdapat salah laku di mana-mana di kalangan pegawai bahawa pihak kerajaan tidak bertolak ansur dalam mengambil tindakan.

Berkaitan dengan masalah dadah tidak berkurangan walaupun dari segi perbelanjaan kita menjangkau sehingga RM1 bilion lebih. Bagaimanapun kerajaan telah mengambil pelbagai daya usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan dalam membanteras dadah ini dan juga dalam memulih dan merawat penagih-penagih dadah ini.

Sehinggakan pada hari ini kerajaan hendak menubuhkan sebuah agensi dadah yang mana akan memfokuskan berkaitan dengan tindakan-tindakan membanteras, memulih dan berbagai-bagai lagi yang akan diuruskan oleh agensi dadah yang akan ditubuhkan ini.

Begitulah seriusnya kerajaan dalam hendak membanteras dadah ini. Apa yang kerajaan telah laksanakan pada hari ini daripada segi membanteras dadah ini adalah pertamanya untuk memutuskan pergantungan penagih-penagih dadah ini kepada dadah dan juga keduanya mencegah penagih dadah ini supaya tidak berulang kembali.

Dalam pergantungan penagih dadah kepada dadah, bahawa tindakan-tindakan kerajaan begitu aktif sekali dalam mengadakan rondaan dan menangkap pengedar-pengedar dadah untuk memastikan supaya pembekalan dadah ini dapat kita kawal. Berkaitan pemulihan, bahawa ada terdapat tiga pendekatan yang dibuat oleh ADK yang mana sama ada pemulihan melalui komuniti dan keduanya pemulihan melalui institusi dan satu lagi pemulihan yang dilakukan oleh pihak-pihak swasta.

Apa yang terdapat ada juga pendekatan-pendekatan yang dibuat melalui swasta ini yang berjaya bahawa pihak ADK akan mengkaji cara-cara bagaimana swasta berjaya memulihkan penagih-penagih dadah ini dan yang mana baik kita akan meneliti secara terperinci.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita perhatikan masalah dadah ini walaupun kita sudah menyediakan berbagai-bagai cara dan pusat serenti telah ditubuhkan, peningkatannya semakin hari semakin bertambah.

Soalan saya adakah rawatan yang disediakan di pusat serenti melibatkan dari segi rawatan fizikal dan juga rawatan yang melibatkan *psychology* dan adakah disediakan *Medical Personnel* yang terlatih bagi menjamin supaya rawatan-rawatan

yang diberi akan berkesan dan apakah langkah-langkah *follow-up* ataupun langkah-langkah rawatan susulan yang dibuat kepada bekas-bekas penagih dadah yang telah mendapat rawatan di pusat serenti.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Yang Berhormat. Pendekatan dalam memulihkan penagih-penagih dadah ini adalah melalui empat jenis model rawatan dan pemulihan yang dilaksanakan di pusat-pusat serenti bagi menampung kepelbagaian latar belakang penagih ini.

Pertamanya model terapi bersepadu ataupun *psycho-social*. Dalam model ini objektif utama rawatan dan pemulihan desa terapi bersepadu ialah untuk merawat dan memulihkan penagih-penagih supaya bebas daripada pergantungan fizikal dan *psychology* terhadap dadah ini seterusnya mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat sebagai seorang yang normal.

Dalam tindakan ini, apa tindakan yang dibuat adalah melalui rawatan perubatan dan kesihatan, program kaunseling dan bimbingan, pendidikan agama dan moral, program riadah dan sukan, program integrasi semula ke dalam masyarakat, latihan kemahiran, latihan pemulihan fizikal dan disiplin, pendidikan sivik dan tatanegara dan juga program pemulihan dalam komuniti.

Model yang kedua adalah merupakan model terapi kekeluargaan. Proses berasaskan konsep kekeluargaan ini disediakan sebagai satu kaedah alternatif rawatan dan pemulihan untuk membantu penagih-penagih membina semula daya hidup baru yang bebas dari dadah apabila kembali ke pangkuan masyarakat. Ia juga merupakan satu usaha bagi meningkatkan lagi keberkesanan program pemulihan melalui program yang lebih berstruktur, komprehensif dan profesional.

Model yang ketiga merupakan model terapi kerja. Objektif utama rawatan dan pemulihan terapi kerja adalah melahirkan penghuni-penghuni yang berguna dan produktif kepada diri mereka sendiri dan juga kepada agama, bangsa dan negara di samping memberi keinsafan untuk menjalani hidup bebas daripada dadah selepas tamat mengikuti program rawatan dan pemulihan yang disediakan.

Model yang keempat, model terapi keinsafan diri. Objektif utama pendekatan kerohanian dalam konteks pemulihan berteraskan konsep keinsafan diri. Inilah model-model yang dilaksanakan dan setakat ini bahawa dari masa ke semasa pihak berkuasa atau pihak kerajaan menilai di atas keberkesanan berkaitan model-model yang dilaksanakan. Terima kasih.

8. **Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mempertingkatkan mutu kebersihan gerai-gerai makanan di tepi jalan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, aspek kebersihan kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti tempat-tempat awam termasuk juga gerai-gerai makanan di tepi jalan sentiasa diberi perhatian khusus oleh kerajaan. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan mutu kebersihan gerai-gerai makanan tersebut adalah pengagihan peruntukan bagi aktiviti kebersihan di kawasan awam kepada semua PBT. Ia turut meliputi projek menaik taraf gerai, parit dan longkang. Melalui projek naik taraf ini, mutu kebersihan bagi setiap kemudahan tersebut dapat dipertingkatkan lagi.

Selain itu, beberapa penguatkuasaan beberapa undang-undang kecil seperti Undang-undang Kecil Penjaja, Undang-undang Kecil Establishment Makanan dan Undang-undang Kecil Penyediaan Makanan juga memberi tumpuan kepada aspek perniagaan kebersihan. Kerajaan semua peringkat akan meneruskan aktiviti kebersihan di kawasan PBT termasuk juga penjagaan kebersihan gerai-gerai makanan di tepi jalan melalui pelbagai program.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya tentang langkah-langkah untuk memastikan gerai-gerai yang ditubuhkan itu berjaya sehingga ke peringkat ada projek contoh ataupun gerai-gerai yang boleh dijadikan contoh oleh pihak-pihak yang ingin menjadi usahawan supaya mereka ini antara lain perlu diberikan bimbingan ataupun kalau perlu diberikan bantuan kewangan. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk tujuan ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, usaha memang banyak dijalankan, yang penting sekali ialah pihak berkuasa tempatan berkenaan perlu memberi kepimpinan terhadap semua program ini. Sebagai contoh, di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, Kementerian saya dimaklumkan bahawa mereka ada kursus kecemerlangan penjaja dan pertandingan gerai bersih dan mengadakan budaya bersih di kalangan penjaja dan melalui pertandingan ini, gerai-gerai yang berjaya dicontoh tetap diberi hadiah dan diberi dorongan. Oleh sebab semua gerai dimaksudkan ini adalah diletak di bawah kerajaan tempatan masing-masing jadi kementerian memang

menggalakkan semua pihak berkuasa tempatan memberi tumpuan. Mereka seharusnya ada usaha yang secukupnya untuk memastikan semua penjaja dapat menjalankan perniagaannya dengan cara yang betul mengikut undang-undang dan menjaga kebersihan juga menjayakan apa sahaja perniagaan yang diberi peluang oleh kerajaan.

**Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada kebersihan premis yang penting kita lihat pengendalian makanan yang betul itu juga penting. Yang ketiga ialah aspek kesihatan pengendali makanan. Kita tahu bahawa telah banyak berlaku bahawa pengendali makanan ini boleh menjadi sumber kepada penyakit berjangkit contohnya penyakit typhoid, penyakit kolera dan juga penyakit hepatitis A. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah dicadangkan yang mana pengendali makanan terutama di gerai-gerai dimestikan ataupun diwajibkan mengambil imunisasi-imunisasi terhadap penyakit-penyakit tersebut dan ini dikaitkan dengan lesen. Jadi sebelum diberi lesen mereka dipastikan mendapat imunisasi-imunisasi penyakit tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang saya rasa munasabah untuk ditimbang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan baru-baru ini sangat serius tentang kesihatan dan kebersihan. Dalam pada itu kerajaan Pusat dalam proses menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet yang menggabungkan segala usaha yang melibatkan kebersihan dan kesihatan kerana kesihatan dan kebersihan ini bila kita tengok dari permukaannya nampaknya macam perkara yang kecil sebenarnya tidak. Ianya akan memberi banyak kesan kepada setiap rakyat, setiap penduduk di negara ini. Jadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet ini kerana ia melibatkan kesihatan, kebersihan, dan juga banyak aspek dan agensi yang lain. Ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan terhadap perkara yang dibangkitkan.

**[Soalan No. 9 – Yang Berhormat Puan Rosnah Abdul Rashid Shirlin (Papar) tidak hadir]**

**10. Tuan Raime bin Unggi [Tenom]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina pondok polis di Daerah Kecil Kemabong Tenom. Jika ada, bilakah ianya akan dibina.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tenom, kementerian belum merancang untuk membina pondok polis di Daerah Kecil Kemabong Tenom buat masa ini. Walau bagaimanapun, kementerian ini mengambil maklum dan akan mengkaji keperluan pembinaan pondok polis di kawasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat masa soal jawab telah habis.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*DAN*

#### **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM28,303,894,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan

Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” **[15 September 2004]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sri Gading sudah bersedia? Kalau tidak bagi orang lain.

**11.05 pagi**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Seri Gading]:** Assalamualaikum w.b.t., bismillahi rahmanir rahim *[Membaca doa dalam bahasa Arab]*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan. Terima kasih kerana Perbekalan 2005. Terima kasih kerana saya diberi peluang membahaskan ucapan belanjawan 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hari Jumaat 10 September 2004 yang lalu.

Bangunnya saya untuk menyokong. Seperti yang diperkatakan oleh ramai rakan yang lebih dulu berucap daripada saya di Dewan yang mulia ini, ucapan ini sangat menggalakkan dan bajet ini sebenarnya benar-benar mesra rakyat dan suatu ucapan yang memberi kelegaan kepada ramai pihak. Ucapan belanjawan 2005 yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat ini bukan sahaja ditunggu-tunggu oleh rakyat kerana memang sudah menjadi kemestian dalam pentadbiran negara kita ini, malahan ucapan ini ialah ucapan belanjawan sulung Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Saya telah mendengar dengan teliti dan menghayati dengan mata hati. Saya merasa suatu kepuasan. Kelazimannya saya apabila mendengar ucapan pemimpin, lima minit pertama ucapan itu menjadi perhatian saya yang amat sangat. Lima minit yang pertama itu menjadi kayu ukur kepada saya. Sama ada ucapan itu berjaya menarik atau sebaliknya. Dalam hubungan ini saya mengucapkan tahniah, syabas kerana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat berjaya. Kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. mempunyai Perdana Menteri seperti Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ucapan yang saya hayati lima minit yang pertama

beliau melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah, telah membuka ucapan ini dengan melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah maknanya beliau sebagai hamba Allah dan pemimpin negara ini sentiasa ingat kepada Allah, yang bermakna ingat kepada Allah dialah seorang yang beriman. Alangkah untungnya kita kerana mempunyai seorang Perdana Menteri yang beriman. Apabila seorang pemimpin atau Perdana Menteri itu beriman maka insya-Allah selamatlah rakyat dan negara, selamatlah kita semua. Itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Bagus Yang Berhormat Sri Gading. Nampak betul-betul insaf ucapannya pagi-pagi ini. Saya bertanya sedikit kalau Yang Berhormat Sri Gading menyebut tadi Perdana Menteri sekarang seorang yang beriman dan seorang yang baik, apakah perbandingan dengan Perdana Menteri yang lepas-lepas? Kalau sekarang ini baik beriman seolah-olah yang dulu tidak baik kurang beriman. Kalau sama tidaklah disebut seperti mana sebentar tadi. Mesti yang sekarang ini lebih. Apakah Yang Berhormat bersetuju yang sekarang ini lebih daripada Perdana Menteri yang dahulu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini fiil orang PAS, sentiasa syak wasangka, syak buruk. Saya tidak membuat perbandingan. Saya fokus kan kepada Perdana Menteri kita yang ada pada hari ini. Kalau beliau itu baik tidak bermakna Perdana Menteri sebelumnya tidak baik. Saya tidak membuat perbandingan. Saya harap orang PAS ubahlah, *mindset* orang PAS ini cubalah ubah sedikit, kalau tidak anda kecundanglah sepanjang zaman. Pasir Mas, Pasir Mas

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Mas, sila.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kakanda Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Adinda kakanda yang mana satu tak tahulah. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Kakanda, kakanda kerana dia sudah lama dalam Dewan. Saya sungguh tertarik pada pagi ini dan mengucap syabas kepada Yang Berhormat kakanda Sri Gading kerana setahu saya sepanjang ucapan Sri Gading pagi ini berubah dan saya ucap tahniah. Ucapannya lunak, cantik, comel. Tidak ada soalan cuma hendak puji sahaja, hendak ucap terima kasih dan Tuan Yang di-Pertua

beginilah yang kita hendak. Jangan sekali-kali sebagaimana Kinabatangan kelmarin, bangun terus hentam PAS terus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak mengapa Yang Berhormat, jemput dia rumah terbuka hari raya nanti.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, hari ini bagus tidak ada hentam PAS dan kepimpinan PAS. Jadi saya kira *step* hari ini *step* pertama ini disudahi dengan akhir juga. Awal dan akhirnya, insya-Allah baik dan lunak dan tidak menghentam pimpinan PAS. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamd bin Haji Aziz:** Insya-Allah ya, Insya-Allah. Saya berterima kasih juga kepada Pasir Mas kerana memuji. Bahagia Tuan Yang di-Pertua, apabila dapat pujian daripada seorang pemimpin PAS, ini luar biasa. Bercanggah nampaknya depan dan belakang, tetapi tidak ada undilah semasa perwakilan nanti tidak ada undi. *[Ketawa]* Terima kasih.

Dalam para kedua, ini penelitian saya, dengan mata hati sebenarnya, saya bukan sahaja mendengar ucapan dengan telinga tetapi juga menghayati dengan mata hati. Para kedua ucapan pemimpin kita ini dalam Ucapan Belanjawan sulungnya, beliau melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri kita yang keempat atau Perdana Menteri kita yang keempat, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir.

Ini boleh disemak dalam teks ucapan beliau selepas bersyukur beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri kita yang keempat Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, maknanya pemimpin kita ini dan Perdana Menteri kita ini seorang yang bukan sombong dan bongkak. Maknanya beliau sentiasa menghargai sumbangan yang diberikan oleh Perdana Menteri kita yang keempat Tun Dr. Mahathir kepada negara. Ini memberi erti kepada saya beliau mengajak kita, Perdana Menteri kita mengajak kita dan rakyat negara ini supaya sentiasa mengenang budi dan pengorbanan Dr. Mahathir kepada negara dan rakyat selama ini.

Ini maknanya Perdana Menteri kita mengajar kita dan rakyat supaya sentiasa berterima kasih. Ini kalau sebaliknya, saya tidak hendaklah kerana Pasir Mas telah memuji saya, saya tidak mahu sambunglah apa yang sepatutnya. Jadi pemimpin UMNO, pemimpin Barisan Nasional, Perdana Menteri kita sentiasa mengajar dan mengajak rakyat sentiasa berterima kasih. Kita tidak boleh bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kalau kita tidak berterima kasih sesama manusia. Ini ajaran Islam.....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh bangun, Pasir puteh Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamd bin Haji Aziz:** *Fadhal*, Pasir Puteh, sila.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sri Gading kerana saya rasa adik bongsu, dia kena beri laluan. Saya berterima kasih kepada abang kita dari Pasir Mas tadi, kerana memuji Sri Gading yang telah menyampaikan ucapan dengan baik. Tetapi bagi saya boleh atau tidak Yang Berhormat bagi Sri Gading akui bahawa semua Perdana Menteri kita sampai kelima ini beriman belaka? Itu yang pertama, semuanya beriman. Kerana saya terbaca dari sepotong ayat Tuan Yang di-Pertua, minta izin. Dalam *Surah At-Tholaq [Sambil membacakan sepotong ayat Al-Quran]*

Ertinya: *“Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan suruhan dan dengan menjauhi segala larangannya nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar dari segala yang menyusahkan serta yang menyulitkan dan memberi rezeki kepada jalan yang tidak terlintas di hati kita.”*

Kita hari ini kita tidak ada daripada belunggu daripada penjajah, kita sudah senang, kita sudah kaya, kita tengok bagaimana KDNK kita meningkat kalau kita melihat apakah setuju bahawa, tidak sekadar beriman percaya, tetapi kita harus meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah. Kalau orang beriman dia boleh jadi, dia berlaku hari ini baik, esok tidak baik. Tetapi bagi hendak mencapai ketakwaan ini setuju atau tidak semuanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sampai yang kelima ini, bukan sahaja yang kelima lebih bertakwa tetapi juga yang lain-lain juga bertakwa kepada Allah?

**Datuk Haji Mohamd bin Haji Aziz:** Ayat, *wamanyattaqillah*, ini digelar orang ialah ayat Seribu Dinar. Kalau sesiapa yang hendak berniaga selalunya digantung ayat ini di kedai-kedai. Pasir Puteh, seperti Pasir Puteh maklum dan seluruh rakyat Malaysia maklum dan seluruh pemimpin dan rakyat negara-negara Islam maklum bahawa kelima-lima Perdana Menteri kita memang orang beriman, tidak boleh dinafikan. Orang yang mengucap syahadah, ianya beriman. Jadi tidak payah kita hendak ulas panjang kelima-lima Perdana Menteri kita ini ialah orang yang beriman.

Perdana Menteri mengajak kita berterima kasih dalam hubungan kepada Tun Dr. Mahathir jasa Tun Dr. Mahathir ini sangat besar kepada pembangunan dan

kemajuan negara dan rakyat di negara ini harus ingat 22 tahun perkhidmatan beliau, kita harus menaruh perasaan kasih dan sayang, rasa terima kasih di lipatan hati kita.

Budi dan pengorbanan Tun Dr. Mahathir kepada pembangunan dan kemajuan negara ini telah memungkinkan kita merasai keselesaan, keamanan dan kemakmuran di hari ini. 'Yang bulat bukan datang bergolek, yang pipih bukan datang melayang.'

Apa yang kita terima hari ini adalah hasil dari kerja kuat, daya pemikiran, pemimpin-pemimpin seperti Tun Dr. Mahathir dan Perdana Menteri kita hari ini untuk menentukan apa yang sedang kita kecapai ini akan terus dapat dinikmati pada masa-masa yang akan datang.

Satu lagi yang menarik dalam ucapan ini kerana Perdana Menteri kita siang-siang, dia melahirkan bahawa ucapan beliau ini dirangka kerana beliau hendak menyempurnakan seluruh janji-janji dalam Manifesto Pilihan Raya 21 Mac yang lalu. Kita mendapat kejayaan yang besar, diberi kepercayaan kepada rakyat dan 90% undi rakyat menyokong kepada Barisan Nasional atas rasa tanggungjawab dan kesedaran yang penuh, maka Perdana Menteri melahirkan dalam Ucapan Belanjawan ini, beliau berikrar antara sebab Bajet ini disusun begitu rupa ialah untuk menyempurnakan janji-janji Barisan Nasional dalam manifesto dan untuk membalas jasa dan budi rakyat yang percaya dan yakin kepada Barisan Nasional. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada Ucapan Perdana Menteri kita yang begitu rupa.

Satu yang harus agaknya menjadi perhatian kepada kita semua, ucapan beliau ini juga rupanya dirangka untuk menjadi satu rangka bagi menyediakan persiapan merangka Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Inilah pandangan jauh seorang pemimpin, beliau bukan bercakap hari ini untuk hari ini tetapi beliau bercakap hari ini untuk masa yang akan datang. Beliau rupanya sudah pun memikirkan Ucapan Belanjawan 2005 ini ada kaitan dengan rangka yang akan dibuat untuk merangka Rancangan Malaysia Yang Kesembilan.

Saya berharap semua pihak dari segi pelaksanaan, mahupun menteri-menteri supaya bersungguh-sungguh dan berhasrat sama kuat dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Bajet yang dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu yang akan dilaksanakan pada tahun 2005 akan benar-benar dinikmati oleh seluruh rakyat.

Saya juga berharap dalam ucapan awal saya dalam memberikan pandangan kepada pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pihak-

pihak yang terlibat dalam merangka Rancangan Malaysia Yang Kesembilan harus agaknya, masalah-masalah yang menjadi rintihan rakan-rakan daripada negeri Sabah dan Sarawak yang sentiasa membangkitkan kecaciran yang dialami oleh rakyat dan kawasan di kedua negeri ini akan dapat kiranya dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan akan diberikan keutamaan dan masalah tercicir ini akan dapat kita perkecilkan.

Kasih orang kampung Tuan Yang di-Pertua, 47 tahun sudah kita merdeka tambah lagi nanti lima tahun Rancangan Malaysia Yang Kesembilan maknanya 52 tahun, setengah abad lebih, negara kita merdeka kalau di akhir Rancangan Malaysia Yang Kesembilan masih ada masalah-masalah orang kampung berkaitan dengan jalan, masalah dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan api elektrik, masalah-masalah berkaitan dengan air paip, masalah-masalah yang berkaitan dengan sekolah-sekolah yang usang, masalah-masalah balai raya, masalah-masalah yang ada kaitan dengan rumah PPRT dan masalah-masalah kemiskinan, masih lantang nanti disuarakan oleh wakil-wakil rakyat yang bertanggungjawab dari Sabah dan Sarawak. Ini sesuatu yang akan menyedihkan kita. Kita lima tahun berhadapan dengan rakyat, rakyat nanti akan jemu kalau kita berjanji demi berjanji, janji tidak ditunaikan, janji tidak ditunaikan akan membawa akibatnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Masir bangun pula Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dana terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading, saya mendengar sepenuh hati daripada awal sampai ke saat ini ucapan daripada Yang Berhormat Sri Gading, dan yang terakhir masalah Sabah dan Sarawak. Saya pergi ke Sabah dan Sarawak, acap kali jugalah pergi ke Sabah dan Sarawak, saya banding dengan negeri Kelantan. Kelantan diperintah oleh PAS dan diperintah oleh Barisan Nasional. PAS memerintah Kelantan daripada tahun 1959 terus kepada pilihan raya 1955 - Perikatan, 1959 - PAS, kemudian PAS kalah pada tahun 1978, diperintah oleh Barisan Nasional kemudian PAS menang lagi 1990 sampai sekarang ini.

Saya banding di antara PAS di Kelantan dengan Barisan Nasional memerintah di Sabah dan Sarawak, bagaimana saya tengok di Kelantan dari segi infrastruktur rakyat menikmati air, elektrik, jalan raya, sekolah dan berbagai kemudahan. Bila saya pergi ke Sabah dan Sarawak, saya masih lagi ingat meniti di

kayu yang rapuh hampir-hampir hendak jatuh daripada rumah ke rumah. Jadi mengapa dalam masa 47 tahun sudah Malaysia merdeka dan Sabah berada dalam Malaysia pada tahun 1963 sehingga sekarang ini.

Mengapa inilah yang dibangkitkan tiap-tiap tahun, tiap-tiap tahun, tiap-tiap tahun oleh wakil rakyat dari Sabah. Saya rasa barangkali kementerian tidak mengambil, tidak meletakkan prihatin yang sungguh-sungguh untuk membangunkan Sabah dan Sarawak sebagaimana ianya membangun di Kelantan. JPP di Kelantan saya ucapkan tahniah, mereka bagi, saya minta dia bagi, di Pasir Mas pun dia bagi. Ini saya dengar kata, hendak buat jambatan, jambatan apa, jejantas melintasi jalan kereta api, saya dengar cerita betul tidak betul wallahualamlaah. Jadi sampai ke peringkat itu sudah Kelantan sekarang ini, maju demi maju, barangkali dia nak pada parti pembangkang barangkali Tuan Yang di-Pertua, kalau tukar parti pembangkang sekali, barangkali boleh jadi ini Yang Berhormat. Setuju ke tidak hari ini, ditukar sekali pada pembangkang, sekali tukar sekali bukan acap kali. Tukar sekali kepada parti pembangkang, hendak tahu berubah tidak berubah, kalau berubah kita lanjutkan, kalau tidak berubah kita tukar pada Barisan Nasional, tidak ada hal, kita ubah-ubah tidak ada masalah, yang pentingnya mengapa keadaan ini berlarutan di Sabah dan Sarawak, saya fokuskan Yang Berhormat Sri Gading mengapa keadaan ini boleh di Sabah dan Sarawak. Sekian.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, jarum jam kita jangan pusing ke belakang rosak jam, jadi itu mimpi orang PASlah, cuba sekali, cuba sekali, mana boleh cuba-cuba. Dia dalam memerintah negara kita tidak boleh cuba-cuba.

Soal Sabah dan Sarawak dia ada perbezaan kerana luas. Luas Sabah, luas Sarawak ini, kemudian ada halangan-halangan tertentu, inilah yang kita sarankan supaya masalah-masalah yang berbangkit, kita tahu masalah banyak dan agak sukar agaknya diatasi tetapi kita hendak tekankan dalam Dewan yang mulia ini supaya masalah-masalah ini seboleh-bolehnya diselesaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sepanggar.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading. Tadi Yang Berhormat daripada Pasir Mas telah menyentuh mengenai pembangkang, sebenarnya walaupun kemajuan di Sabah tidak begitu padat tetapi kami masih di dalam Barisan Nasional tetap dalam Barisan

Nasional. Cuma yang saya ingin sedikit pandangan dari Yang Berhormat Sri Gading ialah setujukah Yang Berhormat Sri Gading agar kerajaan membuat satu rancangan khas, satu rancangan khas bagi negeri-negeri yang kurang maju ini masih seperti Sabah dan Sarawak. Oleh kerana dengan adanya rancangan khas ini tentu sekali tumpuan itu dapat diberi. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Sepanggar. Saya setuju kalau itu menjadi cara jalan penyelesaian masalah keciciran, masalah yang tidak dapat kita selesaikan masalah pembangunan di Sabah dan Sarawak, kalau itu menjadi jalan keluar, saya rasa pihak kerajaan boleh mengambil pandangan ini sebagai satu pertimbangan untuk menyelesaikan masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Banyak Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sembilan perkara atau paling tidak lima perkara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang berapa perkara.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Baru satu perkara, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lambatlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bolehlah Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang saya, saya pun nak bertanding Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi sekarang Dewan bukan perhimpunan parti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, tetapi boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh-boleh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bila masa sampai.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mudah-mudahan panjang umur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bila masa cukup saya beritahu Yang Berhormat dan berhenti serta-merta.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Janganlah Tuan Yang di-Pertua, jangan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Yang Berhormat

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beralih, fasal nak kalau hendak panjangkan cerita ini panjang sangat sudah hendak beralih. Kinabatangan baru masuk, nasib baik dia baru masuk, kalau tidak dia kacau saya Tuan Yang di-Pertua, lagi lambat saya punya cerita nak habis.

Yang kedua masalah bahasa kebangsaan, bahasa kebangsaan. Belum saya cakap lagi fasal kebangsaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lebih elok Yang Berhormat teruskan nanti sembilan perkara memang tidak ada peluang.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Mahu undi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini sahabat saya yang akan beri undi pada saya, saya tidak bagi dia, hilang undi saya. Jemput.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup Yang Berhormat terpaksa duduk ya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading, tadi Yang Berhormat kata kalau jam kita tidak boleh pusing balik memang rosak jam. Tetapi apa yang disuarakan oleh Pasir Mas yang sebenarnya di Sabah, kita telah banyak mengalami banyak pemerintahan bertukar ganti dia Sabah, itu sudah cubaan, sudah kita bagi cubaan untuk itu, jadi dalam percubaan ini kita nampak masalah pembangunan, macam-macam masalah yang kita hadapi, jadi saya kira Ahli Yang Berhormat bersetuju kalau sekiranya rakyat Sabah di seluruh negara ini bila sudah memberi mandat kepada Barisan Nasional dan teruskan kepada Barisan Nasional sehingga kiamat dunia ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Kalabakan, saya amat setuju. Kita sebenarnya berfikiran yang sama terima kasih. Bahasa Kebangsaan Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahasa kebangsaan yang memang dirakam di dalam perlembagaan kita fasal 152, bahasa kebangsaan di negara yang tercinta ini sedang terancam, mahu tidak mahu kenyataan memberikan gambaran bahawa bahasa kebangsaan di negara ini sedang terancam, masa depannya tidak menentu, segala usaha mem..mem....mem...

**Seorang Ahli:** Memartabatkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ...segala usaha memartabatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kita ada peraturan mesyuarat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sekejap Tuan Yang di-Pertua, sekejap. Segala usaha memartabatkan dan mengunggulkan bahasa ini selama ini, selama ini, sebenarnya telah pun nampak kejayaan tetapi kejayaan yang telah mula nampak itu hari ini mula punah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini martabat dan keunggulan bahasa Malaysia yang pada awalnya telah pun dapat kita perhatikan telah mula punah. Sila Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua fasih berbahasa kebangsaan. Persoalannya apakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya semalam iaitu meminta kerajaan kalau boleh memberikan kursus dan latihan kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen supaya boleh menguasai bahasa kebangsaan, agar mesej yang ingin disampaikan oleh kerajaan melalui kementerian termasuk pembangkang boleh disampaikan secara berkesan kepada penduduk Malaysia. Sebab kita mendapati ramai wakil rakyat termasuk pembangkang dan juga di Barisan Nasional pun tidak fasih dalam bahasa Malaysia. Yang Berhormat bersetuju atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak bersetuju. Tidak bersetuju tentang memberi kursus, buat apa susah-susah, jadikan sahaja peraturan siapa yang tidak fasih berbahasa kebangsaan tidak dibenarkan jadi calon, selesai. Apa buang masa hendak memberi kursus, yang tidak fasih berbahasa Melayu, bahasa kebangsaan jangan dibenarkan menjadi calon.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat Tangga Batu pun hendak campur. Sila.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Nombor 34 mesti campur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya memang berminat tentang isu bahasa. Saya pun campur dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan semalam dan saya bertanyakan Yang Berhormat Kinabatangan tentang peperiksaan dan ukuran. Hari ini saya hendak meminta Yang Berhormat bagi Sri Gading

memberikan komen tentang pendapat saya. Sebenarnya fasihnya kita di dalam bahasa kebangsaan ini adalah subjektif. Ia tidak ada sesuatu yang begitu objektif hendak mengatakan orang itu fasih ataupun tidak. Pertama, ia bergantung kepada kesedaran kita, sebenarnya bahasa kebangsaan ini adalah budaya di negara kita.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Sri Gading, ia bergantung kepada pengetahuan kita. Yang ketiga, bagaimana kita membudayakan bahasa ini menjadi inti kehidupan kita. Jadi, Yang Berhormat ketiga-tiga perkara ini saya hendak minta komen Yang Berhormat macam mana berilmunya kita tentang bahasa, macam mana kita menjadikan bahasa ini budaya kita sampai ke peringkat lidah kita pendek, tebal hendak menyebut rokok jadi 'lokok'. Ini bukan salah kita Yang Berhormat macam mana? Jadi, macam mana Yang Berhormat hendak meletakkan fasih ataupun tidak seseorang itu di dalam bahasa. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Fasih itu tidak berapa penting, yang penting ucapan itu, pertuturan itu difahami, cukup. Tetapi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Gulung? Astaghfirullah Tuan Yang di-Pertua, belum apa-apa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah lama berucap, sebenarnya sudah dua hari semalam sampai sekarang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi saya Tuan Yang di-Pertua 10 minit lagi. Saya hendak selesaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey tetapi jangan beri sesiapa. Saya minta orang lain jangan ganggu dia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey, okey.

**Tuan Devamany a/l Krishnasamy:** Soal bahasa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Seluruh dunia, negara Fiji orang fasih bercakap Fiji, di India orang fasih bercakap India, di China orang fasih bercakap China, di England orang fasih bercakap orang putih, di Perancis orang fasih berbahasa Perancis tetapi kenapa di Malaysia orang tidak boleh fasih, tidak boleh pandai, tidak tahu bercakap Melayu, berbahasa kebangsaan, kenapa, sedang bahasa ini sudah pun dirakamkan dalam Perlembagaan kita.

Apakah peminggiran bahasa kebangsaan di negara ini akan dibiarkan begitu rupa atau dibiarkan berterusan. Apakah kerajaan membiarkan terus keadaan yang merugikan ini tanpa membuat apa-apa. Apakah kerajaan berpeluk tubuh melihat keadaan ini berterusan, apakah kerajaan beranggapan bahawa bahasa kebangsaan tidak memberi keuntungan dari segi ekonomi negara. Apakah kerajaan dan rakyat negara ini percaya, oleh sebab Fasal 152 Perlembagaan ini melindungi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara akan membolehkan bahasa kebangsaan itu tetap selamat, hanya percaya dia berada di dalam perlembagaan tetapi kita tidak mengamalkan, tidak hormati bahawa dia tetap selamat. 'Bahasa jiwa bangsa' apakah hanya ungkapan yang telah lapuk, apakah cinta bukan hanya kata-kata, cinta harus dibuktikan, apakah ada rasa cinta kepada bahasa kebangsaan di negara ini, rasa hormat kepada bahasa kebangsaan ini telah pun hilang.

Orang sudah mencampuradukkan bahasa kebangsaan ini dengan bahasa rojak, bahasa pasar, bahasa tidak bernahu, bahasa tidak mempunyai makna dan erti asal, bahasa campur aduk, bahasa ikut suka hati, bahasa direka-reka, bahasa tidak berfungsi, bahasa tepi jalan, bahasa usang, bahasa Melayu bukan, Inggeris bukan, China bukan, India bukan, bahasa pelat, bahasa baku, bahasa baku+Indonesia, bahasa mengikut suku, bahasa mengikut negeri, bahasa utara, bahasa Pantai Timur, bahasa radio, bahasa TV, bahasa DJ, bahasa persuratan, bahasa seni kata lagu, bahasa skrip drama dan filem, bahasa lepak, bahasa istana dan bahasa-bahasa yang lain.

Bagaimana sebenarnya kita mencintai bahasa kita, sedang bercelaru, penggunaan yang tidak dimartabatkan, siapa sahaja saya cabar kepada orang yang cintakan kepada negara ini apakah sikap kita kepada bahasa kebangsaan kita, bagaimanakah kesetiaan kita kepada negara ini, 'bahasa menjadi tunggak kepada perpaduan rakyat dalam negara ini'. Apakah kita lupa bahawa peranan bahasa itu amat penting dalam menyatukan rakyat yang berbilang kaum, berbilang kepercayaan ini. Jangan remehkan bahasa kebangsaan, ianya menjadi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .. ianya menjadi tonggak penghormatan. Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cameron Highlands bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:..** 'bahasa mengenalkan bangsa'. Minta maaf, saya tidak ada masa. Kalau tuan-tuan lihat saya tadi begitu murah joli, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua berikan satu jam, insya-Allah saya bagi siapa sahaja yang hendak campur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada lagi enam minit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kata Hang Tuah, 'Takkan Melayu hilang di dunia'. Saya hendak beritahu orang Melayu jangan terpegun dengan kata-kata hikmat Hang Tuah 'Takkan Melayu hilang di dunia.' Hang Tuah membuat ungkapan ini 'Takkan Melayu hilang di dunia' kerana Hang Tuah rasa orang Melayu macam dia. Itu sebabnya Hang Tuah berani berkata 'Takkan Melayu hilang di dunia' kerana pada dia orang Melayu itu sepertinya mempunyai kegagahan luar dalam, mempunyai kekuatan dalaman, mempunyai segala-gala yang memungkinkan beliau hidup sebagai orang yang bermaruah, dia rasa semua orang Melayu macam ini, maka itu ungkapan keramat ini dikeluarkan oleh Hang Tuah 'Takkan Melayu hilang di dunia'. Tetapi Melayu hari ini bagaimana? Melayu hari ini bagaimana? Apakah Melayu hari ini ada identiti sebagai Hang Tuah, jangan salah faham.

**Seorang Ahli:** Sabar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soal bahasa....

**Seorang Ahli:** Bukan nombor dua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....bukan perkara nombor dua. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua saya merayu hormatilah bahasa. Di dalam swasta Tuan Yang di-Pertua, satu sen dia sudah tidak pandang bahasa kebangsaan, perhubungan di antara mereka dengan kerajaan, dengan orang awam, dengan pekerja menggunakan bahasa yang bukan bahasa kebangsaan, terang-terang. Apakah kerajaan berpeluk tubuh, apakah kita membiarkan perkara ini akan betul secara sendiri. Kita harus faham kedaulatan hari ini dalam masa kita berkuasa kita masih gagal mendaulatkan bahasa kebangsaan ini, jangan harap, *[Disampuk]* rupanya tunjuk begini. Bahasa menyatukan seluruh rakyat.

Saya ringkas Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga mengenai rokok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Perkara yang terakhirlah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Janganlah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah yang terakhir, yang lain akan diberi peluang semasa dalam Jawatan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Rokok Tuan Yang di-Pertua, saya penghisap rokok.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pengamal.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pengamal? Tidak faham pula saya apakah itu pengamal, 'hisap rokoklah' bahasa Melayu. Hisap rokoklah Yang Berhormat Larut macam mana, bahasa kebangsaan dia pun tidak betul [*Ketawa*].

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hilang undi, hilang undi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya tidak marah naik hari itu, tidak marah Tuan Yang di-Pertua, tetapi wajarkah Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun apabila bajet, rokok jadi mangsa. Tiap-tiap tahun Tuan Yang di-Pertua, mesti cukai rokok naik. Kenapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah Yang Berhormat secara tidak langsung menjadi mangsa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Memang jadi mangsa. Baik-baik RM5.50, sudah jadi RM6.60, 50 sen sudah naik RM1.10, kalau dua kotak, RM2.20, kalau kita kira kotak?

**Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ni hendak bertanding pula, kena berapa kotak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Rokok ini pula Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja hisap sendiri, kadang-kadang Yang Berhormat bagi Kinabatangan minta juga, Larut minta juga. Kadang-kadang harga rokok ini sudah lebih mahal. Jadi saya hendak minta kerajaan, tolonglah, saya merayu, tolonglah. Agaknya beberapa tahun akan datang, janganlah naik lagi cukai rokok ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan dihapuskan ya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan hapuskan, kita akan beri sumbangan, cuma saya harap, kasihanlah juga rakyat yang hisap rokok ini, 6 juta orang Tuan Yang di-Pertua. Jangan kata kononnya ini hendak menghindarkan sakit. Kawan saya, setiap pagi pukul 6 pagi, *cross ..... way*, konon *jogging*, udara Selat Tebrau bersih, pukul enam pagi, dua tahun *gone* Datuk, bukan dia hisap rokok, dua tahun *gone*, jalan pasal dia hisap asap ....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Asap kereta!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Asap kereta. Bukan hisap rokok sahaja berbahaya Datuk, pergi jalan ke Petaling Jaya atau mana-mana tempat di mana kilang-kilang dan sebagainya, jalan setengah jam lebih dahsyat dari hisap rokok dua kotak Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* Oh, oh, jangan salah faham. Saya tengok yang belah dada ini pun bukan orang yang hisap rokok, yang tidak hisap rokok pun belah dada juga *[Ketawa]*.

Tolonglah, tolonglah, saya bukan marah kerajaan, kali ini naik, naiklah. Tetapi janganlah kami jadi mangsa setiap kali. Tiap-tiap kali bajet....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Seputeh, apa you hisap rokokkah? Ah, you tidak hisap rokok, jangan kacau sayalah *[Ketawa]* Jangan bagi lah, Seputeh tolonglah, saya tidak ada masa, you pujuk sama Tuan Yang di-Pertualah, kalau dia bagi saya *extra time*, saya bagilah.

**Seorang Ahli:** *Injury time.*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Datuk, haraplah, rokok ini, tolonglah, kami terima ini, saya sokong Datuk apa yang kerajaan sudah naikkan ini, saya sokonglah tetapi cukuplah. Tuan Yang di-Pertua, kalau arak mahu naik, todi mahu naik, itu naiklah Datuk *[Ketawa]*, itu naiklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sahajakah? Tidak ada cadangan untuk kerajaan? Tidak ada? Cukupkah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itu todi, arak, hendak kasi naik, naiklah pasal ini berbahaya. Kalau dia drive kereta, kepala sudah jadi botol, banyak bahaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung. Ini rokok boleh gulung dan boleh berhentilah. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Boleh berhenti rokok atau berhenti cakup Datuk?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dua-dua. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dua-dua Datuk ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lepas itu Yang Berhormat ada masa kena keluar untuk kempen juga. Cukuplah. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Itulah Datuk, saya ada benda lagi hendak cakap, tetapi saya hormat Datuk, Datuk orang yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Datuk memang orang baik, saya nombor dua Datuk, jangan lupa, nombor dua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nombor dua ya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Nombor dua dalam Pengerusi Tetap UMNO, Datuk tolong sama jugalah Datuk. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau saya ada kuasa undi, saya mesti sokong, berikan undi. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Datuk, saya harap Datuk gunakan kuasa, tolong sama saya Datuk. *[Ketawa]* Okay Datuk, terima kasih banyak, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, Kalabakan.

**11.49 pagi.**

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Bajet yang saya anggap sebagai mesra rakyat. Saya tidak mahu berhujah panjang seperti mana yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading mengenai dengan pembentangan kerana Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, dalam 15 minit, mukadimah pembentangan Bajet 2005 yang disampaikan oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang kita nampak, peruntukan yang kedua, yang terbesar dibahagikan kepada .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Nombor calon, Tuan Yang di-Pertua kata tidak boleh dikeluarkan di sini kerana ini bukan kempen Majlis Tertinggi. Jadi bajet yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan, yang terbesar ialah Kementerian Pelajaran. Saya beranggapan bahawa kena pada tempatnya bahawa bajet ini begitu besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam surat khabar kelmarin, dalam *Berita Harian* kerana ia adalah surat khabar kegemaran keluarga saya, ada *interview* dan di sini tajuknya, "Belajar percuma, hapus kemiskinan". Ini betul, belajar percuma, hapus kemiskinan kerana Tuan Yang di-Pertua, di luar-luar bandar bukan sahaja di Sabah bahkan di seluruh negara, kita dapati bahawa sekolah-sekolah kebangsaan selain daripada kekurangan yang kita ada, asas-asas pembelajaran ini tidak ada sama sekali, kita dapati ada banyak bayaran dikenakan kepada murid-murid sekolah di luar-luar bandar selain daripada bayaran PIBG, macam-macam pembayaran dibuat. Saya sudah suarakan perkara ini beberapa kali. Kita mahu kerajaan prihatin selain daripada membayar apa juga *fee* kepada sekolah-sekolah. Kita mahu kalau boleh budak-budak di luar bandar ini diberi kasut, seluar, uniform percuma kepada rakyat yang miskin. Ini penting kerana kalau kita tidak berbuat demikian, saya percaya tahun 2005, tahun 2010, kemiskinan tidak dapat dihapuskan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita miskin, rakyat di luar bandar miskin, akan menjadi masalah kepada kita kerana apabila negara kita maju, rakyat kita, orang Melayu, bumiputera ini miskin, tentunya dia memberontak, mereka ini memberontak. Apabila mereka memberontak, maka rancangan kita untuk membangunkan negara ini tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berhujah panjang hal Kementerian Pelajaran kerana masa mungkin tidak mencukupi untuk saya merangkumi semua tajuk. Tetapi apa yang saya perhatikan, dalam bajet, rokok dan arak dinaikkan. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, tidak bersetuju sama sekali kerana meminta supaya rokok ini tidak lagi dinaikkan tahun hadapan.

Saya cadangkan mungkin kita mahu naikkan cukai rokok dan arak ini, mungkin berlipat ganda lagi kerana tabiat kedua-dua ini, merokok dan minum arak ini memang pepatah Melayu kata, baik rokok, baik arak, ini memang sudah tidak baik, disebut tahi, sudah tidak baik. Tetapi apa yang mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua, apabila arak naik, orang kata tidak apalah, jangan minum di luar, kita minum di atas kapal terbang MAS kerana di sana *free* minum arak.

Tuan Yang di-Pertua, rokok dalam Islam tidak haram, tetapi arak dalam Islam haram. Syarikat Penerbangan Malaysia melayan tetamu, penumpang-penumpang dengan arak, dengan tidak ada sekatan. Kalau penerbangan dari Kuala Lumpur ke Australia lima jam, boleh minum arak lima jam. Jadi Tuan Yang di-Pertua, beberapa

minggu yang lalu, keluarga bercuti membawa anak-anak sekolah ikut Syarikat Penerbangan Malaysia. Kebetulan dalam kapal terbang kita, tidak diasingkan kepada yang minum arak dan yang tidak minum arak, bercampur aduk. Keluarga, anak-anak, lelaki, perempuan duduk dalam kapal terbang bercampur aduk. Di sebelah tepinya, orang minum arak lima jam, mereka sudah boleh mabuk. Jadi apa macam orang yang tidak minum ini? Apa macam orang yang tidak minum ini boleh selesa kerana yang di tepi ini bisung dan macam-macam perangai yang dibuat.

Jadi, saya cadangkan kalau bolehlah kerana ini sudah dalam Islam mengatakan arak ini haram, maka Syarikat Penerbangan Malaysia ini jangan mengharamkan rokok sahaja dalam kapal terbang, bahkan arak pun kita haramkan kerana ini akan memberi keistimewaan kepada penumpang-penumpang yang tidak minum. Ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya mahu tujukan cadangan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kalau kita datang daripada KLIA atau kita ikut teksi-teksi di Kuala Lumpur, sering kali kita tanya kepada pemandu-pemandu, "Pak Cik, siapa punya teksi?". Dia kata, "Bukan kita punya, nak. Kita sewa teksi". "Sewa dari mana?" "Dari syarikat-syarikat yang besar, yang beli teksi untuk disewa kepada pemandu-pemandu".

Ini amalan tidak sihat, Tuan Yang di-Pertua. Amalan tidak sihat. Kita mahu membantu bumiputera, kita mahu membantu rakyat kita, tetapi sementara itu, kita mahu ada syarikat yang menyewakan teksi kepada kita. Mengapa tidak beri terus kepada pemandu? Mengapa kita mahu melalui satu syarikat? Adakah kerajaan mempunyai faedah daripada syarikat ini, atau syarikat ini kepunyaan kerajaan? Yang saya tahu bukan kepunyaan kerajaan. Kalau ia sekalipun jadi kepunyaan kerajaan, kita tidak bersetuju kerajaan ada syarikat, apa lagi kalau syarikat ini syarikat swasta.

Jadi, saya mencadangkan di sini supaya mungkin Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini, kerana Menteri sudah menyatakan dahulu, tidak mahu memberi kepada syarikat-syarikat untuk mereka menyewakan kepada individu-individu tersebut. Kita bagi *direct* kepada orang yang betul-betul mahu cari makan atau mereka yang menjalankan teksi-teksi di Kuala Lumpur dan di tempat-tempat yang lain. Ini cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah, kita nampak banyak tempat perjudian tumbuh sebagai cendawan. Kelab-kelab *jackpot* tumbuh sebagai cendawan. Kalau kita tanya,

ini kuasa Kerajaan Persekutuan. Saya dahulu sudah katakan jangan sampai rakyat Sabah ini jual baju dan celana untuk mahu main judi. Jangan sampai rakyat di Sabah ini jatuh ke taraf kemiskinan kerana perjudian yang kita galakkan. Ini saya boleh anggap bahawa kerajaan menggalakkan perjudian di Sabah. Kerajaan yang menggalakkan, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan yang menggalakkan perjudian di Sabah dan di tempat-tempat lain. Kita nampak kelab-kelab ini tumbuh macam cendawan.

Akhirnya apabila mungkin, Tuan Yang di-Pertua datang ke Sabah, kita nampak mungkin, Tuan Yang di-Pertua tanya, "Mengapa orang Sabah ini tinggal seluar dalam sahaja?" [Ketawa] Jawapannya ya, senang, "Mereka sudah jual baju dan seluar ini kerana mereka sudah kalah judi". Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya kelab-kelab perjudian *jackpot* ini, lesen-lesen yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan ini kita tarik balik. Kita tarik balik, kalau kita tidak mahu nampak rakyat Sabah menjual baju dan seluar mereka. Kita mahu tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya berhujah tentu sekali saya tidak mahu cerita pasal Sabah sahaja, atau pasal negara sahaja, kita mahu campur aduk supaya orang-orang yang mendengar boleh selesa dengan hujah-hujah. Di Kuala Lumpur, kita nampak Kuala Lumpur bandarnya indah, kita nampak Kuala Lumpur bangunan yang mencakar langit. Kita nampak tempat-tempat perhatian di depan-depan sangat cantik, tetapi apa yang mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur di hadapannya bersih, di belakang kotor.

Kita pergi di belakang-belakang kedai, *back lane* di mana-mana sampah sarap kita nampak di sana dan nampak di sini. Jadi, kita minta, mungkin ada Menteri Wilayah Persekutuan, menteri apa sekali pun yang kita ada, cuba kita lihat ke belakang-belakang kedai, tepi-tepi jalan, di longkang-longkang, sangat kotor. *Tourist* memang tidak dibawa ke tempat yang kotor, tetapi bagi kita, rakyat warga negara Malaysia ini, memang kita mahu pergi ke semua tempat, kerana selain daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, wakil rakyat, kita berkeliaran juga untuk pergi ke tempat-tempat, kita mahu tahu dan kita suarakan pandangan kita untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada orang yang mengatakan bahawa suara-suara yang ada di sini adalah seolah-olah pembangkang. Itu saya tidak setuju, kerana kita dalam Barisan Nasional apabila diberi mandat 90%, kerusi dalam Dewan Rakyat

ini, kita mahu menyuarakan yang tidak baik, cadangkan kepada kerajaan, walaupun ia tidak senang didengar, tetapi untuk kebaikan kita, maka kita suarakan. Itulah sebabnya kita berani, kita berani menyuarakan, kita tahu pucuk kepimpinan kita terbuka, mahu mendengar apa juga teguran-teguran, maka kita berani menyuarakan.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang ada di Sabah ialah soal dokumen-dokumen yang ada, yang rakyat tidak ada dokumen seperti IC, seperti kad pintar, macam-macam dokumen. Di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang tinggal di luar bandar, kebanyakan mereka ini tidak ada sijil beranak, mereka pergi sekolah, darjah satu hingga *form five*, tingkatan 5. Hingga tingkatan 5, tidak boleh masuk ke pusat pengajian tinggi kerana dokumen atau kad pengenalan tidak ada. Kita punya masalah.

Apabila mahu pergi ke pusat pengajian tinggi, mereka tidak ada sijil beranak, tidak ada IC, maka bermasalahlah ibu bapa dan anak yang sudah sampai ke *form five* ini. Ada beberapa kes yang kita bawa, ke Pendaftaran Negara, bawa jumpa dengan menteri yang bertanggungjawab, bertahun-tahun tidak dapat diselesaikan.

Mengapa susah sangat? Sebenarnya tidak susah. Kalau di kampung, di kawasan-kawasan Parlimen semua di seluruh negara ini kalau ada rakyat Orang Asli atau bumiputera yang berasal daripada kampung dan ada surat pengesahan daripada wakil rakyat, dari ketua kampung, bagi sahajalah sebab kita sudah tahu bahawa ini adalah satu *genuine case* tapi tidak dibuat. Tetapi kita nampak ada orang asing yang masuk tiga bulan sudah ada MyKad dan ada pasport. Bukti kita ada. Apabila kita tanya kepada kementerian dia kata ini sindiket. Bagus jika begitu kalau ada sindiket, lain kali kita tidak mahu buat urusan dengan kerajaan. Kita ikut sindiket kerana apabila ikut sindiket cepat, tiga bulan sudah dapat.

Jadi, apa akan jadi dengan negara kita ini kalau sindiket boleh buat kad pengenalan, MyKad, pasport dalam masa tiga bulan sudah keluar, lagi baik ikut sindiket. Mungkin kita boleh berniaga pula. Kita terlalu ketat sehingga rakyat kita, sehingga perkara yang menguntungkan kita pun kita ketatkan sehingga kita tidak untung.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua tidak main golf. Saya pun jarang-jarang main golf tapi saya baca akhbar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adalah Yang Berhormat, sekali sekala.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Ada main golf? Kenal Vijay Singh? Tuan Yang di-Pertua kenal Vijay Singh? Vijay Singh ini sudah menjadi pemain nombor satu dunia. Vijay Singh ini tinggal di Sabah yang berkahwin dengan orang Kadazan bumiputera di Sabah. Minta kerakyatan di Sabah, di Malaysia kita tetapi dipersulitkan. Tidak dapat walaupun sudah cukup tinggal di Sabah. Kalau sepuluh tahun *requirement*, sudah lebih sepuluh tahun tinggal. Minta kewarganegaraan, menunggu begitu lama tetapi tidak dapat dan mereka keluar.

Pemain ini keluar dari Sabah dan balik ke Fiji. Sekarang orang kata orang Fiji pemain nombor satu dalam dunia. Kalau kita bagi *citizenship* Malaysia kepadanya, hari ini orang kata, wah, Malaysia ini bukan main hebat. Sekarang dia punya warganegara sudah menjadi pemain nombor satu dalam dunia. Ini masalah kita. Di Jepun, padahal orang Jepun ini *strict* untuk memberi kemudahan-kemudahan kerakyatan kepada orang luar, tapi dia bagi. Orang putih pun dia bagi. Kalau main bola pasukan Jepun, warganegara Jepun, kenapa boleh? Sedangkan kita ini orang sudah tinggal berbelas tahun di sini tidak dapat. Banyak kes-kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak mahu saya panjangkan perkara ini sebab ada perkara-perkara lain yang saya fikir mustahak. Kita mempunyai ramai pemuda-pemuda, remaja-remaja yang lepak. Mereka ini habis sekolah tidak pula. Lepak kadangkala sehingga tengah malam. Jadi macam mana kita hendak membanteras pemuda-pemuda yang melepak sahaja ini. Tentu sekali mesti ada cara kita bagaimana mahu mencegah mereka ini melepak.

Satu daripadanya mungkin mereka ini dapat diberikan aktiviti-aktiviti sukan di sekolah-sekolah. Habis sekolah mungkin ada aktiviti sukan dan kemudian kita buat satu peraturan di dalam negara kita ini semua remaja tidak boleh berkeliaran dalam bandar waktu malam. Kita berikan tempoh 10.00-10.30 malam remaja yang di bawah 18 tahun ke bawah kita sapu semua, kita tangkap semua. Biarkan ibu bapa mereka datang untuk jamin anak-anak ini daripada balai.

Jadi pada malam hari walaupun mungkin kita punya disko, kita punya pusat-pusat hiburan ini sampai dua pagi, tetapi kita tidak nampak anak-anak kita. Semua yang dewasa. Di bawah 18 tahun tidak ada. Jam sepuluh polis akan geledah seluruh negara di mana juga, dalam bandar, luar bandar tangkap, masuk. Ini harus supaya kita boleh mengawal remaja yang melepak. Tuan Yang di-Pertua, kita banyak kaunter-kaunter perkhidmatan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Apabila bercakap tentang belia dan remaja ini saya bersemangat sedikit. Tetapi apabila mendengar hujah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan tadi, saya berasa gundah gulana apabila kita tangkap anak-anak remaja atau belia yang tidak berhaluan ini, sudah tangkap hendak letak di mana, Yang Berhormat bagi Kalabakan? Cuba Yang Berhormat bagi Kalabakan berikan sedikit penjelasan kepada masalah ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Terima kasih. Kalau kita tangkap tentu kita tahu di mana kita mahu letak. Takkan polis tangkap sahaja kemudian letak di tepi jalan? Memang ada tempat dia berlindung dan sebab itulah saya cadangkan kerana ini ialah untuk kebaikan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kaunter-kaunter perkhidmatan ini banyak kaunter untuk .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. Bila kita bercakap mengenai golongan muda belia ini, ini adalah golongan yang semua orang berkata bahawa sangat penting untuk diberikan perhatian dan kita harus lebih berhati-hati. Saya bersetuju dengan sahabat saya Tangga Batu itu. Kita jangan main tangkap sahaja sebab ramai. Ini adalah golongan belia yang sangat ramai.

Saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat, tidakkah lebih baik belia-belia ini yang berisiko sama ada yang berisiko tinggi untuk lepak, tidak buat apa-apa ataupun belia yang suka lumba haram ataupun lumba motor, saya tidak akan haramkan dahulu ataupun belia yang berisiko untuk menjadi penagih dadah, boleh atau tidak mereka ini dikenal pasti terlebih dahulu, selepas itu diadakan satu program yang bersesuaian dengan mereka dahulu sebelum sesuatu tindakan yang drastik diambil seperti Yang Berhormat cadangkan tadi. Bukan saya hendak kata tidak setuju. Itu sepatutnya tindakan paling akhir, jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya setuju pandangan daripada Yang Berhormat. Kita perlu kenal pasti. Itulah saya katakan apabila sudah kita kumpul mereka, kita sapu dahulu semua dan kenal pasti. Yang Berhormat katakan motor ini memang saya setuju. Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita mahu marah budak-budak muda ini main motor, sebetulnya kita tidak boleh marah terus mereka ini main motor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya perlu ingatkan ada empat minit lagi.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Itulah kadangkala Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kadangkala kita punya masa kecederaan ini tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Jadi, main motor ini Tuan Yang di-Pertua,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** .....tidak apa, saya boleh gulung kemudian. Main motor ini, ada satu cerita, budak-budak main motor ini kadangkala kalau kita keras sangat kepada mereka, mereka lagi jahil. Jadi apa yang ustaz fikir untuk memperbaiki budak-budak main motor ini, dia kata "Okey, kita mahu main motor". Dia ikut main motor, kemudian dia bilang "Okey, sekian masa kita berhenti dahulu kerana ini masa sembahyang". Jadi budak-budak tanya, "Main motor ini ustaz, okeykah?" "Okey", ustaz cakap. Main motor boleh tapi jangan kita lalai daripada tanggungjawab kepada Allah S.W.T.

Maka ini pendekatan yang baik. Jadi, jangan kita bilang: "Hei, main motor, kita kotor. Kita terus kotor." Tidak! Walaupun dia penagih, kita tidak boleh terus kutuk dia kerana kalau kita kutuk dia, dia akan lari. Mesti ada pendekatan, Tuan Yang di-Pertua, mesti ada pendekatan yang baik untuk kita memujuk mereka ini. Kalau kita sudah sapu tengah malam, mereka berkeliaran, kita sapu dan kita bagi pendekatan lain yang mana lepak-lepak, yang mana penagih-penagih, di sana kita boleh *identify group* ini dan kita boleh usahakan di mana sepatutnya kita mahu bubuh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhir ini, saya ingin mengatakan mengenai kaunter-kaunter perkhidmatan. Kaunter-kaunter perkhidmatan ini banyak – MAS ada kaunter, Jabatan Imigresen ada kaunter dan macam-macam kaunter. Jadi, apa yang

saya mahu cadangkan di sini, kaunter-kaunter yang ada ini ada yang baik dan ada yang tidak baik, tidak bersopan sama sekali. Ada yang kita nampak kaunter-kaunter yang duduk, dia kasar. Dia kasar kepada pelanggan.

Kita mahu mereka ini bersopan-santun. Kita mahu mereka ini melayan tetamu-tetamu kita supaya apabila misalan pelancong-pelancong datang, dia nampak kaunter-kaunter yang dibuka, terutama sekali Jabatan Imigresen dan lain-lain, kita melayan mereka, maka mereka senang hati dan mereka datang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhir kalam ini, saya sebenarnya merasa bangga kerana dahulu negara-negara yang membangun mengkritik kita. Kita buat Putrajaya dia kritik, kita buat KLIA dia kritik, kita buat macam-macam, bangunan mencakar langit dia kritik, tetapi ini, Tuan Yang di-Pertua, membanggakan kita. Kalau kita pergi ke KLIA, kita nampak banyak penumpang yang datang daripada luar, kita bukan 30 atau 40 kaunter Imigresen, kita selesa. Kita punya tetamu dari luar negeri selesa.

Tetapi kalau kita pergi ke luar negara, misalnya di London, di Heathrow, dia punya kaunter ada empat sahaja – 10,000 orang dia begitu, dia punya *line*. Kenapa mereka mahu kritik kita? Kerana mereka tidak ada keupayaan. Mereka iri hati kepada kita kerana kita punya cara adalah cara yang paling baik, yang boleh menyenangkan kepada kita semua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memang prihatin dengan masa. Saya tidak mahu ditegur untuk berhenti, maka saya berhenti dengan sendirinya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya masa dan saya tidaklah mahu memuji dengan puji-pujian yang lain, tetapi saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Lanang.

**12.18 tgh.**

**Tuan Tiong Thai King [Lanang]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyuarakan pendapat saya berhubung beberapa isu semasa negara yang penting. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaan beliau membentangkan Bajet 2005.

Walaupun Bajet 2005 kurang membawa banyak berita yang amat menggembirakan namun menerusi Bajet 2005, kita dapat memperlihatkan keteguhan dan kemantapan polisi pemerintahan Perdana Menteri kita. Komitmen beliau adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik bagi rakyat Malaysia. Usaha Perdana Menteri dalam mengurangkan angka defisit selama sembilan tahun yang lalu membuktikan kecekapan beliau dalam mengurus sumber kewangan negara dan mewujudkan keseimbangan antara perbelanjaan dan pendapatan negara.

Bagi merealisasikan matlamat kerajaan untuk menjadikan sistem pendidikan bertaraf dunia, sektor ini telah menerima peruntukan mengurus yang terbesar dalam Bajet 2005 iaitu sebanyak RM2.1 bilion bagi Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Angka ini membuktikan keazaman kerajaan dalam memupuk generasi muda yang berpengetahuan, berkaliber dan profesional untuk memikul tanggungjawab terhadap kesinambungan pembangunan negara. Usaha ini wajar mendapat perhatian kerana perkembangan dan kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada keberkesanan sistem pendidikan sesebuah negara itu.

Berikut adalah pendapat saya tentang beberapa isu negara yang ingin saya ketengahkan.

Yang pertama, ialah soal pengiktirafan sijil pendidikan dari sekolah Cina. Soal sekolah swasta Cina adalah salah satu isu yang sentiasa diambil berat oleh masyarakat Cina pada keseluruhannya. Setakat ini di seluruh Malaysia terdapat 60 buah sekolah swasta Cina dan jumlah pengambilan pelajar pada setiap tahun mencecah angka 50,000 orang. Walaupun ia tidak diterima dalam sistem pendidikan formal di negara kita, namun sumbangannya dalam melahirkan generasi yang berpotensi dan menjadi penggerak dalam pembangunan dan kemajuan negara tidak patut dipandang ringan.

Di bawah Akta Pendidikan 1963, Sijil Peperiksaan Sekolah Swasta Cina adalah tidak mendapat pengiktirafan oleh pihak kerajaan. Namun pada pendapat saya, sistem pendidikan mempunyai era dan masanya yang tersendiri yang tidak boleh dipisahkan dengan proses kemajuan dan pembangunan sesebuah masyarakat.

Oleh itu dalam melangkah ke satu era yang baru, saya berpendapat kita patut meninjau semula Akta Pendidikan kita dan pada masa yang sama menilai semula taraf dan kewujudan sekolah swasta Cina di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kaya dengan pelbagai bahasa, budaya dan adat resam hasil daripada rakyatnya yang berbilang bangsa, kaum dan agama. Kekayaan dan keunikan ini harus kita hargai dan kekalkan. Oleh itu, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan patut mengiktiraf dan menerima sistem sekolah swasta Cina ke dalam sistem pendidikan formal di negara kita.

Berikut adalah beberapa sebab yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan dalam pengiktirafan status sekolah swasta Cina di negara kita:

- (a) sekolah swasta Cina mengutamakan kepentingan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Cina. Penekanannya terhadap nilai-nilai positif dan tatasusila yang tinggi secara langsung telah melahirkan generasi muda yang berpotensi dan berwawasan.
- (b) Kebanyakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan seperti Universiti Multimedia, Universiti Tuanku Abdul Rahman, Universiti Perubatan Antarabangsa dan Universiti Tenaga Nasional adalah telah mengiktiraf Sijil Peperiksaan Sekolah Swasta Cina. Selain itu, hampir 500 buah institusi pengajian tinggi luar negara seperti di Amerika Syarikat, Britain dan Singapore turut mengiktiraf sijil peperiksaan dari sekolah swasta Cina dengan menerima pelajarannya untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi mereka. Penerimaan yang meluas ini telah membuktikan kualiti dan taraf pendidikan sekolah swasta Cina.
- (c) pengiktirafan pihak kerajaan terhadap pelajar lulusan sekolah swasta Cina dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan guru bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dalam negara. Ini kerana pengiktirafan ini secara langsung akan menambahkan bilangan calon yang layak diterima untuk dilantik ke Maktab Perguruan dalam jurusan bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perkembangan semasa yang memperlihatkan peningkatan kepentingan bahasa Cina di peringkat dunia, saya amat

berharap pihak kerajaan dapat mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengiktiraf dan menerima sekolah swasta Cina ke dalam sistem pendidikan formal di negara kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu isu tentang pelaksanaan tugas oleh sesetengah kakitangan kerajaan yang tidak mengikut sepenuhnya polisi yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ini kerana saya merasakan terdapat unsur diskriminasi dalam hal berkaitan dengan peruntukan bagi persatuan agama secara amnya. Negara kita merupakan sebuah negara yang rakyatnya diberi kebebasan beragama. Namun, terdapat ketidaksamaan layanan dari segi penerimaan dana untuk pembangunan persatuan agama dan aktiviti yang dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi menanggung kos aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan agama seperti Katolik atau Metodis juga tidak mendapat kelulusan walaupun sesetengah aktiviti yang dianjurkan itu tidak berkaitan langsung dengan hal keagamaan seperti projek pemulihan dadah. Saya ingin menunjukan persoalan ini kepada Pejabat Perdana Menteri, bolehkah peruntukan yang diberi kepada Ahli Parlimen disalurkan kepada persatuan agama seperti Katolik, Metodis dan lain-lain. Dengan itu saya berharap pihak kerajaan akan mengamalkan sikap berfikiran terbuka dalam mengendalikan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan kerajaan bahawa usaha membanteras ajaran agama sesat tidak harus dilalaikan dan patut diberi keutamaan agar generasi muda kita tidak dipengaruhi oleh ajaran sesat tersebut.

Ketiga, soal kebajikan dan subsidi kerajaan – sebagai seorang wakil rakyat, saya sering menerima permintaan daripada keluarga yang menghadapi masalah ekonomi untuk mendapatkan bantuan. Contohnya, ibu bapa yang terbiar, terlantar ataupun keluarga yang menghadapi masalah kewangan apabila suami yang menjadi pencari nafkah utama, cacat akibat ditimpa kemalangan serta ibu-ibu tunggal. Pendapatan golongan ini adalah kurang dan tidak tetap. Situasi yang memilukan ini menyebabkan kebanyakan mereka tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Golongan yang terdesak ini biasanya mengharapkan bantuan dari Jabatan Kebajikan untuk mendapatkan subsidi kerajaan tetapi menurut pemahaman saya terdapat ramai lagi golongan miskin yang layak menerima bantuan tetapi masih belum

menerima bantuan kewangan kerana dana yang diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan adalah tidak mencukupi. Dalam jabatan ini, nasib golongan ini hanya bergantung kepada bantuan daripada orang ramai yang prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas, janda-janda diberi bantuan kebajikan sebanyak RM55 sebulan untuk setiap anak yang masih bersekolah dan RM50 bagi anak yang belum bersekolah. Jumlah maksimum bagi sesebuah keluarga adalah RM250 sebulan. Namun pada tahun ini bantuan kebajikan yang diberikan hanya RM60 bagi sesuatu keluarga sebulan tanpa mengambil kira anak yang perlu disara atau faktor-faktor lain.

Pada pendapat saya jumlah ini adalah tidak memadai untuk mencapai tujuannya tambahan pula kadar inflasi negara kita yang meningkat. Pada pendapat saya, selaras dengan langkah pembangunan dan kemajuan negara, sistem kebajikan negara harus dipertingkatkan dan diperbaiki. Ini kerana kegagalan untuk mewujudkan taraf ekonomi dan sosial yang seimbang di antara golongan miskin dan kaya akan mewujudkan satu kesan masyarakat pembangunan yang kurang sihat dan tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kebajikan di negara-negara seperti Perancis, Denmark, Sweden, Switzerland dan lain-lain adalah sistem kebajikan yang boleh kita contohi. Di negara-negara ini, liputan sistem kebajikan mereka adalah luas dan menyeluruh. Aspek kebajikan warganegara adalah termaktub dalam undang-undang negara bagi memastikan hak ke atas kebajikan mereka sentiasa terjamin khususnya di kalangan warga emas.

Dengan itu sekali lagi saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan agar meninjau sistem kebajikan di negara kita agar satu sistem yang lebih praktikal dan menyeluruh dapat dirangka demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat. Memandangkan masih terdapat banyak lagi golongan miskin yang memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan maka saya mencadangkan agar peruntukan tambahan diberikan kepada Jabatan Kebajikan agar lebih banyak orang yang memerlukan bantuan akan mendapat faedah daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan Persekutuan agar meluluskan skim pinjaman kepada mangsa kebakaran rumah panjang bagi tujuan penempatan semula. Tuan Yang di-Pertua, kaum Iban merupakan kaum yang terbesar di negeri Sarawak. Salah satu ciri keunikan kebudayaan mereka adalah

rumah panjang mereka. Sudah menjadi satu amalan kekeluargaan mereka untuk tinggal bersama dalam satu rumah panjang yang biasanya terdiri daripada tiga pintu hingga 80 pintu satu keluarga.

Setiap tahun ada kes kebakaran yang berlaku ke atas rumah panjang mencecah dua angka. Akibat kekurangan sumber kewangan, mereka biasanya mengambil kira-kira tiga hingga lima tahun untuk membina semula rumah panjang mereka. Walaupun sering kali terdapat beberapa pihak yang prihatin dalam memberikan bantuan, namun bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak hanya setakat menempatkan mereka secara sementara sahaja. Jumlah yang diperlukan untuk membina semula adalah jauh lebih banyak untuk menampung keseluruhan kos pembinaannya. Dengan itu saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan dapat merangka satu sistem pinjaman yang menyeluruh bagi membantu mangsa kebakaran rumah panjang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa mulai 1 November 2004, semua pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia dikehendaki menghadiri dan lulus kursus induksi bagi mendapatkan sijil yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Tujuan utama adalah untuk membantu pekerja asing dalam memahami budaya dan bahasa kita. Namun pada pendapat saya, kewajipan ini adalah tidak praktikal untuk dikuatkuasakan di negeri Sarawak atas sifat-sifat berikut:

Perama, bersamaan dari segi budaya dan bahasa pengantar. Dari segi sejarah, Sarawak, Sabah dan Kalimantan adalah terlingkung dalam satu wilayah iaitu Kepulauan Borneo. Terdapat beberapa persamaan yang ketara dari segi budaya dan bahasa pengantaraan di antara pekerja asing yang berbangsa Indonesia dengan masyarakat tempatan. Malah, sesetengah dialek yang dipertuturkan adalah sama. Persamaan dari segi budaya dan bahasa pengantaraan ini banyak membantu dalam mengelakkan berlakunya konflik di antara pekerja asing dengan warga tempatan. Pekerja Indonesia yang bekerja di Sarawak didapati dapat bergaul rapat dan hidup harmoni dengan masyarakat Sarawak. Ini terbukti dengan kadar perkahwinan yang tinggi di antara rakyat Indonesia dengan rakyat tempatan.

Yang kedua, pendekatan bilangan kos operasi syarikat. Di dalam situasi perkembangan ekonomi global yang kurang stabil ini, khasnya dari segi ketidaktentuan harga minyak, kerajaan patut sensitif dan prihatin dalam usahanya untuk merangka sebarang syarat yang berpotensi mempengaruhi kepentingan dan kemajuan syarikat.

Ini adalah kerana kos operasi merupakan faktor penentu yang akan mempengaruhi perkembangan dan pembangunan sesebuah syarikat. Pengenalan syarat ini secara langsung akan meningkatkan kos operasi syarikat dan membimbangkan syarikat dari sektor intensif buruh.

Yang ketiga, kewajaran perbelanjaan sumber kewangan ke atas pekerja asing sementara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soalan bahawa adalah wajar bagi kita membelanjakan sumber kewangan kita di atas tenaga kerja asing yang bersifat sementara ini. Adakah wajar bagi kita untuk membayar RM350 bagi setiap pekerja asing bagi mereka menghadiri *courses* industri ini?

Pada pendapat saya adalah, ia memang wajar dan sesuai jikalau para majikan menggunakan peruntukan ini untuk melatih dan mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan mereka. Ini kerana, purata tempoh tinggal bagi pekerja asing adalah dari beberapa bulan ke dua tahun sahaja. Di samping itu, kemahiran yang ditekankan oleh pihak majikan apabila mengupah pekerja adalah dari segi kemahiran teknikalnya dan bukanlah dari segi keupayaan mereka dalam lain-lain penguatkuasaan bahasa.

Yang keempat, masalah sosial. Menurut statistik dari pihak Polis Diraja Malaysia Sabah dan Sarawak, angka penglibatan pendatang asing dalam kes jenayah adalah rendah dan bukanlah berada di tahap yang membimbangkan. Lebih-lebih lagi, fenomena penglibatan seseorang dalam kes jenayah ini adalah berkait rapat dengan pembentukan keperibadian dan latar belakang seseorang itu. Faktor ini tidak boleh diubah dengan menghadiri kursus selama beberapa hari sahaja. Oleh itu, keberkesanan *courses* ini adalah amat dipertikaikan. Sebaliknya, saya berpendapat bahawa salah satu sebab utama yang menyumbang kepada kadar penglibatan pekerja asing dalam kes jenayah yang rendah di negeri Sarawak adalah kerana kami berkongsi beberapa persamaan dari segi budaya.

Yang kelima, tanggungjawab mewujudkan sesuatu tempat kerja yang harmoni dan kondusif. Adalah menjadi tanggungjawab pihak majikan untuk mewujudkan menyediakan suasana tempat kerja yang kondusif dan harmoni untuk para pekerjanya. Saya difahamkan bahawa, pihak majikan sentiasa mengadakan sesi orientasi kepada pekerja baru untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan keadaan kerja dan tempat tinggal mereka. Di samping itu, taklimat dan latihan dari segi *technique close* sentiasa diberikan oleh pihak majikan kepada pekerja asing agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan lancar.

Justeru itu, saya berpendapat bahawa, dari segi aspek ini, pihak majikan telah dan sentiasa melaksanakan tanggungjawab mereka. Sebagai kesimpulannya, saya berpendapat bahawa, pengenalan kursus industri ini adalah tidak sesuai untuk dikuatkuasakan di negeri Sarawak. Maka, saya merayu kepada pihak kementerian berkenaan agar negeri Sarawak dapat diberi pengecualian dalam hal ini berdasarkan sifat-sifat yang dinyatakan di atas. Dengan itu, saya berharap pihak kementerian dapat mempertimbangkan permintaan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dengan hujah-hujah ini, saya ingin menyokong penuh Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini dan saya berharap agar cadangan-cadangan saya di atas akan mendapat pertimbangan sewajarnya oleh pihak kementerian berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Rahman bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Gombak.,

**12.42 tgh.**

**Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk terlibat dalam perbincangan ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan juga kepada Kerajaan Malaysia kerana berjaya membentangkan satu bajet yang saya kira satu bajet yang *holistic* dan yang kedua satu bajet yang mengambil kira keperluan semua lapisan rakyat. Bajet yang mengambil pendekatan kepada empat strategi iaitu melihat kepada kecekapan dan pengurusan kewangan ke arah ekonomi yang berasaskan nilai ditambah yang tinggi dan ke arah membangun sumber manusia dan peningkatan kualiti hidup.

Jadi, kita melihatkan keempat-empat strategi itu memang sesuai dengan keadaan semasa dan tuntutan zaman. Strategi empat serampang ini bukan sahaja akan membantu peningkatan ekonomi tetapi juga akan mengurangkan defisit fiskal. Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa membangun sumber manusia, peningkatan produktiviti, menggalakkan kemampuan R&D serta mencari sumber baru untuk peningkatan ekonomi adalah amat penting, di samping ini dapat memantapkan terus sektor swasta dan ini adalah merupakan cabaran yang seterusnya untuk memastikan kekukuhan ekonomi negara.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, bajet pendidikan yang diberikan ialah sebanyak RM21.5 bilion yang mana untuk Kementerian Pelajaran ialah RM16.7 bilion, untuk Pengajian Tinggi ialah RM6.5 bilion. Kalau kita lihat, peruntukan ini amat tinggi dan menjangkau kepada 25% daripada bajet keseluruhan. Kita memang mengalu-alukannya kerana melalui pendidikanlah terletaklah kesinambungan maruah bangsa kita dan negara.

Kita tahu bahawa peranan Kementerian Pelajaran tidak boleh dinafikan. Jadi, sesuai dengan bajet yang begitu besar diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran iaitu peranan Kementerian Pelajaran yang saya lihat, pertama ialah memberi pendidikan asas dalam melahirkan insan dalam bentuk akademik, akhlak dan juga kita dapat mengeluarkan insan yang mempunyai watak ataupun *character building* yang baik, insan yang berkualiti sesuai dengan tuntutan zaman dan kehendak semasa.

Yang kedua, kita tahu bahawa salah satu peranan yang penting ialah untuk menjadi tempat memupuk perpaduan seterusnya dan dapat menghasilkan generasi manusia yang berpadu dan patriotik kepada negara. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ingin saya bawa ialah, sudahkah kita dapat mencapai matlamat tersebut dan bagaimanakah bajet yang begitu besar itu dapat kita gunakan sebaik mungkin ke arah merealisasikan kepada tujuan yang begitu murni itu. Soal memperkasakan sekolah kebangsaan telah menjadi agenda. Kita tahu, itu adalah salah satu daripada matlamat penting Kementerian Pelajaran untuk memperkasakan sekolah kebangsaan. Hasilnya, kita lihat belum memberangsangkan. Kalau kita lihat pada hari ini, ia tidak menjadi pilihan utama contohnya kepada kaum Cina, sekolah kebangsaan dan dengan ini, bagaimana mungkin objektif integrasi di antara kaum dapat direalisasikan kalau sudah berlaku pemisahan sejak kecil lagi. Jadi.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Mas.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Silakan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Saya tertarik hati dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat bagi Gombak sekejap tadi di mana mengatakan bahawa, setakat inilah apa yang telah dilakukan semacam kurang berkesan dalam mengangkat taraf

sekolah-sekolah kebangsaan sehingga ia tidak diminati oleh bangsa-bangsa lain selain daripada bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini benar dan saya kira itu adalah satu keikhlasan yang dilahirkan oleh Yang Berhormat bagi Gombak tentang bagaimana sekolah kebangsaan tidak menjadi pilihan utama kepada peribumi ataupun penduduk seluruhnya di negara kita. Kita lihat bahawa interaksi di antara bangsa dengan bangsa, bangsa Melayu dengan Cina dengan India, nampak tidak selaras. Di Parlimen okeylah, kita boleh bergaul. Saya bergaul dengan Yang Berhormat bagi Tanjong, saya bergaul dengan Yang Berhormat bagi Bagan, saya bergaul dengan yang lain, daripada parti kerajaan, daripada bukan Cina, daripada bukan Melayu. Tetapi, bila turun peringkat asas, peringkat *grassroot*, peringkat bawah. Kita rasa terasing. Orang Cina dengan Cina dia, orang India dengan India dia, orang Melayu dengan Melayu dia. Tidak ada interaksi yang baik di antaranya kerana bahasa.

Saya melihat di Thailand kerana saya sempadan di antara Pasir Mas, Rantau Panjang, Sungai Golok dan seterusnya Pattani. Saya tengok bagaimana orang Melayu boleh interaksi dengan orang Siam, dengan orang Cina dengan satu bahasa. Orang Melayu bercakap dengan bahasa Siam begitu baik, orang Cina juga bercakap dengan bahasa Siam begitu baik dan mereka berinteraksi dengan satu bahasa yang begitu baik. Kita tidak hendak minta sampai hendak peringkat itu tetapi apa yang.....

**Dr. Rahman bin Ismail:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas, apa penjelasan yang hendak disampaikan, memandangkan saya tidak mempunyai masa yang banyak.....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, saya mahu, apakah tindakan yang sewajarnya yang patut dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menjadikan masyarakat kita ini berasaskan kepada Bahasa Kebangsaan.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya, dalam ucapan yang berikutnya akan saya membawa cadangan-cadangan kepada ke arah itu. Soal disiplin Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat soalan disiplin juga merupakan satu keadaan yang bermasalah di sekolah kebangsaan dan kita harus perhati dengan lebih serius dan kita tahu bahawa langkah untuk memperbaiki disiplin ini harus kita teruskan, diperhebat. Saya nampak empat komponen penting yang harus dilibatkan di dalam menangani masalah disiplin ini iaitu yang pertama, yang

penting ialah kita tahu bahawa murid, guru, ibu bapa dan seterusnya keterlibatan masyarakat.

Jadi, empat komponen ini pada saya memainkan peranan yang penting di dalam mengekang ataupun dalam memastikan bahawa disiplin-disiplin pelajar di sekolah-sekolah ini dapat kita perbaiki. Jadi, pada saya mesti diadakan ataupun diwujudkan forum yang mana terdapat keterlibatan keempat-empat komponen ini supaya sama-sama dapat menangani masalah disiplin. Satu perkara yang saya lihat dan harus dilihat serius, contohnya, wujudnya PIBG. Didapati bahawa kebanyakan PIBG tidak berapa berkesan oleh kerana masalah tidak mempunyai kewangan dan sebagainya, tidak dapat menjalankan aktiviti yang begitu baik, yang melibatkan keempat-empat komponen yang saya sebutkan tadi.

Jadi, saya mencadangkan bahawa kerajaan ataupun kementerian melihat lebih serius perkara ini, iaitu dengan memberikan peruntukan yang khas kepada PIBG iaitu PIBG-PIBG ini mungkin diberikan peruntukan contohnya sebanyak RM2,000 satu tahun, yang mana dengan kewangan ini boleh diadakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan keempat-empat komponen yang saya sebutkan tadi iaitu murid, guru, ibu bapa dan masyarakat.

Kalau kita lihat contohnya, Sekolah Kebangsaan Cina tidak banyak mempunyai masalah disiplin – kurang, kalau kita perhatikan dari segi yang kita dapati. Mungkin juga sekolah-sekolah kebangsaan ini boleh belajar bagaimana kita buka minda kita, belajar mencari pengalaman baru, mencari pengalaman orang yang dapat mengekang masalah disiplin ini supaya kita juga dapat mencontohi.

Jadi, saya rasa perkara ini harus kita lihat dengan serius supaya masalah disiplin kalau tidak dikekang, kalau tidak kita atur dengan betul dalam mencari penyelesaiannya akan semakin lama menjadi serius dan parah.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya hendak ambil sedikit masa sahaja. Sedikit sahaja. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat bahawa orang Melayu tidak berminat pergi ke sekolah kebangsaan kerana menganggap sekolah kebangsaan sudah menyimpang dari agama Islam. Orang Cina tidak berminat pergi ke sekolah kebangsaan kerana menganggap sekolah kebangsaan terlalu pergi kepada Islam.

Jadi, sekolah kebangsaan tidak pergi ke mana. Orang Melayu tidak berminat kerana menganggap dia tidak menitikberatkan soal agama, dia mencari sekolah agama. Orang Cina merasakan sekolah Melayu sekolah agama. Apakah ini dilema yang kita hadapi, Yang Berhormat?

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Ketersih. Yang sebenarnya itu adalah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan bahawa pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar bangsa Cina cuba menjauhkan diri daripada sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun, pada saya terdapat faktor-faktor yang lebih besar daripada itu yang mana saya akan terangkan ini dan kemudian saya akan rumuskan dan sama-samalah kita fikirkan perkara itu.

Perkara kedua yang saya tengok amat penting ialah kemudahan dan keperluan asas harus diberi, dilihat dengan serius dan diperimbangkan di antara kemudahan asas di bandar dan di luar bandar. Soal guru-guru yang berkelayakan – kita mempunyai berbagai-bagai program ingin memperkasakan bahasa Inggeris dan kena pastikan bahawa guru-guru yang mengajar ini benar-benar berkelayakan.

Kita selalu berkata tentang *human capital* - masalah membangunkan sumber manusia ini harus dilihat dengan serius. Kita tidak mahu bahawa guru-guru yang dihantar ke luar bandar mengajar bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu atau mengajar bahasa Inggeris dengan *grammar* yang tidak betul, bahasa Inggeris yang tidak fasih dan sebutan yang tidak fasih. Ini harus kita lihat. Kita juga harus lihat bagaimana harus kita perbaiki tentang di antara nisbah guru kepada murid yang sesuai untuk kita meningkatkan taraf pelajaran kita.

Selain daripada itu kita harus juga melihat kelengkapan makmal sains, peralatan komputer dan berbagai-bagai kemudahan lain. Saya rasa soal prasarana, kemudahan keperluan asas ini adalah amat serius dan kita tidak mahu terdapat jurang di antara sekolah-sekolah tersebut iaitu antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

Apabila terdapat jurang perbezaan dari segi kecekapan guru dan masalah daripada kemudahan asas ini, bagaimana mungkin kita lihat pelajar-pelajar di luar bandar contohnya, mahu bertanding dengan pelajar-pelajar di bandar dalam landasan yang sama. Itu perkara penting kerana kita dapati bahawa apabila mereka bersaing dalam landasan yang tidak sama, kita tidak berlaku adil kepada mereka. Jadi, pada saya kita harus perbetulkan landasan ini supaya sama ada di bandar ataupun di luar

bandar mereka ini mempunyai kemudahan asas pembelajaran yang sama, mempunyai tenaga pengajar yang sama cekap – barulah mereka boleh bertanding. Boleh bertanding pada landasan yang sama.

Oleh kerana kalau ketidakseimbangan ini masih wujud, soal merit ini kalau kita lihat, adakah soal merit ini adil kalau masih terdapat ketidakseimbangan. Ini yang harus kita fikirkan, atau adakah masih kita tidak bersedia lagi untuk melaksanakan meritokrasi kalau kita dapati terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan yang begitu ketara. Ini pada saya adalah satu perkara asas yang kita harus lihat. Soalnya bukan soal mampu atau tidak mampu bersaing. Soal yang penting ialah sama ada peluang yang ada itu adil atau tidak adil? Itu perkara yang harus kita lihat.

Perkara yang ingin saya bangkitkan lagi ialah kita tahu bahawa kalau perkara-perkara yang saya sebutkan tadi itu misalnya soal disiplin, soal kemudahan-kemudahan asas yang saya beritahu, soal tenaga pengajar yang cekap, kalau kita perbaiki dan kita perkasakan, saya rasa secara semula jadi, *it's a natural process*, sekolah kebangsaan itu akan menjadi pilihan semua kaum. Itu pada pandangan saya.

Jadi, itulah pada saya amat penting, seperti mana yang saya katakan tadi, kalau kita ingin menuju kepada falsafah asas kita iaitu melahirkan seorang insan di peringkat sekolah seterusnya sebagai tempat untuk kita menjana perpaduan, pada usia itulah usia yang paling baik interaksi sesama etnik harus kita perkukuhkan kerana hasil dari interaksi itu kita akan dapati bahawa mereka akan lebih berpadu dan lebih memahami di antara satu sama lain.

Kita juga mengalu-alukan penghantaran pelajar-pelajar terus ke luar negara iaitu oleh pihak-pihak yang berwajib seperti JPA dan MARA. Penghantaran pelajar-pelajar cemerlang ke luar negara ini pada saya perlu diteruskan di dalam memberi pendedahan yang berterusan kepada suasana di luar negara dan dapat menimba ilmu di pusat-pusat pengajian tinggi yang ternama. Kita juga mengalu-alukan langkah khazanah yang memberi biasiswa kepada 100 pelajar cemerlang. Saya harap usaha-usaha ini diteruskan dan saya pohon mungkin pada masa-masa yang akan datang kita tambah lagi pelajar-pelajar kita untuk dihantar keluar negara untuk memberikan mereka pendedahan.

Selain daripada itu didapati bahawa Kementerian Pengajian Tinggi juga hendaklah terus memperkasa aktiviti sesuai dengan tuntutan semasa. Kualiti IPTS dan juga IPTA hendaklah diawasi sepanjang masa. Di peringkat pengajian tinggi

kualiti adalah harus diutamakan daripada kuantiti. Jangan sahaja kita ingin membanyakkan lagi IPTA dan IPTS tetapi kita lupa soal kualiti ini dan dari mana sumber tenaga pengajar ini kalau kita semakin lama semakin membanyakkan lagi institusi-institusi ini. Ini harus dilihat dengan serius.

Kita tidak mahu di peringkat pengajian tinggi, kualiti adalah harus diutamakan daripada kuantiti, kita tidak mahu graduan yang lulus dari universiti tidak memperolehi kemahiran yang tertentu. Kita tidak mahu bahawa apabila mereka masuk universiti kita tidak lihat penambahan ilmu yang ketara daripada mereka. Mungkin mereka masuk universiti selama tiga atau empat tahun tetapi apabila mereka keluar kita tidak lihat satu perubahan yang begitu nyata. Kita tidak nampak dia sebagai seorang yang ada kemahiran, seorang yang mempunyai keterampilan diri, seorang yang boleh bertanding dan bersaing dari segi ilmunya dengan orang-orang lain.

Pada saya ini harus kita perhatikan dan juga aktiviti pembentukan watak (*the character building*) harus juga diteruskan di peringkat universiti supaya kita dapat melahirkan seorang graduan yang benar-benar *competitive*. Selain daripada itu pada saya harus juga ditekankan pembelajaran pertuturan di dalam bahasa Inggeris yang baik di universiti, sesuai dengan tuntutan global sekarang dan yang selain daripada itu harus dijadikan kriteria sebelum sesuatu ijazah dianugerahkan.

Sekarang ini kalau kita lihat bahawa banyak graduan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang jam 1.00 tengah hari. Ucapan Yang Berhormat boleh disambung semula pada jam 2.30 petang.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **menpengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini bersidang semula. Minta Yang Berhormat bagi Gombak untuk menyambung.

**2.33 ptg.**

**Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya masuk di pengajian tinggi. Kalau kita lihat sekarang ini misal kata tenaga-tenaga pengajar di IPTA, kita dapati bahawa tenaga pengajar terutama kursus-kursus yang kritikal, contohnya kursus perubatan.

Saya melihat bahawa kerajaan kena menengok atau melihat isu ini dengan perspektif yang betul. Kita tahu bahawa kita menghadapi kekurangan yang begitu ketara dalam tenaga-tenaga pengajar yang mengajar di kursus-kursus kritikal ini. Salah satu cara yang saya tengok yang harus difikirkan dan kita buat, selain daripada kita melihat kembali *compensation* ataupun dengan izin, gaji yang mereka terima, kita juga harus lihat jangka masa umur untuk bersara.

Kalau kita lihat misal kata di luar-luar negara, di Indonesia mahupun di Singapura, kebanyakan profesor-profesor terutama di bidang kritikal ini, umur bersara mereka ialah 65 tahun dan banyak kawan-kawan saya yang menjadi profesor yang menjadi fakulti perubatan sekarang ini umur 55 tahun dan 56 tahun sudah bersara dan kita dapati mereka masih lagi berfungsi dengan baik dan pada masa itulah tahap ilmu mereka berada dalam keadaan yang optimum ataupun maksimum.

Saya rasa ini harus kita fikirkan di dalam kemelut kita menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar di kursus-kursus kritikal ini. Baru-baru ini kita lihat Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia salah satu fakulti perubatan yang ulung dan banyak mengeluarkan graduan-graduan yang telah banyak membantu negara di dalam berbagai-bagai bidang terpaksa menutup Unit Cardiology di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada saya ini adalah suatu perkara yang terkebelakang. Mengapa ini harus berlaku? Kerana kita tahu bahawa Unit Cardiology ini amat penting. Ini berlaku kerana didapati bahawa bukan sahaja imbuhan yang didapati sebagai untuk terus tinggal sebagai pensyarah tidak kompetitif tetapi juga dengan lebih banyak pembukaan

IPTS dan pembukaan IPTA yang tidak dikawal. Ini banyak mengambil tenaga-tenaga pengajar ini untuk mengajar dengan tawaran-tawaran yang lebih baik.

Saya rasa kalau kita tidak kawal perkara ini, kita akan mengurangkan *standard*, akan mengurangkan kualiti, akan mengurangkan tahap IPTA ini terutama yang berkaitan dengan kursus-kursus kritikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang membawa perbahasan kepada Kementerian Kesihatan. Kita lihat bahawa Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak RM7.86 bilion dan kita dapati bahawa terdapat kesungguhan kerajaan di dalam memberi kesihatan yang terbaik kepada rakyat, kita dapati bahawa lima hospital, 13 klinik kesihatan dan satu makmal kesihatan akan dibuka dan beroperasi manakala dua hospital lagi akan dinaiktarafkan pada tahun 2005. Ini adalah suatu perkara ataupun berita yang menggembirakan.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat peruntukan ini adalah merupakan 8.1% daripada bajet keseluruhan. Ini kalau kita bandingkan dengan negara-negara membangun yang lain, kalau kita bandingkan dengan Indonesia contohnya. Indonesia hanya mengenakan 2% hingga 3% sahaja daripada belanjawannya untuk kesihatan.

Kalau kita lihat Filipina, Filipina hanya menggunakan hanya 5% daripada belanjawan mereka untuk belanjawan kesihatan.

Walau bagaimanapun, kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju, contohnya kalau kita bandingkan dengan Eropah dan Amerika Syarikat. Eropah rata-rata di antara 20% hingga 30% belanjawan kesihatan daripada belanjawan keseluruhannya. Di Amerika Syarikat 30% daripada belanjawannya adalah untuk kesihatan. Di Singapura adalah di dalam lingkungan 15%, jadi kalau kita mahu menuju ke hadapan, kalau kita mahu memperkukuhkan perkara ini, kalau kita mahu meletakkan kita seiring dengan negara-negara maju, perkara ini harus difikirkan dan harus diperkuatkan.

Selain dari itu, bajet ini apa yang saya lihat .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut bangun Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Ya, sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat di

mana kerajaan sentiasa menitikberatkan soal memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik, sehabis maksimum. Inilah yang kita sering kali suarakan. Tetapi masalahnya ialah masih berlaku keadaan di mana terutamanya penyakit-penyakit kronik yang kadang-kadang memerlukan keprihatinan yang begitu serius, hinggakan ada kes-kes sampai terpaksa kita adakan tabung rayuan untuk memenuhi permintaan kes-kes sedemikian rupa.

Kalau mungkin kalau belum ada tabung khas, mungkin Yang Berhormat bersetuju kita cadangkan supaya setiap hospital yang ada dalam negara kita ini mempunyai satu peruntukan khas ataupun satu tabung khas untuk memberi bantuan terutama ke atas kes-kes kronik yang seringkali kita hadapi dalam negara kita ini. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Pandangan itu kita boleh perbincangkan dan akan saya ulas dalam perbahasan saya ini. Terima kasih.

Kalau kita lihat dalam Bajet ini kalau kita perhatikan, kurang penekanan terhadap aspek-aspek yang dipanggil sebagai *preventive* dan *promotive*. Kita selalu mendengar bahawa slogan iaitu yang mengatakan bahawa pencegahan itu lebih baik daripada pengubatan. Kalau kita lihat dari segi peruntukan yang diberikan kepada pencegahan, saya dapati bahawa slogan ini tenggelam dengan sendirinya.

Kita tahu bahawa banyak penyakit contohnya AIDS, denggi, *hepatitis*, kanser dan infeksi virus contohnya seperti influenza. Penyakit-penyakit kronik yang lain contohnya penyakit-penyakit kronik yang memerlukan penyenggaraan yang tinggi, perubatan yang tinggi. Contohnya misal kata *diabetes*, penyakit kegagalan buah pinggang yang kronik dan juga penyakit kegagalan jantung. Kalau kita lihat, penyakit-penyakit ini, kos rawatannya amat tinggi, tetapi perkara yang *fundamental*, perkara yang pokoknya penyakit-penyakit ini boleh dicegah.

Kalau kita kuatkan aktiviti pencegahan ini, lebih banyak peruntukan untuk aktiviti pencegahan, kita dapat melarikan diri kita daripada menggunakan peruntukan yang banyak ini untuk kos rawatan. Kita tahu untuk rawatan, saya kata penyakit kronik kegagalan buah pinggang akan mengambil kos yang begitu banyak seumur hidupnya.

Begitu juga penyakit-penyakit kronik yang lain, kanser contohnya. Pada saya penyakit-penyakit ini boleh dicegah dan pada mas akan datang boleh mengurangkan kos kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, bahagian pencegahan ini harus

diperkuatkan. Bagaimana kita harus memperkuatkan bahagian pencegahan ini. Dalam bahagian pencegahan ini ada beberapa elemen yang harus diperkuatkan. Pertama dari segi *surveillance* ataupun pengawasan penyakit ini harus diperkuatkan. Notifikasi penyakit harus tepat. Kita harus mempunyai statistik yang bagus untuk kita menjana soal-soal yang berkaitan dengan pencegahan.

Yang kedua, pendidikan kesihatan harus agresif, harus sampai ke akar umbi. Ini penting saya rasa.

Yang ketiga program-program yang berkaitan dengan saringan ataupun *screening* dalam bahasa Inggeris, saringan penting. Kalau kita buat saringan,...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Pahat bangun Yang Berhormat. Ada doktor juga ini.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Saya tidak punya banyak masa, tetapi saya silakan Yang Berhormat.

Kalau kita lihat dalam bajet saya perhatikan kurang penekanan terhadap aspek-aspek yang dipanggil sebagai *preventive* dan *promotive* dan kita selalu mendengar bahawa slogan iaitu yang mengatakan bahawa “pencegahan itu lebih baik daripada pengubatan” dan kalau kita lihat dari segi peruntukan yang diberikan kepada pencegahan saya dapati bahawa slogan ini tenggelam. Kita tahu bahawa banyak penyakit contohnya AIDS, denggi, hepatitis, kanser dan infeksi virus contohnya seperti *influenza*, penyakit-penyakit yang kronik yang lain, contohnya penyakit-penyakit kronik yang memerlukan penyelenggaraan perubatan yang tinggi. Contohnya diabetes, penyakit kegagalan buah pinggang yang kronik dan juga penyakit kegagalan jantung. Kalau kita lihat penyakit-penyakit ini kos rawatannya amat tinggi, tetapi perkara yang fundamental, perkara yang pokoknya penyakit-penyakit ini boleh dicegah.

Kalau kita kuatkan aktiviti pencegahannya lebih banyak peruntukan untuk aktiviti pencegahan, jadi kita dapat melarikan diri kita daripada menggunakan peruntukan yang banyak ini untuk kos rawatan. kerajaan Kita tahu rawatan penyakit kronik, kegagalan buah pinggang akan mengambil kos yang begitu banyak seumur hidupnya. Begitu juga penyakit-penyakit kronik yang lain, kanser contohnya. Pada saya penyakit-penyakit ini boleh dicegah dan pada masa yang akan datang boleh mengurangkan kos daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, bahagian pencegahan ini harus diperkuatkan. Bagaimana kita harus memperkuatkan bahagian pencegahan ini? Dalam bahagian pencegahan ini ada beberapa elemen yang harus diperkuatkan,

pertama, dari segi *surveillance* ataupun pengawasan penyakit yang harus diperkuatkan. *Notification* i penyakit harus tepat. Kita harus mempunyai statik yang bagus untuk kita menjana soal-soal yang berkaitan berkenaan dengan pencegahan.

Yang kedua, pendidikan kesihatan harus agresif, harus sampai ke akar umbi, ini penting saya rasa. Yang ketiga, program-program yang berkaitan dengan saringan (*screening*). Saringan itu penting. Kalau kita buat saringan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Pahat bangun Yang Berhormat. Dia adalah doktor juga.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Saya tidak punya banyak masa tetapi silakan. Tidak mengapa masa boleh tambah.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Tidak mengapa masa boleh tambah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan langkah-langkah penerangan, langkah-langkah pencegahan adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya menyatakan bahawa kerjasama di antara Kementerian Penerangan dan Kementerian Kesihatan patut diseirinkan, patut diperkukuhkan supaya penyebaran maklumat ataupun rancangan-rancangan yang dapat kita dapat utarakan dalam media massa, dalam TV untuk memberikan penerangan yang khusus pada masyarakat berkenaan dengan penyakit-penyakit berjangkit ini kita perluaskan lagi sebagaimana....

**Dr. Rahman bin Ismail:** [Bangun] Okey.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** ... dah sekat, tidak habis lagi - .sebagaimana yang dibuat oleh negara jiran kita Singapura. Terima kasih.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Tetapi saya rasa kalau setakat Kementerian Penerangan tidak cukup. Kita tahu bahawa dalam kesihatan ia memerlukan koordinasi berbagai-bagai agensi yang nanti juga akan saya ulas dalam ulasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak banyak lagi masa hendak ulas, Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Saya tidak tahu sama ada saya mempunyai masa yang cukup. Jadi kalau kita lihat dari segi saringan, penting. Kalau ada saringan yang berkala untuk orang mengetahui statusnya sama ada dia akan mengidap penyakit diabetes dan penyakit-penyakit yang lain buah pinggang dan sebagainya maka kita boleh mencegahnya. Seterusnya kita mempunyai makmal yang cukup baik untuk kita membuat *diagnose* seawal yang mana kita tahu bahawa di setengah-tengah tempat

keupayaan makmal kita masih lagi kita boleh persoalkan terutama di tempat-tempat yang letaknya di negeri-negeri ataupun di luar-luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin bangun.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya pengamal perubatan. Saya hendak bertanya sedikit, di kawasan saya mempunyai 115,000 penduduk dan doktor yang ada iaitu doktor kerajaan dan juga swasta hanya ada 21 orang yang mana membuatkan kadar doktor kesihatan kepada seorang penduduk ialah seorang doktor bersamaan dengan 5,524 orang (1:5,524). Sebagai pengamal perubatan yang profesional, apakah pandangan Yang Berhormat kerana kawasan Jasin, 82% daripada kegunaan tanah adalah estet-estet dan kebanyakan pekerja estet hari ini adalah pendatang-pendatang tanpa izin yang masuk ke dalam negara tanpa pemeriksaanan kesihatan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat sebagai pengamal perubatan profesional?

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Kita tahu bahawa memang kalau dalam keadaan proposi di antara pengamal perubatan dengan penduduk memang didapati tidak memenuhi tuntutan nisbah yang baik dan yang kedua ramainya pendatang-pendatang tanpa izin ini didapati ia boleh menjadi ugutan kepada masalah kesihatan di situ. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin yang mana perkara ini harus diperbaiki.

Biar saya sambung lagi, selain daripada itu kita harus menggunakan, harus memperkuat langkah pencegahan yang terakhir yang mana ia juga penting ialah menggunakan *preventive two*, contohnya vaksinasi. Ini adalah satu perkara yang penting. Saya ingin bawa kepada satu contoh yang sekarang ini kita hampir hari-hari membaca surat khabar iaitu tentang masalah selesema burung ataupun *terminology* yang selalu digunakan sebagai *avian influenza*. Kalau kita tengok bahawa sekarang ini virus H5 N1 sedang tersebar atau pun berada di negara kita terutama di Kelantan. Kita tahu bahawa telah berlaku tahun ini banyak kematian di negara-negara jiran, dan baru-baru ini di Thailand pun sudah ada yang didiagnosis sebagai mempunyai membawa virus H5 N1. Apa yang ingin saya utarakan bahawa transmisi di antara burung atau pun transmisi di antara ayam terhadap virus ini kepada manusia memang cerah dibuktikan berlaku.

Kita tahu apabila ini berlaku ini boleh menjadikan satu perkara yang *fatal* atau satu perkara yang boleh membunuh, satu perkara yang melibatkan kematian, satu

perkara yang amat bahaya. Walau bagaimana pun, keadaan di Malaysia sekarang ini di Kelantan yang berlaku hanyalah pada haiwan-haiwan, pada ayam dan sebagainya. Kita tahu bahawa transmisi boleh berlaku di antara ayam kepada manusia. Tetapi kita harus ingat bahawa manusia juga *is acceptable*, manusia juga terdedah kepada *influenza* manusia, *the human influenza*. *Human influenza* ini memang berlaku di negara kita, kita ada *surveillance* yang membuktikan bahawa *human influenza* ini berlaku. Jadi, apa yang kita takut dan apa yang dunia takut dan kalau kita pergi webside, WHO hari ini kita takut yang berlaku ialah percampuran di antara *human influenza* dan *avian influenza* ini boleh mencetuskan satu *sense* virus yang baru yang boleh menyebabkan satu wabak (*epidemic*) yang cukup bahaya, yang mana kita tidak ada ketahanannya. Apa yang saya sarankan ialah ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Pahat bangun.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Pahat hendak tumpang.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih. Saya cuma hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Dalam akhbar ada menyatakan bahawa jangkitan *avian flue* ini telah berlaku di Kelantan dan dinyatakan bahawa dia telah menjadi *epidemic*. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *epidemic* telah berlaku sebagaimana yang dinyatakan dalam akhbar dua hari yang lepas?

**Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya dari Batu Pahat juga seorang pengamal perubatan. *Epidemic* untuk haiwan telah berlaku tetapi *epidemic* kepada manusia belum berlaku kerana kita dapati bahawa daripada apa yang dilaporkan tidak ada jangkitan H5 N1 ataupun *avian influenza* ini berlaku kepada manusia, ini belum berlaku. Tetapi apa yang kita khawatirkan sekarang ini ramai yang telah dimasukkan ke hospital yang mempunyai *symptom* influenza dan kita khawatiri ini akan berlaku dan kalau ini berlaku ini boleh membahayakan kita semua manusia.

Apa yang saya katakan tadi apabila berlaku percampuran *human influenza* dan juga *avian influenza*, human influenza yang bersekitar sekarang kita panggil H3 N2 dan H1 N1, ini adalah virus yang berputar sekarang yang menginfeksi manusia. Bila berlakunya *recombination of virus* akan muncul satu virus yang baru dan virus yang baru ini kalau menjadi *epidemic* boleh membunuh ramai manusia. Begitulah yang berlaku di Sepanyol dalam tahun 1920 yang mana membunuh hampir 20 juta manusia.

Kalau kita tengok kebanyakan akhbar dan sebagainya mereka amat takut terutama World Health Organization amat takut perkara ini berlaku. Jadi yang saya persoalkan ialah apakah kita punya *public health preparedness*. Macam mana persediaan kita dari segi kesihatan. Sekurang-kurangnya mereka yang ada konteks ataupun ada hubung terus dengan haiwan-haiwan ini harus diberi vaksinasi *human influenza*, kita lihat perkara ini tidak berlaku dan seterusnya yang kita harus lihat mereka yang berisiko tinggi.

Siapakah mereka yang berisiko tinggi? Mereka yang berisiko tinggi ialah pertama orang-orang tua yang berumur lebih daripada 50 tahun. Yang kedua ialah mereka yang mempunyai penyakit kronik, yang ketiga ialah mereka yang kita panggil sebagai daya tahan yang kurang atau *immunal compromise*.

Yang keempat ialah kanak-kanak yang berumur daripada 6 bulan ke 23 bulan. Ini adalah golongan-golongan yang berisiko tinggi. Jadi kalau ada golongan-golongan yang berisiko tinggi ini harus kita berikan sebagai perlindungan. Kalau kita lihat hari ini di Amerika Syarikat kalau kita baca akhbar di Amerika Syarikat, Amerika Syarikat mencadangkan ingin memberi perlindungan *influenza* kepada semua rakyat mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada di belakang itu hendak minta laluan.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Tetapi *I have a lot more actually*, so minta maaf ya. Saya habiskan, jadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri Yang Berhormat, dia hendak gulung.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Ya, jadi satu lagi apa yang saya ingin perkatikan ialah yang mana saya rasa maha penting contohnya Tuan Yang di-Pertua ialah misal kata contoh denggi. *Is no cure for dengue*, dengan izin, tidak ada perubatan untuk denggi tetapi denggi boleh dicegah. Bagaimana harus kita mencegah? Jadi kalau kita lihat pencegahan denggi ini, kalau kita kuatkan kita punya aktiviti-aktiviti *preventive* dan seperti mana kata tadi, harus ada koordinasi yang baik bukan sahaja dari segi Kementerian Penerangan tetapi juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita dapati bahawa tidak ada pengawasan yang cukup baik kepada tapak-

tapak binaan. Kawasan-kawasan konstruksi, kawasan-kawasan yang mana dibina rumah dan sebagainya, dibiarkan air bertakung dan sebagainya, dan kalau kita tahu bahawa denggi ini ada tiga jenis iaitu *Dengue Fever*, *Dengue Hemorrhagic Fever* dengan izin, sahabat saya Tuan Yang di-Pertua juga seorang doktor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Dengue Shock Syndrome*.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Dan yang ketiga ialah *Dengue Shock Syndrome*. Kalau kita kena *Dengue Shock Syndrome* Ahli-ahli Yang Berhormat, kita lihat hari ini dia baik satu dua hari, esok kita tengok sedar-sedar dia sudah meninggal dunia. Kerana keadaan ataupun sel darah beku yang menurun begitu ketara dan sehingga berlakunya pendarahan di dalam badan. Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya perkatakan bahawa banyak penyakit yang merbahaya ini kita boleh cegah kalau kita kuatkan program pencegahan dan program pencegahan ini dalam jangka panjang boleh mengurangkan kos rawatan tersebut. Kita tahu bahawa kalau anak kita terkena denggi masuk hospital, dia kena masuk ICU dan kena berbagai-bagai perubatan, masuk hospital yang lama. Walhal ini boleh dicegah dengan cara yang amat mudah. Jadi selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang berkenaan dengan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat pendek sahaja, masa Yang Berhormat sudah tamat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Okey, berkenaan dengan keadaan Parlimen kita Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita lihat bahawa ada peruntukan kepada Parlimen sebanyak RM55 juta lebih kurang, RM54.9 juta saya dapati bahawa kalau kita lihat dan ingin jadikan Parlimen ini sebagai *first class Parliament*, jadi kita kena lihat juga bagaimana, mungkin pada masa akan datang kita tempatkan Ahli-ahli Parlimen ada bilik-bilik di Parlimen. Mungkin kalau kawasan yang kita ada tidak cukup mungkin kita boleh bina bangunan yang baru. Dan yang kedua sekarang ini yang saya katakan ialah perubatan *preventive*, jadi cuba saya katakan gimnasium, kalau kita kata masa waktu rehat di antara pukul 1.00 hingga 2.30 petang daripada kita makan benda-benda yang berlemak, daripada kita menghisap rokok lebih baik kita masuk ke gimnasium dan kita boleh gunakan gimnasium tersebut dan juga kalau ada sauna mungkin kita juga boleh gunakan sauna, saya rasa ini ada juga keperluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya cukup Yang Berhormat. [*Dewan menjadi riuh seketika*]

**Dr. Rahman bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya perhati satu lagi yang mana Parlimen harus juga melihat perkara ini bahawa mewujudkan satu yang dipanggilkan sebagai *Parliamentarian Friendship Group* ataupun *Parliamentary caucus*, yang mana kita lihat misal kata di negara maju, seperti di Amerika Syarikat juga baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua dan saya menghadiri satu makan malam dengan kumpulan, *friendship group* dari Kuwait. Saya perhati kumpulan-kumpulan ini begitu efektif mewakili Parlimen mereka. Mereka ini *independent* daripada kementerian-kementerian dan ini harus diwujudkan di Parlimen. Apakah tujuannya?

Pada saya;

- i) ini boleh menolong kerajaan dalam hubungan dua hala di antara negara;
- ii) boleh jadi penghubung kepada kerajaan dengan organisasi-organisasi penting sebagai pelobi atau sebagainya;
- iii) boleh menjadi sebagai ejen pembawa pengetahuan tertentu terhadap negara asing;
- iv) boleh mempromosi negara; dan
- v) boleh membetulkan silap faham rakyat Malaysia di luar Malaysia terhadap isu-isu yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup, cukup Yang Berhormat.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Tangga Batu.

**2.55 ptg.**

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk melibatkan diri dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan mengucapkan ribuan terima kasih kerana daripada semalam berdiri baru sekarang jadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga, empat perkara yang akan saya bangkitkan di dalam perbahasan belanjawan ini, tiga, empat sahaja tidak lebih daripada itu. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas

kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan bajet yang begitu komprehensif pada Jumaat yang lepas. Pada saya ianya bukan sahaja suatu bajet yang berhemah, tetapi juga mengambil kira kepentingan golongan yang selama ini kita anggap terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 pada kali ini, pada saya ia bukan sahaja menitikberatkan pembangunan fizikal semata-mata, tetapi juga memberikan penekanan kepada pembangunan insan melalui strategi-strategi yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, selain bajet kita mengurangkan kadar defisit akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan, bajet ini juga adalah diharapkan supaya dapat melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih sihat dan prihatin kepada golongan kurang upaya, kaum wanita serta masyarakat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam strategi pertama yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, iaitu mengenai kecekapan sistem penyampaian ataupun dalam bahasa yang boleh disebut oleh yang Amat Berhormat pada ketika itu adalah *service delivery system*. Saya dapat melihat bahawa pendekatan yang paling sesuai pada ketika ini untuk diperkenalkan di negara kita adalah berdekatan yang telah digunakan oleh negara-negara maju seperti Jepun, Korea dan beberapa negara Eropah. Pendekatan ini yang digelar sebagai *Total Quality Management* ataupun TQM, ataupun dalam bahasa Malaysia, pengurusan kualiti bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, khusus kepada kecekapan penyampaian ini kita perlu melihat bahawa hari ini sesebuah organisasi akan menggantungkan kesinambungan organisasi tersebut kepada sistem penyampaian, kepada pengguna-pengguna dan masyarakat. Hari ini Tabung Haji kita dapat lihat sebagai sebuah organisasi yang mempunyai kaitan dengan kerajaan, adalah sebuah syarikat yang mempunyai hubungan dengan kerajaan iaitu sebuah GLC yang paling mudah untuk diurus. Ahli-ahli Parlimen kita hari ini kalau katakan bersara esok, kalau hendak jadi pengurus jadilah pengurus kanan, ataupun CEO di Tabung Haji, kenapa saya katakan begitu? Kerana Tabung Haji ini adalah sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya dalam keadaan pelanggan-pelanggannya yang begitu konservatif, yang begitu tidak mementingkan hak-hak pelanggan kerana

pelanggan Tabung Haji ini daripada *website* yang saya terima dan saya buka semalam beralamat di *www.tabunghaji.gov.my* yang *update* terkini Tuan Yang di-Pertua adalah pada tahun 2002, cari untuk tahun 2003/2004 tidak ada, meletakkan jumlah penyimpan seramai 4.5 juta orang, 4,534,318 penyimpan. Penyimpan-penyimpan ini adalah merupakan pelanggan-pelanggan kepada Tabung Haji. Kenapa saya katakan jika kita jadi anggota pengurusan pentadbiran Tabung Haji ini kita akan jadi seorang pengurus yang mudah berkerja, kerana penyimpan-penyimpan ini akan sentiasa dinasihatkan supaya bersabar. Kerana apa juga yang berlaku adalah ujian daripada Yang Maha Kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini saya bawakan pada hari ini kerana apa yang berlaku penyimpan-penyimpan Tabung Haji apabila ingin menunaikan haji mereka tetap..... [*Ahli Yang Berhormat bagi Baling masuk ke dalam Dewan*] wah! Setiausaha Parlimen sudah masuk, bila dengar Tabung Haji, dia pun masuk - mereka tetap dikenakan bayaran yang serupa dengan yang ditawarkan oleh pihak-pihak swasta, kenapa perkara ini boleh berlaku. Alamak, Kepong dah masuk, terpaksa saya duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Silakan nombor tiga.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih. Tiga empat yang dia bawa ini, yang menarik sekali iaitu tentang Tabung Haji ini, saya percaya Yang Berhormat ingin menyatakan bahawa ada unsur-unsur penyelewengan dalam pentadbiran Tabung Haji itu sendiri dan adakah mungkin juga inilah yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *service delivery system* itu tidak ada berlaku di Tabung Haji, sebab apa ini *latest update* yang ada tahun 2002, seharusnya 2004 sudah ada. Berapa pelabur-pelabur jumlah dia dan aktiviti-aktiviti dia, apakah Yang Berhormat ingin menyatakan bahawa Tabung Haji ini harus dirombak dari A to Z untuk memastikan bahawa 4.5 juta pelabur itu dilindungi, sebab mereka ini marhaen, orang-orang marhaen pelabur-pelabur ini. Setujukah Yang Berhormat?

**Ahli lain:** Setuju.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Itu sekurang-kurang pun selepas saya ceritakan apa yang berlaku di peringkat akar umbi Tabung Haji, Datuk Bung, tetapi nampaknya Datuk Bung sudah dapat baca fikiran saya, kita perlukan orang seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan, Kinabatangan.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ya, Kinabatangan. Nombor tiga, ya. Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, penyimpan-penyimpan yang akhirnya menjadi pelanggan-pelanggan Tabung Haji ini yang akhirnya akan menjadi jemaah, akan diletakkan di dalam satu keadaan yang begitu penuh kesabaran apabila setiap yang berlaku terutamanya di Tanah Suci ataupun proses sebelum ke Tanah Suci itu kita diingatkan supaya tuan-tuan dan puan-puan bersabar kerana kita berada di Tanah Suci ini adalah ujian daripada Yang Maha Kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan jika kita hendak jadi pengurus, jadilah pengurus di dalam Tabung Haji kerana penyimpan, pengguna dan akhirnya menjadi jemaah tidak akan melahirkan rasa tidak puas hati kepada Lembaga Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku terjejas kualiti ibadah disebabkan ketidaksempurnaan perkhidmatan dan produk yang disediakan oleh Tabung Haji ini. Kita sebagai jemaah haji, kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah ke Tanah Suci mungkin boleh bersabar jika kita disigung, jika kita ditendang oleh jemaah-jemaah yang lain, tetapi bagaimana mungkin kita boleh bersabar jika perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji tidak menepati cita rasa kita, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Menanglah calon agaknya.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *Outreach, reaching out* pihak pengurusan dan pentadbiran Tabung Haji seharusnya bertanya apakah yang pelanggan, apakah yang jemaah mahukan. Jika pihak Tabung Haji menghantar seberapa ramai pegawai ke Tanah Suci ketika musim haji, kononnya untuk menjaga para jemaah, kelihatan jemaah-jemaah yang tua yang tidak bermaya untuk berjalan diletakkan di tingkat yang paling tinggi, kebetulan pula kemudahan pengangkut lif *elevator* di Tanah Suci terhad. Ada di antaranya yang terpaksa menunggu dari satu jam sebelum masuk waktu hinggalah satu jam selepas masuk waktu dam hingga tertinggal solat jemaah di masjid-masjid Masjidilharam, ini yang berlaku dan apabila ia dikemukakan kepada pihak pengurusan, ini ujian daripada Yang Maha Kuasa.

**Seorang Ahli:** Cubaan!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ketereh.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Silakan Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, boleh bantu.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih, Tangga Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Walaupun hendak menang calon jangan bagi banyak sangat, masa Yang Berhormat terhad. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya cukup kagum dengan analisis yang diberikan oleh sahabat saya dari Tangga Batu mengenai Tabung Haji. Saya banyak pengalaman mengenai Tabung Haji, sebab saya ada keluarga di Mekah, saya banyak kali pergi dan saya pun ada urusan sedikit dengan Tabung Haji.

Yang menjadi masalah, Yang Berhormat, satu perkara yang patut disebut ialah kadang-kadang Tabung Haji menghantar pekerja-pekerja Tabung Haji yang pergi ini yang belum buat haji, dia hendak jaga orang buat haji. Jadi sebenarnya dia bukan sibuk hendak menjaga orang buat haji tetapi dia sibuk hendak buat haji. Ini yang jadi masalah, bila pergi kepada masalah dia pun sama sesat dengan jemaah haji. *[Ketawa]* Dia patut bagi jalan kepada jemaah haji tetapi dia pun sesat juga, sebab peluang yang diberi kepada kakitangan jemaah haji supaya menunaikan haji secara percuma menggunakan peruntukan wang yang dilaburkan oleh orang kampung untuk pegawai Tabung Haji menikmati faedah ini, satu perkara yang tidak wajar pada saya, Yang Berhormat. Boleh setuju?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya bersetuju amat sangat, bila saya hendak cakap Kinabatangan sudah cakap, Ketereh sudah cakap. Jadi inilah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bera pula hendak cakap.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bera, sekejap lagi Bera. Bagi saya *flow* betul dulu baru Bera masuk.

**Tuan Ismail Sabari bin Yaakob:** Insya-Allah *[Ketawa]*.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku seperti yang diujahkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh sebentar tadi benar-benar berlaku, lebih-lebih lagi apabila berlaku pemindahan jemaah daripada Mekah ke Padang Arfah, daripada Padang Arfah ke Muzdhalifah kemudian ke Mina, apa yang dapat kita lihat dalam keadaan orang-orang tua mengangkut beg dalam keadaan ihram

terlihat pegawai-pegawai Tabung Haji yang sudah siap cukur kepalanya, bermakna mereka telah menamatkan tiga rukun utama. Apabila ini berlaku kita yang menjadi jemaah melihat perkara ini berlaku bagaimana seorang pegawai yang ditugaskan untuk menjaga kepentingan para jemaah melepaskan diri mereka. Kalau Sayidina Omar Al-Khatib hidup, mereka inilah yang pertama dipecat daripada Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, selepas ini Bera masuk terus sambung apa yang saya hendak cakap. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, di sini kita dapat melihat bahawa meletakkan sesuatunya kepada takdir, sindrom ini berada di dalam Tabung Haji. Kita dapat lihat juga di dalam analisis yang saya buat, Tuan Yang di-Pertua, seramai 4.5 juta penyimpan pada tahun 2002, penyimpan baru seramai 0.2 juta, Tabung Haji mempunyai 4.7 juta penyimpan yang membawa jumlah deposit terkumpul sebanyak RM10.27 bilion. Hendak sambung Bera? Silakan.

**Tuan Ismail Sabari bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih calon nombor 34, betul ya 34? Dari segi soal Tabung Haji, setuju tidak kalau saya katakan bahawa dari segi *priority* Tabung Haji, dari segi penumpuan Tabung Haji sudah lari daripada tujuan asal apabila Tabung Haji ditubuhkan.

Sepatutnya *service* kepada jemaah dan sebagainya diberi keutamaan tetapi apa yang kita lihat sekarang Tabung Haji juga hendak ikut badan-badan kerajaan yang lain, agensi kerajaan lain yang lebih penting kepada perniagaan, hendak jadi badan korporat yang lain, hendak jadi badan korporat. Sebab itu Tabung Haji hendak terlibat dalam semua jenis perniagaan. Terlibat dalam perumahan, terlibat dalam perladangan, terlibat dalam hartanah semua sedangkan soal keutamaan, tujuan dibentuk Tabung Haji ialah seperti Yang Berhormat sebut tadi.

Sebab itulah akhir yang dikejar berciciran, rugi sana, rugi sini. Dua tahun lepas, pelaburan di Indonesia misalnya rugi beratus-ratus juta ringgit dan baru-baru ini pendedahan di dalam surat khabar tentang pembelian bangunan yang harganya jauh lebih tinggi daripada harga sebenar sampai RM100 juta lebih dan akhirnya yang menanggung akibat siapa? Tiga tahun lepas, mereka hendak naikkan harga tambang dan sebagainya, mereka hendak naikkan macam-macam lagi, yang menjadi mangsa akhirnya jemaah-jemaah. Dia rugi, yang menjadi mangsa adalah jemaah. Jadi setuju tidak bahawa Tabung Haji tidak patut *involve* di dalam perkara-perkara yang lain selain daripada keutamaan tadi adalah untuk jemaah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Kalau kita perhatikan Tabung Haji ini mempunyai teras perniagaannya, yang pertama TH Plantation; yang kedua TH Property; yang ketiga TH Technology; dan yang keempat adalah TH Travel and Services. TH Travel and Services ini sebenarnya yang melaksanakan tugas-tugas dan peranan serta tanggungjawab kepada jemaah-jemaah haji.

Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tekankan di sini, kalau kita melihat daripada jumlah deposit terkumpul Tabung Haji adalah berjumlah RM10.27 bilion dan jumlah ini kalau kita dapat perhati dan lihat secara terperinci bukan sahaja boleh membina sebuah empayar, mereka juga membeli beberapa unit kapal terbang yang nilainya cuma dalam RM40 juta ke-RM50 juta, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Kinabatangan lagi. Tuan Yang di-Pertua nanti *consider* masa saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa sama.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tabung Haji ini, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat mendapat maklumat bahawa mereka membuat pelaburan penanaman sawit di Selatan Filipina, kosnya beratus-ratus juta tetapi sehingga hari ini tidak ada pulangan pun dan Tabung Haji kerugian hampir-hampir RM400 juta. Jadi, saya berharap Yang Berhormat supaya mencadangkan kepada kerajaan agar Tabung Haji ini lebih efisien dan bertanggungjawab. Kita tidak mahu orang Islam menyeleweng kepada orang Islam.

Mereka adalah panglima-panglima, diamanahkan oleh kerajaan tetapi mereka telah mengkhianati orang Islam, merekalah penyeleweng. Dalam soal ini Tabung Haji masih boleh mendakwa *we are the best services regarding* untuk Tabung Haji di dunia. Memanglah sebab orang tidak bersuara, cuba Yang Berhormat tengok betul-betul. Saya amat bersetuju kita kupas masalah Tabung Haji ini supaya orang-orang Muslim yang di kampung-kampung yang dianiaya dan ditindas, kita seolah-olah menjadi Kerajaan PAS, itu takdir, cubaan, cabaran tetapi sebenarnya mereka tidak

menggunakan akal yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya setuju! Saya setuju [*nada suaranya dikuatkan*][*Ketawa*] dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di sini adalah Tabung Haji menuntut mereka ini sebagai *the best service provider in the world* kerana mereka mempunyai penyimpan-penyimpan, pelanggan-pelanggan, jemaah-jemaah yang tidak berani melahirkan rasa tidak puas hati mereka, kerana setiap masa kita melahirkan rasa tidak puas hati terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Tabung Haji, kita dikatakan sabar, ini ujian daripada Yang Maha Esa.

Di Malaysia lagi sudah rasa tidak puas hati, apa lagi di sana pelbagai ujian kita terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jiran Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Sila, sila.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya sahabat Yang Berhormat bagi Tangga Batu memang bersemangat untuk menceritakan, untuk menyampaikan semua rungutan dan rintihan daripada rakyat. Jadi, saya rasa adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya menyatakan bahawa Tabung Haji ini patut balik kepada asas penubuhannya, balik kepada tujuan asalnya ialah sebagai *travel agency* yang untuk menyediakan peluang kepada jemaah-jemaah menunaikan haji.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Semua itu saya hendak cakapkan tetapi semua rakan-rakan dan cakap. Nampaknya kita ada satu perkara yang *common* di dalam membincangkan tajuk Tabung Haji ini Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebenarnya jumlah pelaburan Tabung Haji adalah bernilai sebanyak RM10.231 bilion pada tahun 2002 dan yang menariknya Tuan Yang di-Pertua, pendapatan Tabung Haji pada tahun 2002 adalah sebanyak RM6.3 bilion dan yang paling menarik lagi keuntungannya adalah sebelum zakat RM382.9 juta. Bayangkan bagaimana pendapatan yang mempunyai jumlah yang begitu besar RM6.35 bilion keuntungan Tabung Haji hanyalah RM382 juta. Apa yang berlaku dengan RM6 bilion? Adakah pengurusan dan pentadbiran menggunakan dana yang begitu banyak untuk mengekalkan kepuasan para pelanggan Tabung Haji?

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya hari ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Oh! saya tidak perasan, baju itu sama dengan warna tempat duduk pemerhati. Minta maaf Yang Berhormat bagi Jasin, silakan.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya bila hendak menyebut masalah Tabung Haji ini berasa sedih, hendak meleleh air mata, kerana bagaimana yang diceritakan oleh sahabat saya tadi, bagaimana diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh. Kalau saya hendak cerita Tuan Yang di-Pertua lagi orang akan melelehkan air mata. Saya ingat Menteri pun akan melelehkan air mata, kerana Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan kalau Yang Berhormat bagi Ketereh ada saudara dekat Mekah, saya pun lebih kurang 15% ada Arab dalam darah saya. Syeikh Hamzah Syahbana, Timbalan Pengerusi Muassasah bagi Asia Tenggara adalah pangkat anak buah saya Tuan Yang di-Pertua.

Kalau saya pergi ke Mekah, bila menceritakan tentang perangai orang Tabung Haji ini, malu saya. *[Tepuk]* Ini bangunan itu biasa dekat sini, dekat Mekah pun, macam mana harga bangunan tidak naik, ini bukan kata politik wang lagi ini, lebih dahsyat daripada itu.

**Beberapa Ahli:** Rasuah!

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab:** Tidak berani saya sebut, fasal dia orang ini ustaz semua. Jadi, saya berharap Tuan Yang di-Pertua kali ini oleh kerana hendak menjaga maruah orang Melayu, maruah orang Islam, sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan kena membuat sesuatu. Ini tentang Metro Wangsa ini, Ahmadi Hassan itu kawan saya, Pegawai Penerangan RISDA dahulu. Bila masa dia belajar tentang kewangan ini, lebih kurang macam saya juga loyar buruk ini, yang Tabung Haji boleh percaya berjuta-juta serahkan dekat dia untuk melabur ini, lebih baik berikan kepada Ahli Parlimen bagi Jasin ini melabur sekurang-kurangnya pun balak dari Indonesia itu kita boleh bawa masuk. *[Ketawa]*

Jadi, saya berharap Tuan Yang di-Pertua sudah sampai masa dan ketikanya dan saya juga berharap Yang Berhormat bagi Tangga Batu No. 34 EXCO Pemuda, jangan lagi toleh ke belakang dalam kita untuk membasmi masalah-masalah yang kita

hadapi pada hari ini yang mana maruah institusi orang Melayu yang terbesar, orang Islam yang terbesar di dalam negara ini, oleh kerana dua tiga orang Menteri mencemarkan maruah Islam dan maruah orang Melayu. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih di atas celahan-celahan daripada Yang Berhormat yang sungguh menyemarakkan Dewan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, yang menariknya di dalam isu ini *Return on Investment* (ROI) yang dikira daripada keuntungan selepas zakat, keuntungan sebelum zakat dan jumlah pelaburan serta jumlah pendapatan Tabung Haji ini hanyalah 0.05%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat tidak hendak menjemput Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu untuk memberi komen?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *Return on Investment* ini telah menunjukkan bahawa jika kita melabur di dalam Tabung Haji, ia adalah satu pelaburan yang langsung tidak bijak tetapi hanya kerana kita dinasihatkan supaya bersabar, ini ujian Tuhan, Tabung Haji tetap mempunyai jumlah penyimpan seramai 4,534,318 orang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2002 tidak percaya Ahli Yang Berhormat bukan *website no update* dan lebih baik lagi *website* di sekolah-sekolah menengah dan sekolah rendah daripada sebuah syarikat yang diagung-agungkan oleh Kerajaan Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah satu isu yang perlu diberikan penekanan yang serius. Isu ini memerlukan satu penelitian. Jika Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyebut tentang *reengineering, business process reengineering*, dengan izin atau BPR dalam bahasa yang singkat, maka ia perlu dilakukan kepada Tabung Haji, kita perlu melihat bagaimana proses yang ada di dalam Tabung Haji sama ada ia dikemaskini atau hanya mengharapkan kesabaran, ketabahan ujian kepada para pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Yang Berhormat bagi Ketereh, sila Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kita tengok Menteri sudah bertukar tiga orang yang menjaga

Tabung Haji, dalam jangka masa tidak sampai enam tahun, sudah tiga Menteri berubah, tetapi Tabung Haji masih dengan perangai yang lama, kenapa? Bolehkah Yang Berhormat memberikan penjelasan. Adakah kerana struktur di Tabung Haji itu masih sama, orangnya masih sama, Lembaga Pengarahnya masih sama? Ada seorang yang bercakap kuat mempertahankan rakyat, Yang Berhormat bagi Larut tidak sampai tiga tahun sudah dipecat. Itulah satu-satunya wakil daripada Parlimen, yang lain tidak ada wakil daripada Parlimen, diambilnya konon orang korporat hendak melabur hak orang Melayu tetapi rupa-rupanya bukan labur tetapi lebur. *[Disampuk]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Yang Berhormat bagi Ketereh ini nampak gaya boleh jadi Pengerusi Tabung Haji kalau gaya cakap begitu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di dalam sistem pengurusan dan pentadbiran Tabung Haji ini adalah mereka mempunyai pelanggan-pelanggan yang ditutup mulutnya, yang ditutup matanya dan dipekakkan telinganya. Pelanggan-pelanggan inilah yang menjadi harapan kepada semua organisasi dalam dunia kerana kejayaan mereka untuk meletakkan pelanggan ini berada di dalam satu kedudukan yang selesa, yang tidak boleh bertanya, tidak boleh membuat rungutan, tidak boleh membuat sebarang protes dan lain-lain lagi.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya pihak kerajaan memberikan perhatian kepada penyusunan struktur Tabung Haji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bera bangun, hendak bagi laluan?

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Ha, itu yang saya hendak tanya tadi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ha, saya sudah jawab.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Okay.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Dia berdiri, dia senyap, saya sudah tahu soalan dia Tuan Yang di-Pertua. Penyusunan struktur yang memberikan perhatian kepada kepentingan para pelanggan ini kerana ingat, tiada organisasi yang kekal di dalam dunia ini jika mereka tidak memberikan perhatian yang serius kepada pelanggan-pelanggan mereka. Tiada pelanggan, tiada organisasi. *This is the moment of truth.* Tabung Haji jika hendak umur panjang, jagalah pelanggan-pelanggan yang

90% daripada para penyimpan dan pelanggan ini adalah merupakan rakyat yang mengundi Barisan Nasional pada setiap kali pilihan raya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Silakan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin juga Yang Berhormat, kerajaan tidak begitu mengambil serius sebab pemegang-pemegang amanah yang diamanahkan ini seperti Yang Berhormat bagi Jasin kata, ustaz, ulama, imam latar belakang mereka. Jadi, mungkin kerajaan tidak begitu secara langsung hendak mengambil tindakan, tetapi yang sebetulnya mereka inilah perosak orang Melayu, orang Islam. Mereka ini penyamun, *delight robbery*. Jadi, apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya dirombak serta-merta Tabung Haji ini, kalau tidak bagi orang lain pilihan, tubuhkan satu agensi pengurusan Tabung Haji untuk bersaing dengan Tabung Haji supaya ada pilihan. Mungkin dengan cara ini boleh ada persaingan secara terbuka. Biar kita tengok Tabung Haji maju atau tidak. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saranan yang saya percaya merupakan suatu *last resort* di mana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menganalisa keadaan sebelum mengambil tindakan. Saya yakin, akhirnya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebentar tadi akan menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas kembali apa yang Yang Berhormat bagi Kinabatangan cakap, sebenarnya pengurusan dan pegawai Tabung Haji ini tidak mempunyai konsep pengurusan produk, tidak mempunyai cara mengurus produk, mereka hanyalah *perform duty*. Jika ada masalah, mereka akan mula menunjukkan jari, ini kerajaanlah kerana dasarnya begini, ini pihak itulah, kerana dasarnya begitu. Jadi mereka tidak mempunyai suatu sikap bagaimana sebenarnya perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji ini bukan sahaja di peringkat seseorang itu membuka akaun di Tabung Haji bahkan hinggalah ke yaumil akhir, hinggalah ke akhirat nanti. Inilah sebenarnya yang..

**Tuan Razali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Muar pun berminat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ya, Muar pun berminat? Silakan Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih. Tidak, saya khawatir masa yang diberikan nanti sudah tidak cukup. Saya hendak tambah sedikit, telah dinyatakan dengan panjang lebar tentang ketidakmampuan pentadbiran dan sebagainya dan rasanya kita semua bersetuju. Bolehkah Yang Berhormat sambung sedikit lagi kerana ramai penyimpan, orang Melayu, orang Islam ini yang kadangkala kalau dia tidak berubah pun, konsep yang mengatakan, tidak apa, ini cubaan, inilah yang perlu kita hadapi untuk mengerjakan amal ibadat, tidak berubah. Maka apa Yang Berhormat bagi Tangga Batu nyatakan tidak dapat menjadi kenyataan.

Jadi apakah cadangan ataupun pesanan Yang Berhormat bagi Tangga Batu kepada penyimpan orang Melayu untuk mengubah fikiran yang ini bukan sekadar cubaan, dugaan tetapi ini adalah hak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Muar. Jika kita mengambil tindakan untuk merubah masa, mengubah sesuatu yang begitu banyak, yang mempunyai pelbagai sudut, pelbagai segi, maka kita akan melakukan kerja itu berulang-ulang dan kita akan menjadi penat dan akhirnya ia tidak akan berlaku. Apa yang perlu kita lakukan, kita mencari punca kepada masalah ini dan kita cuba selesaikan dalam cara yang begitu penuh hikmah, *amicably*, dengan cara yang begitu memberikan kepentingan kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saranan saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung ya.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Gulung ya? Saya ada tiga, empat perkara Tuan Yang di-Pertua, baru satu, memandangkan perkara ini menarik minat kepada ramai Ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi saya mengharap supaya apa yang telah disarankan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen sebentar tadi akan didengar dan dihayati oleh pihak kerajaan supaya ia akan menjadi satu kenyataan yang Tabung Haji ini benar-benar sebuah organisasi cemerlang yang dapat menyediakan perkhidmatan yang gemilang serta terbilang kepada pelanggan-pelanggan bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menyediakan 12 muka surat terhadap perbahasan pada hari ini dan saya percaya yang ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah nampak Tabung Haji, habiskan Tabung Haji sahajalah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Kalau diberi peluang saya untuk....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** .....menggulung, saya akan menggulung Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk mengutuk serangan bom di Kedutaan Australia, Jakarta yang berlaku pada 9 September yang baru berlalu. Marilah bersama-sama kita berdoa agar negara Malaysia yang tercinta ini tidak dapat dibolosi oleh mereka yang berfikiran sempit serta menjadikan *terrorism* sebagai jalan untuk mencapai matlamat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tanjong.

### 3.27 ptg.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Bajet 2005 ini. Saya tidak ingin campur dengan urusan Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi berkenaan dengan Tabung Haji, tetapi saya rasa tidak adil kalau tidak campur sedikit. Dia berkata bahawa *website* Tabung Haji dikemas kini pada tahun 2002 sahaja. Tetapi mengikut apa yang saya dapati, ianya terakhir dikemaskinikan pada 27 Ogos tahun ini. Saya rasa walaupun saya kata.....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya ingin mencelah juga. Saya buka itu, berita foto, Julai tahun ini, berita berfoto.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Dan ini bermakna bahawa Yang Berhormat bagi Tangga Batu tidak menggunakan maklumat yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional memenangi Pilihan Raya Umum tahun 2004 ini dengan slogan, Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, juga berikrar untuk menjaga kepentingan semua kaum.

Satu isu yang menunggu penyelesaian oleh pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua, adalah berhubung dengan tindakan mahkamah yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ke atas pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan yang

menguruskan tanah-tanah perkuburan bagi masyarakat Cina di Malaysia kerana masalah tunggakan cukai.

Baru-baru ini masyarakat Cina telah hebat membahaskan isu berkenaan cukai ke atas persatuan-persatuan ini yang menguruskan tanah perkuburan. Apabila beberapa persatuan di beberapa bandar menerima surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk menuntut cukai yang mengikut laporan surat khabar membabitkan satu jumlah yang amat besar, masyarakat Cina khususnya pucuk pimpinan persatuan ini memandang serius terhadap isu ini, dan mereka merasa tindakan untuk mengenakan cukai ke atas persatuan yang menguruskan tanah-tanah perkuburan bagi kebajikan masyarakat Cina sebagai satu tindakan yang tidak adil.

Mereka berharap pihak kerajaan dapat memahami peranan sebenar mereka iaitu membantu pihak kerajaan untuk menguruskan satu kemudahan asas yang amat penting bagi rakyat. Kebanyakan pertubuhan ini adalah badan amal dan kebajikan dan tidak bermotifkan keuntungan. Walaupun bayaran dikenakan atas tanah pengebumian yang diperlukan oleh para ahli mereka.

Tambahan pula, walaupun mereka memainkan peranan ini secara sukarela dan juga kerana faktor sejarah mereka, mereka telah mengambil peranan ini dan pertubuhan ini tidak menerima sebarang peruntukan untuk mengendalikan tanah-tanah perkuburan ataupun kerajaan juga tidak menawarkan tapak tanah kepada mereka untuk dijadikan tanah-tanah perkuburan.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian pihak kerajaan atas isu ini memang tidak jelas sekali. Pihak Lembaga kini dikatakan telah mula mengambil tindakan terhadap Perbadanan Pengurusan Perkuburan Cina ini untuk mendapat balik tunggakan hasil yang dikatakan berjumlah RM100 juta. Pendirian Timbalan Menteri Kewangan dengan pendirian Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan atas isu ini juga samar-samar sekali dan bertentangan antara dua orang dalam kementerian yang sama.

Timbalan Menteri pernah berkata pengecualian cukai hanya boleh diberikan kepada persatuan yang menguruskan tanah-tanah perkuburan sekiranya hanya ahli-ahli sahaja yang menerima faedah. Sebaliknya Setiausaha Parlimen apabila memberi jawapan kepada soalan lisan saya pada hari Selasa, 7 September ini, beliau berkata bahawa pengecualian hanya boleh diberikan jika persatuan ini memastikan manfaat diberikan kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan dan manfaat tidak boleh terhad kepada sesuatu kumpulan tertentu sahaja.

Contoh yang dipakai oleh beliau adalah bahawa Tanah Perkuburan Hokkien mesti membenarkan orang dari kumpulan loghat yang lain untuk menikmati kemudahan.

Pengendalian isu ini menunjukkan pihak kementerian masih tidak memahami masalah yang dihadapi oleh pertubuhan ini. Selama ini pihak kerajaan tidak memberi peruntukan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan ini yang melakukan satu tanggungjawab sosial yang amat penting. Sejajar dengan janji kerajaan, saya menggesa kerajaan iktiraf sumbangan pertubuhan-pertubuhan Cina ini dengan meminda Akta Cukai Pendapatan untuk memberi pengecualian dari membayar cukai dan juga memastikan tanah-tanah yang mencukupi diperuntukkan kepada pertubuhan ini, demi memastikan mereka dapat membantu kerajaan menyediakan kemudahan sosial yang amat penting ini.

Saya juga berharap kementerian berkenaan juga menangguhkan segala tindakan-tindakan mahkamah sementara menunggu untuk mencapai satu penyelesaian kepada masalah ini. Kerajaan harus juga memastikan pelan struktur bagi setiap anda di Malaysia ini menyediakan zon-zon yang diwajibkan untuk dijadikan tanah-tanah perkuburan bagi semua rakyat biarpun mereka menganut Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan agama yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2005 telah mengelakkan dari memberi satu jawapan yang dinanti-nantikan oleh rakyat jelata, iaitu sama ada kerajaan akan naik harga minyak. Anehnya Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan tidak menggunakan Bajet 2005 ini untuk menjelaskan isu yang amat penting ini dan perlu mengadakan sidang akhbar tiga hari selepas pembentangan Bajet 2005 untuk menerangkan kemungkinan harga minyak akan naik 10 sen hingga 20 sen pada akhir tahun ini.

Harga minyak adalah satu faktor yang amat mempengaruhi perjalanan ekonomi negara ini dan kalau Bajet 2005 tidak dapat menangani isu ini, di manakah kewibawaan Bajet 2005 untuk memberi gambaran yang sebenar kepada hasil dan impak ekonomi yang akan menjejaskan pelbagai sektor perindustrian, pengangkutan dan juga penggunaan.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kerajaan menjustifikasikan kenaikan harga minyak. Malaysia adalah sebuah negara yang mengeluarkan minyak dan sepatutnya dapat mengaut keuntungan yang besar akibat kenaikan harga minyak sedunia baru-baru ini. Kerajaan patut menggunakan keuntungan yang sudah bertambah ini untuk

terus mengekalkan paras harga minyak sekarang demi memberi manfaat kepada semua rakyat dan tidak patut menaikkan harga minyak yang akan membebankan rakyat dan menimbulkan kesan inflasi dalam negara. Tambahan pula kenaikan harga minyak akan menambahkan kos pengeluaran dan ini sememangnya akan menjejaskan kadar persaingan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pengurusan minyak negara adalah tidak telus, kerana Petronas tidak perlu dipertanggungjawabkan di Parlimen dan kita tidak dapat mengawal keputusan dan pengendalian pelaburan dan hasilnya. Ada pihak yang mendakwa Petronas telah menjualkan sumber minyak negara dalam *future market*. Oleh itu, kenaikan harga minyak antarabangsa tidak akan membawa manfaat kepada negara. Adakah ini benar, Tuan Yang di-Pertua? Adakah ini satu strategi pasaran yang bijak? Apakah peranan Tun Mahathir Mohamed, sebagai penasihat Petronas ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa supaya Petronas diletakkan di bawah kawalan Parlimen untuk memastikan ada ketelusan dalam mengurus sumber minyak negara. Saya menyeru Kementerian Kewangan untuk menggunakan forum Parlimen untuk mempertahankan pendirian dan dasar kerajaan mengenai harga minyak dan pengurusan Petronas. Saya mengingatkan kerajaan, selagi isu harga minyak tidak ditangani, Bajet 2005 akan kurang wibawanya untuk mengurus tadbir ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran Perdana Menteri telah menyatakan keutamaan akan diberi kepada usaha memajukan nilai etika dan tadbir urus serta menangani gejala rasuah. Cabaran ini amat besar kepada Perdana Menteri dan susah mencapai kejayaan sekiranya ia tidak mendapat restu dan kerjasama oleh semua termasuk seluruh jentera kerajaan, pemimpin-pemimpin kerajaan sehingga kepada rakyat jelata yang biasa.

Pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) adalah satu permulaan sahaja dan tidak menjadi gantian kepada usaha sebenar untuk memajukan nilai etika dan menangani gejala rasuah. Kepimpinan melalui teladan, haruslah diberi makna yang sebenar. Seorang Setiausaha Parlimen digantung keahlian UMNO kerana mengamalkan politik wang, masih dapat mengambil tempat di dalam pentadbiran Perdana Menteri dan juga ambil tempat di Dewan yang mulia ini, apakah ini kejujuran sebenar untuk memajukan nilai etika serta memerangi gejala rasuah?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu, sama ada Jemaah Menteri telah mengisytiharkan harta kepada Perdana Menteri dan adakah semua anggota pentadbiran tidak lagi memegang jawatan sama ada dari Lembaga Pengarah atau menerima sebarang gaji, ganjaran, keuntungan atau faedah kewangan dalam mana-mana organisasi komersial, perindustrian dan penyelenggaraan. Kalau benar-benar mengutamakan nilai etika dan tadbir urus serta ingin mengatasi gejala rasuah, bolehkah Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, apakah tindakan yang sudah diambil tentang skandal hutang RM100 juta kepada pembekal-pembekal bahan-bahan yang digunakan oleh calon-calon Barisan Nasional dalam kempen Pilihan Raya Umum 2004.

Saya berharap Perdana Menteri dan kerajaan jangan buat tidak tahu sahaja mengenai kes ini. Inilah sedikit ujian kepada keutuhan Perdana Menteri untuk menegakkan pentadbiran yang bebas dan mempunyai toleransi sifar kepada gejala korupsi serta mempertingkatkan tahap integriti nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik keazaman kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan selamat dengan kadar jenayah yang rendah lagi terkawal. Kami juga bersetuju dengan langkah-langkah kerajaan untuk menyediakan kelengkapan yang canggih, alat komunikasi dan kereta berkelajuan tinggi di samping kemudahan dan pembaikan bangunan serta pelarasan gaji Skim Perkhidmatan Polis. Boleh dikatakan seluruh negara menyambut baik peruntukan Bajet 2005 ini dan saya mendapati seorang kakitangan polis yang memberi respons di surat khabar bahawa beliau berharap dengan kenaikan gaji, polis tidak perlu menerima wang rasuah lagi.

Ini merupakan satu kenyataan yang amat berani tetapi jujur. Pertikaian di antara Pengerusi Suruhanjaya Diraja penambahan baik perjalanan dan pengurusan Polis Diraja Malaysia dengan Timbalan Ketua Polis Negara mengenai wujudnya rasuah di semua peringkat polis haruslah menyedarkan kita bahawa cabaran yang negara hadapi adalah amat genting. Tuan Yang di-Pertua, secara jujur saya menyambut baik kepimpinan Perdana Menteri dalam menangani isu ini kerana kita tidak boleh membiarkan gejala rasuah ini menjadi penyakit kanser yang merosakkan masyarakat dan masa depan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Perlembagaan Persekutuan dalam perkara 140 telah memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Pasukan Polis (*Police Service*

*Commission*) dan laporan tahunannya dibentangkan di dalam Dewan ini setiap tahun. Masalah disiplin pasukan polis adalah satu perkara yang membimbangkan dan harus ditangani. Laporan-laporan ini dari Suruhanjaya pasukan Polis mencatatkan bahawa bagi setiap tahun puratanya tindakan disiplin diambil terhadap 1,000 ke atas kakitangan dan pegawai polis setinggi pangkat *Assistant Commissioner of Police*.

Jumlah yang membabitkan ini merupakan satu hingga satu setengah peratus seluruh tenaga pasukan polis. Apa yang membimbangkan antara sebab tindakan disiplin termasuk tindakan mahkamah diambil adalah kerana kesalahan seperti amalan rasuah, melakukan rompakan, peras ugut, samun, dadah, kesalahan seks seperti rogol dan sebagainya. Semua ini berlaku secara tetap bagi setiap tahun, tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sudah wujud sekian lama dan ia akan bertambah buruk sahaja selagi kita tidak mengamalkan sikap penafian wujudnya masalah ini. Hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan selamat tidak akan tercapai selagi gejala rasuah dan masalah disiplin dalam pasukan polis dan penguat kuasa undang-undang tidak diatasi kerana ianya penghalang utama kepada masyarakat yang sifar jenayah. Saya melihat kejujuran Perdana Menteri dalam usaha membanteras gejala-gejala negatif dalam pasukan penguat kuasa undang-undang. Saya berharap kejujuran Perdana Menteri ini dapat menyedarkan dan menginsafkan seluruh masyarakat kita untuk berganding bahu bersama-sama beliau menangani musuh-musuh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7 September yang lalu ini Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail telah membawa berita buruk bahawa beliau perlu menarik balik banyak kes mahkamah mengenai kesalahan rogol kerana keputusan mahkamah rayuan yang memutuskan tarikh-tarikh spesifik harus dicatatkan dalam pertuduhan kes. Perkembangan ini haruslah mendapat perhatian Perdana Menteri kerana mangsa rogol memerlukan sokongan kita dan undang-undang yang dapat melindungi mereka.

Saya ingin menyeru Perdana Menteri dan juga Menteri yang hadir supaya mengarahkan Peguam Negara mengkaji dan mencadangkan pindaan kepada undang-undang kita. Kalau diperlukan, Kanun Prosedur Jenayah haruslah dipindahkan untuk mengatasi masalah yang timbul. Kenyataan Peguam Negara untuk menggugurkan kes-kes rogol ini haruslah dipandang berat sebab ianya bukan jawapan yang diharapkan oleh mangsa-mangsa rogol dan jenayah seksual yang memerlukan

sebenarnya undang-undang yang lebih baik. Keputusan Mahkamah Rayuan ini haruslah menjadi satu ajaran dan cabaran kepada pihak polis dan Jabatan Peguam Negara untuk menambah baik kerja-kerja pendakwaan dan penyiasatan juga menggunakan sains forensik untuk membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita kini menikmati jangka hayat yang lebih panjang dan sampai masanya kerajaan menilai sama ada sejauh manakah manfaat persaraan adalah mencukupi bagi warga emas kita. Saya menyeru kerajaan melakukan kajian atas peranan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menyediakan manfaat persaraan yang mencukupi kepada rakyat kita.

Mengikut statistik KWSP kebanyakan warga emas menghadapi satu masalah yang serius di mana caruman yang boleh digunakan selepas mereka bersara cuma boleh mencukupi untuk satu tempoh yang kurang dari lima tahun. Apa yang akan berlaku kepada warga emas kita yang tidak mempunyai simpanan ataupun peluang pendapatan selepas persaraan mereka.

Saya berharap KWSP dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menghadapi kemungkinan ini. Saya juga ingin KWSP mengambil langkah untuk menambah penglibatan golongan yang bekerja sendiri (*self employed*) yang tidak diperlukan untuk membuat pencaruman secara mandatori oleh undang-undang. Saya menggesa KWSP untuk mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan satu skim caruman khas untuk golongan pekerja sendiri atau majikan di mana bilangan mereka berjumlah hampir 20% dari jumlah populasi bekerja dan kalau skim persaraan ini dilancarkan, ia akan membawa manfaat kepada seramai satu juta orang dan ianya akan menambah berbilion-bilion ringgit setiap tahun kepada dana pengurusan dan juga membawa impak yang amat baik kepada ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan telah menyusun semula jentera pentadbiran pejabat daerah, pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan, juga memperkenalkan strategi baru urusan pentadbiran tanah pada bulan Mac tahun ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk menggesa Perdana Menteri untuk membetulkan ketidakadilan dalam urusan pampasan bagi tanah-tanah yang dicadangkan untuk diambil alih untuk projek Penang Outer Ring Road (PORR) khususnya yang membabitkan tanah-tanah milik sebuah syarikat pemaju perumahan yang bernama Strong Kota Sdn. Bhd. yang terletak di Changkat Delima

Tiga, Alan Gred, Seksyen Lima dalam Bandar George Town iaitu di dalam kawasan Parlimen Bukit Gelugor.

Dalam jawapan kepada soalan saya pada 20 Julai tahun ini kerajaan memberi jaminan bahawa proses pengambilan balik tanah akan dilaksanakan dengan adilnya berdasarkan peruntukan sedia ada dan juga penilaian yang dikeluarkan oleh pentadbir tanah atas nasihat Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Negeri. Akan tetapi hakikatnya dalam kes ini adalah sebaliknya di mana tawaran sebanyak RM50 satu kaki persegi bagi tanah-tanah ini adalah jauh rendah mengikut piawaian yang dilakukan oleh Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta dan juga tanah-tanah bersebelahan yang diberi nilai dan pampasan lebih kurang RM100 satu kaki persegi.

Syarikat ini adalah mangsa kepada satu projek pembangunan dan mereka memberi tanah ini dan juga mendapat *planning approval* bagi satu projek perumahan. Tetapi semua ini dibekukan pada tahun 1997 dan sepanjang tujuh tahun ini sehingga kini syarikat ini hilang peluang untuk memajukan tanahnya, tidak dapat faedah kewangan dan juga perlu memikul beban faedah pinjaman dari bank dan akhirnya pengarahnya akan menghadapi saman kebangkrapan. Akhirnya pihak berkuasa telah menawarkan nilai pampasan mengikut nilai pasaran iaitu lebih kurang RM100 satu kaki persegi dalam tahun 2001 tetapi membalikkan keputusan ini kerana masalah peruntukan yang disediakan adalah tidak mencukupi. Ini memang satu kes di mana pemilik syarikat dianiayai dan saya mohon perhatian Perdana Menteri untuk membetulkan ketidakadilan dalam kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggesa pihak kerajaan mempercepatkan lagi ulang kaji terhadap rancangan penswastaan, khususnya penswastaan pembinaan lebuh raya dan juga sistem pungutan tol. Tidak dinafikan bahawa dalam dua dekad kebelakangan ini Malaysia telah dapat mengembangkan sistem lebuh raya dengan cepatnya yang telah memberi manfaat seperti pengangkutan barangan dan penumpang yang lebih cepat, membolehkan *connectivity* di seluruh negara dan juga kemunculan pusat-pusat pembangunan yang baru. Akan tetapi penswastaan lebuh raya juga menimbulkan pelbagai kontroversi, khususnya mengenai gejala yang diberi nama *privatization of properties socialization of losses*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengambil jalan yang senang untuk memberi pampasan kepada syarikat konsesi supaya kadar tol tidak dinaikkan.

Langkah sedemikian telah memberi tekanan bajet yang amat berat kepada negara ini. Ini sememangnya bercanggah dengan prinsip penswastaaan dan tujuan utama untuk membebaskan kerajaan daripada tanggungan ini. Kita lihat setiap tahun kerajaan perlu menanggung hampir RM1 bilion untuk memberi subsidi kepada syarikat konsesi.

Kita kena tanya apakah subsidi ini memberi manfaat kepada pengguna jalan raya ataupun cuma untuk membolehkan syarikat konsesi mencapai prestasi kewangan yang lebih baik. Akhirnya pembayar cukai yang perlu memikul beban kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menggesa kerajaan menimbang kemungkinan untuk menggunakan wang rakyat bukan sekadar untuk membayar pampasan kepada syarikat konsesi sahaja, tetapi juga untuk membeli balik konsesi sebahagian lebuhraya ataupun seluruh bahagian lebuhraya yang diswastakan ini. Ini boleh dilakukan secara berperingkat-peringkat dan akhirnya lebuhraya-lebuhraya boleh dipulangkan kepada pemilikan negara dan rakyat dan tol-tol minimum sahaja dikenakan untuk tujuan penyelenggaraan sahaja.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Bajet 2005 ini membawa mesej bahawa seluruh rakyat perlu bekerja keras dan bekerja secara pintar dan keempat-empat strategi menuntut perubahan budaya yang amat besar termasuk mengubah dan penilaian semula proses-proses kerja, penukaran *mindset* dan juga pemindahan ciri-ciri kelakuan dalam tenaga sumber manusia kita. Inilah satu agenda yang amat besar dan saya sokong apa juga tindakan yang dapat memastikan negara dan rakyat Malaysia dapat maju dan *survive* dalam dunia yang sudah *globalize* ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita bagi dahulu calon tunggal Bebas, Yang Berhormat bagi Sandakan.

### **3.53 ptg.**

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada ahli Bebas yang tunggal ini untuk membahaskan mengenai Bajet 2005.

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah di atas Bajet 2005 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah dapat respons yang begitu positif kerana ia adalah satu bajet yang membawa kebaikan kepada rakyat keseluruhan, khususnya dalam sektor pendidikan dan juga pertanian.

Demi kebaikan rakyat, semua pihak harus memberi sokongan agar pelaksanaan dapat dijalankan dengan lancar supaya mencapai matlamat-matlamat yang dirancang itu.

Saya memang sokong penuh masalah-masalah yang dikemukakan oleh kawan-kawan saya yang datang dari Sabah. Masalah ini termasuk pembangunan ekonomi yang tidak memuaskan, masalah pendatang tanpa izin, kad pengenalan palsu, masalah perjudian, dadah syabu, kekurangan infrastruktur yang asas dan juga masalah kesihatan.

Di sini saya tidak ingin mengulangi masalah-masalah yang sama ini, tetapi saya ingin mengemukakan isu-isu di kawasan Sandakan. Disebabkan bertambahnya bilangan penduduk di Sandakan menjadi lebih daripada 350,000 orang, keperluan infrastruktur asas yang mencukupi seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air, kemudahan pendidikan, perumahan dan sebagainya adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa kemudahan-kemudahan ini, pertumbuhan dalam semua bidang agak terjejas, maka saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada isu-isu yang berikut supaya menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk menyelesaikannya dengan secepat mungkin.

Pertama, meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan elektrik kerana gangguan bekalan sering berlaku yang membawa kerugian besar kepada peniaga, pekilang dan juga orang ramai di Sandakan. Saya telah difahamkan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu bahawa jumlah janaan kuasa oleh Sabah Elektrik Sdn. Bhd. dan juga IPP adalah mencukupi. Tetapi rakyat di Sandakan sekarang ini masih mengalami gangguan elektrik setiap hari dan ada juga gangguan beberapa kali dalam satu hari.

Saya telah diminta oleh rakyat Sandakan untuk memberitahu Dewan yang mulia ini, mereka mahu pihak yang bertanggungjawab supaya meletakkan jawatan kerana gagal memberi perkhidmatan yang memuaskan.

Kedua, mempercepatkan pembinaan jalan pintas utara di Sandakan, disebabkan jalan raya yang sedia ada tidak mencukupi dan mengakibatkan masalah kesesakan lalu lintas yang serius. Bilangan kereta telah meningkat dengan cepat, manakala hanya terdapat sebatang jalan raya utama ke pusat bandar Sandakan dari kawasan utara.

Rakyat di Sandakan tidak sabar lagi hendak tunggu sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan kerana mereka telah menghadapi masalah kesesakan lalu lintas

selama berpuluh-puluh tahun. Peruntukan segera amatlah diperlukan kerana kerja penyediaan telah diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, untuk pertumbuhan yang seterusnya supaya matlamat kedudukan sebagai sebuah bandar raya dapat dicapai, kerajaan harus merancang mendirikan institusi pengajian tinggi di Sandakan. Ini juga merupakan hasrat rakyat di Sandakan kerana ia dapat meringankan beban kewangan ibu bapa dalam pendidikan di mana anak-anak tidak perlu dihantar ke tempat lain dengan kos yang lebih tinggi untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Yang keempat, mutu bekalan air yang bersih juga perlu dipertingkatkan di mana kekurangan bekalan air sebanyak 38% setan dialami di kawasan Sandakan. Projek bekalan air fasa kedua seharusnya disiapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh belum lagi dijalankan. Itulah punca masalah kekurangan utama air di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, kelima, persediaan kemudahan perumahan seperti penambahan pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah haruslah dilaksanakan dengan secepat mungkin. Ini akan mengurangkan bilangan rumah setinggan yang menimbulkan masalah seperti kecurian bekalan air dan elektrik dan masalah kesihatan.

Yang keenam, dorongan kerajaan dalam perniagaan industri kecil dan sederhana juga sangat penting. Ini akan meningkatkan kegiatan ekonomi tempatan yang membawa peluang kerja dan juga pendapatan kepada rakyat untuk kehidupan yang lebih selesa. Skim Pinjaman Mikro Kredit merupakan sejenis bantuan kewangan kepada peniaga-peniaga kecil, tetapi mereka menghadapi kesulitan kerana permohonan mereka yang diluluskan pada awalnya ditarik balik tanpa sebab yang diterima oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh, bilangan pendatang tanpa izin yang tidak terkawal juga adalah satu masalah serius di Sandakan. Selain daripada kegunaan kemudahan perubatan membanjiri hospital-hospital kerajaan, mereka juga membawa masalah kesihatan kerana tinggal di rumah-rumah setinggan yang kekurangan kemudahan asas. Mereka juga terlibat dalam kes-kes jenayah. Pelbagai masalah juga timbul kerana kehadiran PTI ini. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin.

Walaupun kedudukan saya sekarang ialah seorang Ahli Bebas, tetapi sejak dari awal lagi saya telah mengatakan bahawa saya akan memberi kerjasama dan juga sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional [*Tepuk*] yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk membawa pembangunan dan juga segala kebaikan kepada rakyat, khususnya di Sandakan.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Tuan Chong Hon Min:** Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa matlamat ini akan tercapai kerana Ketua Menteri Sabah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Tuan Chong Hon Min:** Yang Amat Berhormat Datuk Seri Musa Haji Aman telah mengumumkan bahawa pembangunan di kawasan yang telah dimenangi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mahu bagi jalankah Yang Berhormat?

**Tuan Chong Hon Min:** .... oleh calon Bebas seperti kawasan Sandakan akan diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat bagi Jasin?

**Tuan Chong Hon Min:** Okey. [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Jasin*] [*Ketawa*]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sandakan yang telah membuat, dengan izin, *maiden speech*nya, dan saya pun gembira kerana Yang Berhormat bagi Sandakan telah berikrar akan menyokong Barisan Nasional. Menyokong sahaja tidak cukup Yang Berhormat. Parti mana Yang Berhormat hendak masuk? Biar terus terang, biar terus terang. Sokong sahaja tidak boleh. Masuk, masuk betul-betul, jangan masuk, masuk separuh sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, dia akan jawab.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tengah nak jawab tu, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

**Tuan Chong Hon Min:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Bagi pendirian saya ..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh ikut sayalah. *[Ketawa]*

**Tuan Chong Hon Min:** Boleh dipertimbangkan. *[Ketawa]* Jadi, pendirian saya sejak awal-awal lagi telah mengatakan bahawa saya beri sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Ketua Menteri Sabah. Itulah pendirian saya, tetapi terpulanglah kepada pihak ..... macam Barisan Nasional untuk mengambil keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Ketereh bangun.

**Tuan Chong Hon Min:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sandakan. Sebenarnya saya tengok skrin TV, *[Menarik perhatian Ahli-ahli Dewan kepada skrin TV yang terpampang di dalam Dewan]* dalam skrin itu tertulis Sandakan – Barisan Nasional. Maknanya sudah memang Barisan Nasional. Saya hendak minta pengesahan dan penjelasan, sebenarnya Barisan Nasionalkah atau bukan? Dalam skrin ini, cuba tengok sekali lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu 'Bebas Negara'.

**Tuan Chong Hon Min:** Memang sudah tidak jadi masalah. *[Ketawa]* Langsung tidak ada, kemasukankah atau apa yang ditunjuk oleh ... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat terimalah, ahli BNlah.

**Tuan Chong Hon Min:** Betul, betul. *[Sorak]*

**Tuan Loh Seng Kok:** Yang Berhormat bagi Sandakan.

**Tuan Chong Hon Min:** Jadi ...

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat bagi Sandakan telah pun mengisi borang parti-parti yang tertentu? Terima kasih.

**Tuan Chong Hon Min:** Seperti mana yang saya cakap tadi, pendirian saya adalah memang jelas, hanya responslah. *[Sorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh beralih kepada tajuk, dan tentang hendak menjadi ahli BN kita bincang di luar nanti.

**Tuan Chong Hon Min:** Okey, okey. Jadi terima kasih atas ....

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin, ada apa lagi?

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan, baru-baru ini saya tengok muka Yang Berhormat bagi Sandakan keluar dalam TV dalam Mesyuarat Agung Parti Gerakan. Jadi, itu yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sudah masuk Parti Gerakankah?

**Tuan Chong Hon Min:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya sejak dari awal-awal lagi saya memang ada ramai kawan dari kalangan parti-parti politik, termasuk dari parti komponen Barisan Nasional di Sandakan dan juga di peringkat negeri. Jadi, ada kawan baik dari parti politik menjemput saya menghadiri Kongres mereka. Itulah demi kebaikan semua kawan, saya memang hadir. Untuk makluman semua, pada bulan lalu saya juga dijemput ke Kongres SAPP juga. Jadi asal ada kawan jemput, kalau saya ada masa lapang memang saya hadir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Minggu depan boleh pergi UMNO punya *Assembly*. *[Ketawa]*

**Tuan Chong Hon Min:** Kalau dijemput memang boleh. *[Ketawa]* Jadi, terima kasih kepada semua yang mengambil berat tentang saya dan di sini saya ingin memuji kepimpinan terbuka dan juga respons yang positif daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sekijang.

**4.07 ptg.**

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan kesempatan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2005 di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Menteri Kewangan dan Perdana Menteri Malaysia, yang telah dapat menyediakan Bajet 2005 yang begitu cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada kerajaan yang telah mempertimbangkan semula penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) dalam negara ini setelah UiTM dinaikkan tarafnya kepada universiti. Sejarah penubuhan ITM itu sendiri bermula daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan kemudiannya pada tahun, kalau tidak silap saya, akhir tahun 1970-an, telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pelajaran pada masa itu.

Dengan penubuhan ITM maka ramailah bumiputera yang pada masa itu mendapat peluang untuk menyambung pendidikan dan kini saya percaya ramai daripada produk-produk ataupun yang lahir daripada ITM ini telah menjadi manusia yang berguna dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Oleh itu saya menyokong sepenuhnya penubuhan semula ITM ini dan oleh sebab ia berasal daripada MARA maka hendaklah penubuhan ataupun melahirkan semula ITM ini diberikan kepada MARA. Peruntukan yang secukupnya harus disediakan oleh kerajaan bagi tujuan ini. Kalau boleh, penubuhan ataupun melahirkan semula ITM ini saya mempelawa untuk dimulakan ataupun ditubuhkan di dalam kawasan Parlimen saya iaitu Parlimen Sekijang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membantu bumiputera untuk menjadi usahawan yang berdaya saing maka peranan MARA tidak boleh kita ketepikan sama ada bantuan teknikal, khidmat nasihat dan modal amat diperlukan.

Baru-baru ini saya telah dimaklumkan oleh beberapa rakan yang bergiat cergas di dalam kontraktor Kelas F di mana mereka hanya dibenarkan membuat pinjaman kepada pihak MARA hanya dua kali sepanjang hayat, walaupun prestasi dan bayaran balik dibuat dengan cemerlang. Ini bermakna mereka terpaksa mencari sumber lain untuk membuat pinjaman dan tentunya menyukarkan mereka kerana bank-bank komersial akan mengenakan syarat yang begitu ketat. Oleh itu jalan yang paling mudah bagi mereka ini ialah terpaksa meminjam kepada *along-along* yang berkeliaran pada masa ini.

Oleh itu saya bagi pihak mereka ini merayu kepada MARA khasnya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya dapat membuat pertimbangan semula agar pinjaman kontrak ini tidak dihadkan kepada dua kali sahaja sepanjang hayat, asalkan kita boleh tengok bayaran balik dan prestasinya dalam keadaan yang memuaskan. Apatah lagi di dalam Bajet pada kali ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut bahawa peruntukan akan ditambah lagi

bagi beberapa dana termasuklah Skim Pembiayaan Perniagaan MARA. Adalah perlu bagi pihak MARA untuk sama-sama membantu kontraktor-kontraktor ini untuk dijadikan usahawan yang berjaya di masa ini dan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya untuk memberi pengiktirafan kepada guru cemerlang dan pengetua cemerlang iaitu memberikan kenaikan pangkat sehingga Gred Khas C dan Gred JUSA C kepada pengetua yang terpilih. Walaupun jumlah jawatannya tidak banyak diwujudkan tetapi ianya boleh ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian. Ini saya rasa merupakan satu pengiktirafan daripada kerajaan kepada perkhidmatan guru.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pengwujudan ini tidak diberikan kepada Kementerian Pendidikan sahaja tetapi mereka yang terlibat sama dalam sektor pendidikan ini, di dalam kementerian yang berlainan juga harus diambil kira.

Sebagai contohnya dalam perkhidmatan Guru MARA, mungkin juga dalam Kementerian Belia dan Sukan, mungkin juga di dalam Kementerian Sumber Manusia dan mungkin juga lain-lain kementerian yang ada mempunyai guru-guru. Tetapi sebelum itu kita juga harus mengambil kira tentang pengarah ataupun pegawai pendidikan di peringkat daerah ataupun negeri supaya dari segi pentadbirannya tidak bercanggah kerana ini penting untuk melicinkan pentadbiran dan tidak meletakkan pengarah ataupun pegawai di peringkat negeri ataupun daerah merasa rendah diri.

Oleh itu saya mengesyorkan supaya diwujudkan skim untuk ini secara tersendiri dan tidak dipanggil sebagai JUSA C, tetapi bolehlah dipanggil apa sahaja asalkan dari segi gaji dan kemudahannya mungkin sama dan yang pentingnya tidak melibatkan kuasa mentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin kepada masyarakat kita yang tidak bernasib baik, khususnya kepada orang kurang upaya. Ini termasuk kepada anak-anak istimewa yang terdapat di dalam negara ini, yang mana kerajaan telah bersetuju memberikan imbuhan sebanyak RM25 sebulan untuk menampung kos pendidikan ataupun kos pembelajaran dalam pusat komuniti. Ini bermakna tidak sampai RM1 sehari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sila.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang. Saya rasa bantuan kerajaan yang sebanyak

RM25 ini, untuk anak-anak OKU ini tidak mencukupi kerana kita lihat anak-anak yang kurang upaya itu, kalau biasanya anak yang normal memerlukan tiga helai baju seminggu, tetapi anak-anak OKU ini memerlukan tiap-tiap hari menukar baju. Begitu juga dengan benda-benda lain. Kalau RM25 bantuan kita sebulan, saya kira cukup untuk membeli pensel sahaja.

Jadi, Ahli Yang Berhormat bagi Sekijang, bersetujukah dengan saya, kalau boleh kita minta kepada kerajaan, RM25 ini tidak cukup. Paling tidak pun RM100 sebulan untuk anak-anak OKU ini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jasin kerana telah memberikan pendapat yang agak selari dengan pendapat saya. Ahli Yang Berhormat bagi Jasin tadi mencadangkan RM100 sebulan, tetapi bagi saya mungkin RM300 sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi bahawa untuk mengendalikan anak kurang upaya ini, kadangkala ianya lebih sepuluh kali ganda lebih sukar daripada untuk mengendalikan anak yang normal.

Contohnya anak yang normal ini, kalau pembelajarannya atau persekolahannya kita boleh hantar anak ini pergi ke sekolah, mungkin hari pertama kita hantar ke sekolah, hari kedua kita sudah boleh suruh dia naik bas ataupun menaiki kenderaan awam yang lain dan kita tunggu sahaja dia balik petang dengan bas sekolah dan sebagainya, tetapi bagi anak yang kurang upaya ini kita tidak boleh melepaskan begitu sahaja. Ibu bapa terpaksa berkorban masa dan tenaga untuk sama-sama duduk di pusat pembelajaran ini, kadang-kadang sampai seharian. Jadi, Ibu bapa atau keluarga mereka ini tidak berkesempatan untuk membuat kerja-kerja lain dan hanya menumpukan perhatian kepada anak-anak yang istimewa ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tiada siapa pun mahu dilahirkan dalam keadaan yang begitu tetapi itulah mungkin agaknya ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dan kita sebagai masyarakat yang prihatin ini mungkin boleh sedikit menolong mereka ini, supaya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga mereka. Walaupun kita tahu bahawa berat mata memandang, tetapi lebih berat lagi bahu yang memikul dan saya minta juga penyelarasan dengan kerajaan negeri perlu dibuat agar semua golongan ini mendapat manfaatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Orang Asli, biasanya golongan ini dikaitkan dengan mereka yang terpinggir menerima arus pembangunan. Mereka kebanyakannya mengamalkan kehidupan dalam keadaan kemiskinan, ibarat kais pagi

makan pagi dan kais petang makan petang. Hutan-hutan kebanyakannya telah banyak ditebang bagi tujuan pembangunan dan binatang liar pun semakin pupus, semakin kurang, maka dengan sebab itu kita harus membantu golongan ini dengan sama-sama memberikan pembangunan.

Saya mencadangkan supaya golongan ini dibangunkan secara ala FELDA di kawasan berhampiran atau di tempat mereka sendiri dan diberikan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, air, jalan raya dan sebagainya. Dan juga kawasan pertanian untuk mereka ini yang ekonomik bukan sebagaimana sekarang, saya lihat dibina rumah untuk Orang-orang Asli ini hanya sebagai rumah persinggahan yang tiga bulan dia duduk di rumah itu, kemudian tiga bulan lagi dia masuk ke hutan, selepas itu dia balik semula ke rumah itu. Jadi ini akan terus membiarkan golongan ini tertinggal. Jadi dengan adanya pembangunan yang saya sebutkan tadi seperti mana yang telah dibuat oleh FELDA, mungkin kita dapat sedikit sebanyak menolong golongan ini.

Oleh itu, satu peruntukan khas perlu diberikan kepada golongan ini di mana peruntukan yang disediakan oleh kerajaan di dalam bajet pada kali ini sebanyak RM77.3 juta mesti dimanfaatkan dengan membuat perancangan yang tepat, dan perbincangan dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan tapak atau tanah yang sesuai perlu diambil tindakan terlebih dahulu supaya kawasan yang hendak dibangunkan adalah kawasan yang berhampiran, dan dengan penempatan yang sedia ada dan perbincangan dengan ketua dan masyarakat Orang Asli ini juga adalah perlu dibuat kerana untuk mengelakkan daripada perasaan sensitif di kalangan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Pengajian Tinggi diwujudkan, maka segala tugas yang mengarah kepada pendidikan tinggi telah diletakkan di bahu mereka. Pada masa ini pinjaman ataupun biasiswa untuk pengajian tinggi tempatan sahaja terletak di bawah pengawasan kementerian ini iaitu yang dipanggil Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), manakala penganjuran untuk ke luar negara terletak di bawah pengurusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Adalah dirasakan tidak relevan lagi unit biasiswa ini diletakkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, kerana bukan semua pelajar yang mendapat biasiswa ini akan berkhidmat di sektor awam ataupun di sektor kerajaan dan JPA sendiri tidak berkemampuan untuk mengambil keseluruhan penuntut-penuntut tersebut untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan supaya bahagian biasiswa yang dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ini dipindahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan cara yang demikian, ia dapat diselaraskan dan saya percaya Kementerian Pengajian Tinggi akan lebih memahami hasrat negara untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta.

**Tuan Loh Seng Kok:** [*Bangun*]

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sekijang yang menyebutkan tentang pengawasan biasiswa ini antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Kementerian Pengajian Tinggi. Apakah kita boleh memberi cadangan kepada kerajaan supaya mereka yang menerima biasiswa JPA, walaupun tidak mendapat kerja atau tidak ditawarkan kerja oleh pihak JPA untuk berkhidmat dengan kerajaan, mereka juga diikat dengan satu jaminan bahawa mereka seharusnya berkhidmat di dalam negara supaya kita dapat elakkan *brain drain*, di mana mereka yang elit ini dapat kita *contain* dalam negara kita supaya mereka tidak akan bekerja di luar negara. Ini adalah salah satu langkah, walaupun cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sekijang untuk *consolidate*, kawal selia biasiswa ini, saya rasa ini adalah cadangan dan pandangan saya. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Sekijang supaya mereka yang menerima biasiswa JPA, dan tidak ditawarkan pekerjaan oleh kerajaan, seharusnya berkhidmat di dalam negara, di dalam sektor swasta. Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya separuh bersetuju dan separuh tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu kerana bagi saya, sekiranya ada di antara pelajar-pelajar ini yang mendapat pekerjaan di luar negara, apa salahnya untuk mereka bekerja dan menimba pengalaman daripada luar terutamanya dengan syarikat-syarikat yang besar, syarikat-syarikat yang ternama dan kemudian sampai kepada satu ketika, apabila mereka rasa mahu pulang dan mereka pulang dengan membawa pengalaman dan pengetahuan yang banyak, yang mungkin boleh dimanfaatkan kepada negara kita. Jadi kalau kita

ikat dia, maknanya kita ini terlalu *rigid* dan tidak memberikan kelonggaran kepada mereka untuk menimba pengalaman-pengalaman yang lain terutamanya dengan syarikat-syarikat yang ternama.

Di dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita mendapati bahawa sektor ICT serta Koridor Raya Multimedia mendapat perhatian yang khusus daripada kerajaan. Ini bermakna ia sangat penting di dalam negara kita bagi menghadapi persaingan daripada dunia-dunia luar. Pelajar-pelajar kita sudah tentu digalakkan untuk mempertajamkan dan mendalami bidang ini. Baru-baru ini saya berasa terkilan apabila saya menemui Jabatan Perkhidmatan Awam bahagian pengiktirafan ijazah dari luar negara, saya bertanya kenapa Ijazah *Software Engineering* dari sebuah universiti di United Kingdom (UK) yang namanya saya tidak mahu sebut di sini tidak mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam sedangkan Ijazah Sains Komputer daripada universiti yang sama diiktiraf. Jawapan yang saya terima agak mudah sahaja iaitu *Software Engineering* tidak diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia.

Saya cuba menerangkan bahawa *software engineering* adalah salah satu daripada cabang ilmu Sains Komputer dan mungkin tidak ada kena mengena yang disebutkan tadi, di mana pada tahun pertama penuntut memang diajar Sains Komputer dan tahun kedua, dan berikutnya mereka diberi pilihan untuk mengikuti bidang-bidang pengkhususan yang mana seperti *System Computing and Networks, Information System, Intelligent System, Software Engineering* dan bermacam-macam lagi dan akhirnya setelah tamat pengajian, mereka akan diberikan ijazah dalam bidang pengkhususan yang mereka ikuti. Setelah begitu panjang saya menerangkan kepada mereka dan mereka menyatakan kepada saya bahawa ijazah daripada universiti tersebut yang diiktiraf ialah *Bachelor of Science (Computer Science)* sahaja. Kalau dibubuh *Software Engineering* diiktiraf, kalau *Bachelor of Science, Software Engineering* sahaja tidak diiktiraf kerana kata mereka dalam buku pengiktirafan JPA tertulis begitu.

Kemudian saya telah menghubungi wakil universiti berkenaan sama ada dahulu mereka sememangnya mengeluarkan ijazah sebagaimana yang didakwa oleh JPA tadi. Jawapan yang diterima ialah, mereka tidak pernah mengeluarkan ijazah yang sedemikian kerana mereka mengeluarkan ijazah yang lebih khusus. Jadi yang menjadi pertanyaan kepada saya ialah dalam hal ini, pertamanya, bagaimana Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) boleh mengiktiraf ijazah yang tidak dikeluarkan oleh universiti tersebut sedangkan ijazah yang betul-betul dikeluarkan tidak diiktiraf.

Kedua, mengapa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengiktiraf ijazah yang lebih *general* sifatnya sedangkan ijazah yang khusus tidak diiktiraf. Maksud saya *Computer Science* tadi diiktiraf, tetapi kalau pergi pengkhususan kepada *Software Engineering* tidak diiktiraf. Maknanya kalau *Computer Science*, kita boleh jadi guru sahajalah, sebagai contohnya kita tidak boleh.....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sila.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sila.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sekijang, saya tertarik dengan kenyataan bahawa kononnya JPA tidak mengiktiraf *software engineering* dari luar negeri disebabkan kononnya Lembaga Jurutera Malaysia tidak mengiktiraf ijazah tersebut. Selaku bekas Bendahari Kehormat IEM, Institut Jurutera Malaysia, ingin saya mengatakan bahawa sebenarnya pengiktirafan oleh JPA ini tidak ada kena mengena dengan pihak Lembaga ataupun Institut kerana kalau kita hendak lihat sama ada pemberian *title engineer – Ir.* itu mesti dapat pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera atau Institut Jurutera. Tetapi secara umumnya apa juga kursus, sebenarnya kursus ini diiktiraf secara mutlak oleh pihak JPA.

Saya hendak minta pandangan dan penjelasan sebab kita tidak mahu Lembaga Jurutera Malaysia itu dijadikan sebagai *scape goat* dalam perkara ini. Sebenarnya berlaku ketidakadilan atau pihak JPA sendiri lalai dalam perkara ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tetapi itulah jawapan yang saya terima dan saya tidak boleh hendak komen maknanya dari segi Lembaga itu sendiri tetapi pada pendapat saya sebab itulah saya cuba menerangkan bahawa *Software Engineering* adalah salah satu daripada cabang ilmu yang terdapat dalam sains komputer.

Yang kedua, mengapakah JPA mengiktiraf ijazah yang lebih *general* sifatnya sedangkan ijazah yang menghusus tidak diiktiraf.

Ketiga, bagaimanakah negara kita akan dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan tiap-tiap hari kita tengok dalam surat khabar sampai pada hari ini pun Perdana Menteri menekankan bidang pengkhususan yang perlu untuk kita bersaing di peringkat antarabangsa. Sekiranya keadaan ini akan berterusan berlaku dan jentera kita sendiri tidak dapat memahami hasrat pucuk pimpinan negara dan kalau beginilah keadaannya apa pun yang kita rancang, apa pun yang kita cita-citakan tidak akan menjadi kenyataan dan angan-angan tetap akan tinggal angan-angan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu berkaitan dengan ini juga Bahagian Pengiktirafan Ijazah Luar Negara yang pada masa ini terletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam mesti juga dipindahkan di bawah pengelolaan Kementerian Pengajian Tinggi. Ini kerana kementerian ini adalah satu-satunya kementerian yang bertanggungjawab kepada pendidikan tinggi negara. Saya percaya kementerian ini akan lebih memahami akan apa yang diperlukan oleh negara terutamanya di sektor swasta yang mana negara kita akan bersaing di peringkat antarabangsa. Sekiranya berlaku permasalahan maka kementerian ini akan mudah membuat rujukan kepada institusi atau pun universiti-universiti yang terdapat di dalam negara dan di luar negara.

Saya menyuarakan pendapat ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah masalah pengiktirafan itu maknanya kita mesti bekerja dengan sektor awam atau sektor kerajaan tetapi kalau tidak diiktiraf oleh JPA maka secara automatiknya penganjuran ataupun pinjaman pelajaran ataupun biasiswa untuk mereka ini tertutup apabila....

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Jadi apabila tertutup maka tidak ada apa hasrat kita bercakap hari-hari di Parlimen, di dalam surat khabar hendakkan negara maju, hendakkan negara maju, tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan kerajaan untuk memerangi dadah sebagai musuh nombor satu negara harus diberikan pujian. Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia bebas dadah pada tahun 2015 nanti. Sebelum ini kita

telah mempunyai berbagai-bagai akta yang bertujuan untuk membanteras dan menghapuskan dadah di dalam negara ini. Misalnya kita ada Akta Dadah Berbahaya 1952, kita ada Akta Penagih Dadah 1983 iaitu (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1988, kita ada Akta Dadah Berbahaya (Langkah Pencegahan Khas) 1985, kita ada Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 dan kita ada Akta Racun 1952.

Melalui akta-akta ini penguatkuasaan boleh menyerbu, memeriksa, menangkap dan menuduh pengedar-pengedar di mahkamah. Berdasarkan ini saya kira kita telah cukup senjata untuk menghindarkan dadah dari negara ini tetapi kita masih gagal dan apakah permasalahan yang kita hadapi? Pada sidang Parlimen kali ini juga kita telah membahaskan untuk menubuhkan Agensi Antidadah Kebangsaan. Pada pendapat saya walau apapun yang kita buat tetapi sekiranya kalau kita tiada kesungguhan ianya tidak akan menjadi kenyataan. Penguatkuasaan kita terlalu longgar dan kurang kecanggihannya. Contohnya, sebagaimana yang pagi tadi.....

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sabak Bernam.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Ha, pakar dadah. Sila.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. Apabila menyebut mengenai dadah, ini musuh yang kalau kita pernah tengok cerita "*Terminator*", musuh kita sebenarnya tidak nampak, jadi walaupun pelbagai undang-undang penguatkuasaan dan akta diadakan, saya rasa ini tidak ataupun bukan jaminan untuk masalah salah guna dadah ini dapat diatasi.

Saya ingin bertanya, apakah pandangan Yang Berhormat supaya, ini kali yang ketiga sebenarnya saya mengulangi, supaya setiap pimpinan di semua peringkat, khususnya di peringkat akar umbi, dipertanggungjawabkan. Sebagai contoh, satu entiti paling bawah yang dianggap paling berkesan ialah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, setuju ataupun tidak di dalam mesyuarat Jawatankuasa ini dipastikan ataupun diwajibkan mesti ada agenda menangani salah guna dadah yang perlu dilaporkan, mungkin sebulan ataupun seminggu sekali, dan dalam konteks ini Ahli-ahli Parlimen juga perlu mendapat laporan supaya ia boleh mengambil bahagian secara khusus dan berkesan mengikut kawasannya. Apa pandangan daripada Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya amat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi yang mana kita kena melibatkan keseluruhan tenaga kita untuk tujuan ini.

Saya sambung semula, penguatkuasaan kita adalah terlalu longgar dan kurang kecanggihan. Contohnya, kita selalu dengar di pusat-pusat serenti pun kadangkala dadah mudah diperolehi. Keduanya, kita tengok juga sikap keluarga dan sikap masyarakat sebagai yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi yang kadangkala tidak ambil peduli dan ambil mudah sahaja dan kadangkala pihak keluarga cuba menyembunyikan ahli keluarga mereka yang terlibat di dalam dadah ini.

Yang ketiga, sikap penagih itu sendiri Tuan Yang di-Pertua, yang lebih berminat untuk menagih dan tidak berminat untuk berhenti. Sebab itu bila kita tangkap dan kita hantar ke pusat pemulihan dan apabila keluar daripada pusat-pusat tersebut mereka mula menagih semula dan selepas itu pula mereka ajak kawan-kawan yang lain untuk sama-sama menagih. Seolah-olah pusat pemulihan ini sebagai pusat percutian istimewa bagi mereka. Oleh itu sekiranya keadaan ini terus berlaku maka penubuhan Agensi Anti-dadah Kebangsaan yang baru kita bahaskan nanti akan hanya melibatkan pengalihan kuasa pentadbiran sahaja dan tidak memberikan apa-apa kesan kepada penghapusan dadah. Di dalam bajet pada kali ini telah diperuntukkan sebanyak RM150 juta. Jadi saya ingin tahu apakah perancangan yang lebih tegas dan lebih rapi telah dibuat oleh kerajaan dengan adanya penubuhan Agensi Anti-dadah Kebangsaan nanti?

Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung, boleh gulung...

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Muar bangun Yang Berhormat.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Ya? Okey, kawan kena bagi jugalah.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sekijang. Bila menyebut tentang dadah saya ingin membawa satu senario untuk mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sekijang. Tentang fakta yang dikemukakan di hadapan kita di mana pada tahun lepas sebanyak

RM1 bilion dibelanjakan dengan pendapatan seramai 10,000 orang penagih dadah di pusat-pusat serenti. Saya cuma minta pandangan Yang Berhormat di mana lojiknya apabila tahun lepas juga seramai 36,000 penagih baru ataupun penagih di Malaysia yang mana sebahagiannya penagih baru dan sebahagiannya penagih berulang. Sedangkan kerajaan belanja RM1 bilion yang hanya dapat menempatkan 10,000 orang penagih. Persoalannya di manakah lojiknya perbelanjaan RM1 bilion kepada 10,000 penagih sedangkan lagi 20,000 tidak dapat ditempatkan, bagaimana kita hendak dapat sasaran mengurangkan penagih di negara kita? Terima kasih.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Muar. Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kita belanjakan banyak mana sekalipun kalau kita tidak ada kesungguhan maka keadaan ini akan terus berlarutan dan target kita pada tahun 2015 untuk menjadikan dadah ini sifar mungkin tidak akan tercapai sebab itulah sebagaimana yang sahabat saya daripada Sabak Bernam tadi menyatakan bahawa maknanya keseluruhan masyarakat kita perlu mengambil perhatian dan mengambil berat tentang perkara-perkara yang disebutkan untuk membasmi dadah ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sepatutnya Yang Berhormat telah janji hendak gulung.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Baharum bin Mohamed:** *Ya? [Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang, sahabat saya yang memahami saya punya perasaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya hairan macam mana Yang Berhormat hendak soal, baru masuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, dadah adalah suatu benda yang kita semua tahu merbahaya. Di satu sudut kerajaan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Soalannya supaya Yang Berhormat faham. Di suatu sudut kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membanteras jenayah dadah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini telah dibangkitkan tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, sebab itu saya hendak beri supaya dia boleh tengok sekejap lagi. Tetapi dari satu sudut kerajaan juga walaupun kita telah meluluskan peraturan-peraturan dan undang-undang, membiarkan gejala-gejala sosial berlaku di negara kita ini dengan tempat hiburan-hiburan yang begitu berleluasa di mana di sinilah berkali-kali bila diserbu oleh pasukan polis kita boleh *detect* dadah-dadah, ada pil dan sebagainya.

Jadi yang mana satu yang kita hendak ini? Kita belanja belah ini, kita biar belah situ, jadi bila kita keluar mulut buaya masuk ke dalam mulut naga, sudah macam itu. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita *enforce*kan peraturan-peraturan ini dengan sebaik mungkin supaya matlamat kita untuk sifarkan masalah dadah ini akan dapat diselesaikan. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, la-ni orang lelaki kurang. Tuan Yang di-Pertua pergi universiti tengok, orang perempuan ramai daripada lelaki. Orang lelaki dah tidak ada – ada di pusat serenti yang itu dan yang ini, tinggal mai hak daripada Bangladesh, mai dari Pakistan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, baik...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** ....depa itu yang dok menikah dengan orang Malaysia ini. Jadi macam macam pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi Sekijang sudah bangkit-kan perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah bangkitkan perkara ini tadi sebelum Yang Berhormat datang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, kita ulang-mengulangi Tuan Yang di-Pertua, cukup baik supaya pegawai-pegawai kerajaan boleh diambil tindakan yang secepat mungkin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat 'Jelai', ya Yang Berhormat bagi Jerai, maaf terbabas sedikit. Sebagaimana yang saya katakan lebih awal tadi, kita dari segi undang-undangnya telah mencukupi kalau untuk dibuat tindakan. Cuma baru-baru ini kita membahaskan tentang agensi penubuhan baru, Agensi Anti-dadah Kebangsaan. Saya takut nanti dengan adanya penubuhan ini pun serupa sebab cuma peralihan sahaja akan berlaku dari segi pentadbiran. Dari segi kecekapan, dari segi tindakan kita sama macam dahulu. Sebab itulah saya minta

kalau kita tubuhkan ini apa perancangan-perancangan yang dibuat oleh jabatan-jabatan ini untuk menuju kepada ataupun ke arah dadah sifar pada tahun 2015 nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat semua ini untuk Jerai atau untuk Dewan yang mulia ini.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi sudah bangkit, cukuplah...

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Pasal Jerai yang bertanya tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya menghormati calon Timbalan Pengerusi nombor dua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak baiklah Yang Berhormat, menang kalah belum tahulah! *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi. Tuan Yang di-Pertua, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK0 mula dilaksanakan pada bulan November tahun 2002 apabila Sistem Saraan Malaysia (SSM) diperkenalkan bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB). Semasa di bawah Sistem Saraan Baru sebahagian besar kakitangan bersetuju, kecuali mereka tidak berpuas hati tentang anugerah khidmat cemerlang yang berdasarkan kepada laporan prestasi tahunan yang dipanggil LPT yang mana membolehkan penerima anugerah tersebut mendapat anjakan gaji sama ada secara menegak ataupun melintang yang mana anjakan gaji ini dinikmati sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada panjang lagi, Yang Berhormat....

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sedang tunggu giliran mereka.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Tangga Batu bangun.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Sila. Tidak boleh elaklah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang. *Tentang performance appraisal* ini ataupun Penilaian Tahap Kecekapan anggota kerja kerajaan ini, saya ingin sedikit komen Yang Berhormat tentang proses untuk mereka menilai anggota kerja kerajaan ini adakah proses itu benar-benar telus ataupun ia lebih kepada siapa kenal siapa ataupun berdasarkan kepada *know who rather than know how*.

Jadi Yang Berhormat Sekijang, kalau kita lihat prosesnya ialah kalau orang itu baik dengan bos maka dia akan dapat melintang, kalau kurang baik dapat menegak dan kalau tidak baik langsung dia akan dapat mendatar, walau pun pada hakikatnya prestasinya, *performancenya* dalam produktiviti adalah boleh dibanggakan di dalam sesebuah jabatan.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu, mungkin ada kebenarannya apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi, jadi Tuan Yang di-Pertua saya hendak teruskan.

Namun di bawah Sistem Saraan Malaysia pula kakitangan awam telah meluahkan rasa tidak puas hati terhadap PTK tadi, iaitu Penilaian Tahap Kecekapan yang lebih menyukarkan kakitangan awam untuk kenaikan pangkat. Semasa SSB isu kenaikan pangkat tidak timbul dan hanya mereka tidak berpuas hati tentang Anugerah Cemerlang sahaja. Hasil daripada ketidakpuasan hati ini kakitangan awam bersama CUEPACS telah menyuarakan perkara ini dan kerajaan melalui Ketua Setiausaha Negara telah berjanji untuk mengkaji semula Sistem Saraan Malaysia ini.

Keputusan PTK ataupun Penilaian Tahap Kecekapan ini yang dicapai oleh kakitangan awam adalah amat mendukacitakan, kerana kadangkala perkara yang disoalkan dalam soalan-soalan yang dikemukakan tidak ada kena-mengena dalam bidang tugas masing-masing, umpamanya dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan hanya 0.09 peratus sahaja yang lulus daripada 80 ribu guru yang mengambil ujian ini, manakala di kalangan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pula hanya 21 orang yang lulus daripada 300 pegawai yang mengambil ujian.

Begitu juga dalam skim perkhidmatan yang lain di mana mereka yang gagal tidak berpeluang untuk menikmati kenaikan pangkat kerana markah lulus yang ditetapkan ialah 80 peratus ke atas. Justeru itu saya merayu kepada kerajaan agar mengkaji semula PTK ini dan ingin mencadangkan supaya, pertamanya diwujudkan dua bentuk keputusan iaitu lulus cemerlang yang markahnya melebihi 80 peratus dan

yang satu lagi lulus dengan kepujian yang membolehkan mereka ini untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Saya gulung Tuan Yang di-Pertua, keduanya bagi yang lulus cemerlang akan diberi anjakan gaji, manakala yang lulus kepujian pula boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli-ahli Dewan, dibayar elaun mesyuarat semasa bersidang di Dewan Rakyat, tetapi kawan-kawan atau sahabat kita daripada kakitangan awam, kakitangan kerajaan tidak mendapat kemudahan ini. Kita lihat mereka ini begitu setia menunggu mendengar perbahasan Ahli-ahli Dewan dan kadangkala terpaksa pula membantu menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen untuk menjawab soalan daripada Ahli-ahli Dewan. Oleh itu saya mohon supaya kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Dewan ini juga turut dibayar sebagai elaun turut hadir di dalam mesyuarat Dewan. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Kawan.

**4.53 ptg.**

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia yang telah membentangkan satu bajet yang begitu mesra rakyat dan *comprehensive*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendekatan kepada empat strategi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2005 dan saya ingin merujuk khususnya kepada strategi yang keempat, iaitu strategi yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan serta membasmi kemiskinan dan menjamin kemakmuran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat yang murni ini adalah wajar kita menumpukan perhatian yang serius kepada pembasmian kemiskinan dan bukan setakat kemiskinan mutlak, tetapi juga kemiskinan *relative*.

Dalam pembentukan strategi-strategi, dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara kita, kita mestilah mulai dari saat ini menggunakan strategi-

strategi yang menitik beratkan pembasmian kemiskinan dan bukan strategi-strategi yang hanya menekankan kepada pembangunan sahaja. Andaian bahawa pertumbuhan yang rancak akan menjanakan pendapatan yang makin meningkat dan bilangan pekerjaan yang lebih, sementara pada masa yang sama mengurangkan ketidaksetaraan pendapat tidak semestinya benar, sebaliknya pertumbuhan yang rancak akan membawa kepada ketidaksetaraan yang lebih serius. Lebih-lebih lagi dalam konteks sosial di mana bahagian yang lebih besar daripada pendapatan tambahan yang dijanakan terapung kepada lapisan 20 peratus atasan masyarakat.

Konteks ini wujud di masyarakat yang mempunyai pasaran buruh yang tidak sempurna, kecenderungan tinggi dijejaskan oleh faktor-faktor asing yang termasuk faktor-faktor ekonomi dan politik yang negatif, pengagihan aset-aset produktif seperti tanah, modal kuasa politik dan semakin lama semakin penting.

Maklumat yang tidak setara dan institusi-institusi dan undang-undang yang berat menyebelahi para kapitalis dan yang kaya. Pada hakikatnya Malaysia mempunyai beberapa di antara ciri-ciri ini dan justeru mungkin akan menuju ke arah ketidaksetaraan yang lebih, tidak ada pun pertumbuhan ekonomi, peningkatan dalam pendapatan per kapita dan pengurangan dalam insiden kemiskinan mutlak termasuk kemiskinan tegar.

Oleh yang demikian kerajaan tidak harus terlebih dahulu mengkaji semula ke semua struktur asas yang boleh membawa kepada ketidaksetaraan yang lebih dan seterusnya memperbaiki, memindah malah menyingkirkan ke semua struktur ini sekiranya kita ingin menuju ke arah sebuah masyarakat yang lebih adil dan saksama. Pada masa kita menjalankan usaha ini adalah juga beberapa perkara yang berkait dengan pembasmian kemiskinan yang memerlukan perhatian kita.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin terlebih dahulu menyampaikan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional ke atas kejayaannya mengurangkan kadar kemiskinan mutlak ke tahap yang secara perbandingannya rendah dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Insiden kemiskinan di Malaysia dianggar berasaskan kepada pendapatan garis kemiskinan yang diselaraskan setiap tahun untuk mengambil kira kadar inflasi.

Bagi Malaysia pada keseluruhannya terdapat hanya tiga ukuran garis pendapatan miskin, salah satu di antaranya ataupun ketiga-tiga di antaranya ialah pengiraan bagi Semenanjung Malaysia satu untuk Sabah dan satu untuk negeri

Sarawak. Garis kemiskinan telah ditetapkan kira-kira 20 tahun yang lalu. Sungguhpun terdapatnya penyelarasan tahunan bagi mengambil kira kenaikan harga dalam peredaran masa.

Tuan Yang di-Pertua, memang terdapatnya beberapa kelemahan dalam penggunaan garis kemiskinan untuk mengukur insiden kemiskinan mutlak di negara kita. Pertamanya hakikat bahawa garis kemiskinan yang sama digunakan untuk mengukur insiden kemiskinan di kedua-dua kawasan bandar dan desa dalam wilayah yang sama mungkin akan meletakkan nilai yang rendah pada kadar kemiskinan di bandar.

Ini adalah kerana paras pendapatan yang diperlukan untuk menyara sebuah isi rumah di luar bandar yang berasaskan ke atas pengiraan keperluan untuk makanan, pakaian, perumahan, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, bahan api dan utiliti yang minimum mungkin tidak memadai untuk menyara sebuah isi rumah yang sama di kawasan-kawasan bandar.

Perbezaan dalam garis kemiskinan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar adalah kerana kos memenuhi keperluan-keperluan minimum adalah lebih tinggi di bandar berbanding dengan luar bandar. Selain dari itu perbezaan-perbezaan dalam paras kegiatan sukarela dan ruang fizikal juga meninggalkan kesan ke atas keperluan-keperluan untuk barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan asas.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, garis kemiskinan di Malaysia tidak mengambil kira tentang perbezaan dalam saiz isi rumah antara isi rumah di bandar dan yang di luar bandar. Begitu juga garis ini mengetepikan perbezaan yang terdapat di dalam corak penggunaan antara isi rumah bandar dan di luar bandar serta perubahan-perubahan dalam corak ini, semasa pendapatan meningkat. Saya berharap Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian tentang kesemua kelemahan ini semasa mengkaji semula akan kaedah yang diguna pakai untuk mengira garis kemiskinan dan paras garis yang sesuai untuk digunakan.

Memang saya difahamkan bahawa kajian semula ini sedang dijalankan dan saya berharap ianya dapat disempurnakan dengan kadar yang segera. Adalah mustahak kita mendapat suatu gambaran yang lebih baik dan yang lebih menyeluruh tentang insiden kemiskinan di negara kita sebelum kita dapat 100% menyingkirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada hakikat bahawa insiden kemiskinan pada keseluruhannya dikurangkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini kerana Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mencipta lebih banyak pekerjaan dan meningkatkan paras kemahiran tenaga kerja negara kita. Untuk mengekalkan kadar kemiskinan kepada paras yang rendah adalah wajar keupayaan negara kita mencipta lebih banyak kerja khususnya di bandar terus dikekalkan malah kalau boleh diperkukuhkan. Usaha ini menjadi semakin mendesak seiring dengan kadar perbandaran yang semakin meningkat. Memang ini merupakan satu usaha yang amat mencabar bagi tahun-tahun yang akan datang.

Memandangkan hakikat bahawa persaingan untuk pelaburan asing dan pasaran di luar negara semakin senget berlakulah turun naik dalam kitaran perdagangan antarabangsa dan kemungkinan besar kejutan luaran yang dihadapi oleh kita sering berlaku. Maka risiko menghadapi kemelesetan yang akan mengakibatkan kehilangan besar-besaran kerja adalah besar. Dengan yang demikian tenaga kerja kita terdorong menghadapi risiko besar pengangguran yang boleh dengan serta-merta mendatangkan kesusahan kepada ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah sosial yang bakal berlaku..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Batu Kawan kerana ucapan beliau tadi bagus dan saya mencelah sedikit. Saya hendak bertanya apakah pembahagian kerja tadi boleh membawa satu era perubahan kepada remaja kita yang kebanyakannya tidak mempunyai kerja tetapi saya rasa kita harus melihat semula, kalau Yang Berhormat bersetuju supaya jangan dikumpulkan satu tempat, bawalah ke Parlimen Pasir Puteh atau Kelantan.

Saya tidak menjamin bahawa Kelantan ini tidak banyak yang miskin, walaupun kita dengar daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang mengatakan tadi, dia tidak ada di sinilah, dia kata pembangunan di Kelantan ini ada. Saya lihat 14 tahun selepas saya mengambil alih tidak ada pembangunan. Dengan sebab itu saya melihat kemiskinan pun banyak, kerja tidak ada. Maka saya mencadangkan kalau Yang Berhormat bersetuju apakah kilang-kilang yang ada di Lembah Klang dan juga di Johor dan di Perak, Penang, apakah kita tidak boleh agihkan, saya boleh berikan

Parlimen saya, tempat pun ada, sesuai di tepi pantai, pelabuhan pun akan membangun, setuju tidak?

**Tuan Huan Cheng Guan:** Yang Berhormat, saya memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat. Kalau boleh kita hendak memperkenalkan yang mana-mana kilang yang hendak pergi ke Parlimen Yang Berhormat tetapi masalahnya kawasan Yang Berhormat adalah di Kelantan, maka kalau sesiapa mendengar PAS mereka takut pergi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah sosial yang bakal berlaku dan seterusnya mengurangkan kemiskinan, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya memperluaskan liputan jaringan keselamatan sosial atau dalam bahasa Inggeris '*social safety net*' negara kita. Satu langkah yang boleh diambil untuk memperluaskan liputan ini ialah dengan menubuhkan satu dana pemberhentian kerja nasional yang boleh diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia. Pihak majikan diwajibkan melalui kelulusan rang undang-undang yang munasabah, mencarum 1% tertentu daripada jumlah gaji yang dibayar kepada dana ini.

Apabila pekerja-pekerja diberhentikan kerja mereka boleh mengeluarkan amaun tertentu daripada dana ini dan juga menerima pampasan dari dana ini seperti yang diperuntukkan oleh syarikat. Ini merupakan satu langkah yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan untuk menyediakan satu sumber pendapatan yang lebih stabil dan justeru itu mengurangkan risiko menjadi miskin yang dihadapi oleh tenaga kerja di sektor pembuatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Kawan. Saya tertarik dengan kenyataan bahawa cadangan Yang Berhormat untuk mengenakan caruman 1% ke atas gaji yang dibayar kepada pekerja sebagai sumbangan dalam satu bentuk dana. Tetapi dunia kita sekarang asyik membincangkan tentang daya saing. Kita hendak mengurangkan kos pengeluaran. Apakah ini akan membawa satu implikasi kepada pelabur? Itu yang pertama.

Yang keduanya, setahu saya sememangnya ada peruntukan undang-undang yang membolehkan pekerja menuntut ganti rugi atau pampasan daripada pihak majikan sekiranya seseorang itu diberhentikan kerja. Sekiranya dana ini wujud dan

sekali lagi mereka boleh meminta pampasan kerana diberhentikan kerja, mungkin ini merupakan satu pulangan. Jadi, saya minta pandangan dari segi daya saing dan juga dari segi *practicality*nya. Minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, itu cuma cadangan sahaja, tidak mengapa nanti kita boleh berbincang. Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyambut baik cadangan kerajaan untuk menambah bayaran elaun kepada anggota Pasukan Gerak Khas polis dan anggota komando Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun seorang bekas tentera dan tahu bahawa tugas yang dipikul oleh kedua-dua unit ini amat berat dan bahaya. Memang sewajarnya kebajikan anggota-anggota tersebut harus dijaga. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil satu inisiatif yang bijak untuk meningkatkan elaun bagi kedua-dua pasukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu sektor yang saya akan sentuh ialah berhubung dengan sektor pertahanan, ini *last*lah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkhidmat dengan Tentera Udara Diraja Malaysia dari tahun 1980 sehingga 1993 selama 13 tahun dan dalam tempoh perkhidmatan tersebut telah banyak kali menyertai pelbagai operasi dari masa ke semasa dan juga di beberapa tempat lain.

Pesawat yang digunakan untuk feri kita ialah pesawat jenis *C-King* yang mana dikenali sebagai pesawat Helikopter Nuri. Saya tidak nafikan bahawa Helikopter Nuri adalah sebuah helikopter yang amat tahan lasak dan mampu melakukan berbagai-bagai misi.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah Helikopter Nuri yang digunakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia kini telah berusia lebih daripada 35 tahun dan dalam tempoh ini banyak nahas telah berlaku dan banyak nyawa telah dikorbankan, bukan berkorban tetapi dikorbankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh, umpamanya sebuah kereta lama yang dibuat dalam tahun 1960. Ia tetap merupakan sebuah kereta yang lama dan ia hanya boleh dijadikan *vintage* sahaja. Macam mana kita komponen, kita tukar apa pun dia tetap sebagai kereta lama juga. Kalau kereta lama rosak di tengah jalan, tidak apalah kita boleh *parking* di tengah jalan atau di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau helikopter sedang terbang, kalau rosak di mana hendak *parking*? *Parking* atas awan saya ingat. Itu yang masalah. Helikopter itu kalau tidak silap saya, saya masuk tentera tahun 1980, ia sudah digunakan begitu lama. Saya sekarang sudah pencen lebih kurang 10 tahun masih digunakan lagi. Helikopter itu kalau tidak silap saya ia digunakan semasa *Korean War*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Perang Korea.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hendak cakap sama siapa, pandang sana?

**Tuan Huan Cheng Guan:** Oh! Minta maaf. Ia digunakan semasa Peperangan Korea iaitu di dalam tahun 1954. Helikopter itu lebih tua dari saya dan kita masih pakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang itu pandangan saya. Helikopter itu memang tidak sesuai untuk digunakan untuk penerangan lagi dan harus digantikan dengan pesawat yang baru. Saya sebut baru, canggih atau tidak canggih tidak apa, janji tukar dengan yang baru. Ini amat merugikan negara kita kerana kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk melatih para juru terbang dan juga anak-anak kapal.

Setiap kali ada kemalangan, yang pertama mereka buat ialah menubuhkan Lembaga Penyiasatan (*Board of Enquiry*) itu sahaja. Lepas itu *finding*, *technical error* atau *human error*, tidak ada lainlah. Yang itu dua – *technical* atau *human*. Saya pohonlah kepada kerajaan memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kelana Jaya.

**5.15 ptg**

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk terus mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2005. Di dalam pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri tentang Bajet 2005 ini. Ada beberapa perkara yang telah pun diumumkan seperti mana yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan.

Yang pertamanya, tentang cukai ke atas rokok dan minuman keras. Di dalam pembentangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, telah mencadangkan bahawa kerajaan mencadangkan agar struktur duti import dan duti eksais rokok dan

minuman keras dinaikkan. Ini adalah kerana untuk menggalakkan cara dan gaya hidup yang sihat bagi masyarakat kita.

Dengan itu duti eksais rokok akan dinaikkan dari RM58 kepada RM81 per-seribu batang dan duti eksais minuman keras akan dinaikkan dari antara 5 sen dan RM23.40 kepada antara 10 sen hingga RM28 per-liter. Akan tetapi pada pandangan saya, ini akan menggalakkan segelintir pengguna menganggap bahawa jikalau mereka menggunakan rokok yang lebih mahal itu menunjukkan mereka lebih *standard*, mereka ada kelas. Meminum minuman keras yang lebih mahal menunjukkan status mereka.

Oleh itu pada pandangan saya, seharusnya kerajaan membuat suatu keputusan ataupun suatu penguatkuasaan di mana pembeli rokok dan minuman keras mestilah melebihi umur 18 tahun dan tindakan ini harus dikuatkuasakan secara tegas kerana seperti contoh di Amerika Syarikat, semua pengguna mesti menunjukkan kad pengenalan mereka untuk membeli rokok dan minuman keras. Dengan itu mereka menjalankan penguatkuasaan yang begitu ketat dan tegas supaya mengurangkan penggunaan rokok dan minuman keras di kalangan remaja. Itu yang pertama.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya memang tertarik dengan kenaikan harga rokok dengan arak, walaupun saya tidak minum dan saya tidak hisap rokok. Tetapi dua minggu sebelum Bajet diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu Malaysia ini kalau restoran hendak dapat rokok memang tidak ada, arakkah, beerkah tak ada. Selepas diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pengedarlah akan menjadi jutawan dalam satu malam sahaja.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, ini rintihan daripada penjaja-penjaja, pekedai-pekedai ataupun restoran-restoran tidak dapat bekalan, kerana mereka simpan sebab mereka tahu PM atau Menteri Kewangan akan mengumumkan kenaikan cukai. Yang akan meraih keuntungan yang berjuta-juta ringgit memang secara rasminya saya tahu, tidak kurang daripada setengah juta telah diperolehi kerana menunggu dua minggu ini.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagaimana kita boleh membendung perkara ini dan apakah mekanisme yang patut digunakan oleh pihak

kerajaan bagi memastikan supaya orang tidak meraih keuntungan daripada ini secara *total* atau berpihak kepada beberapa pengedar sahaja. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Inilah fenomena masyarakat yang berlaku. Memang adanya kelompok-kelompok yang tertentu yang cuba mengaut keuntungan dalam masa belanjawan dibentangkan. Saya bersetuju dengan pihak Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bahawa kita kena *tackle* masalah itu dari sumbernya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak kerajaan sepatutnya mengenakan cukai tambahan, cukai kebajikan sosial kepada pengeluar rokok dan minuman keras.

Ini kerana semua pengeluar dan *manufacturer*, pengeluar rokok dan minuman keras ini ada di antara mereka adalah yang tersenarai di dalam KLSE atau dalam Bursa Saham Malaysia dan semua pengeluar rokok dan minuman keras ini memperolehi keuntungan yang begitu banyak setiap tahun dan kita boleh nampak saham mereka di dalam Bursa Saham Malaysia di KLSE nilainya kian meningkat. Ini menunjukkan mereka mendapat keuntungan yang banyak.

Dengan itu jikalau pengeluar juga dipertanggungjawabkan untuk menyumbang kepada kempen-kempen yang diadakan oleh kementerian ataupun pihak kerajaan berkaitan dengan perkara-perkara kesihatan, maka dengan adanya cukai tambahan, cukai *social welfare tax* ini, maka cukai yang dipungut ini boleh disimpan dan digunakan sebagai satu tabung untuk mengadakan kempen kesihatan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** ..... atau kempen kesedaran kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jika semua orang dapat ikut kita tidak mahu merokok, macam mana boleh cari untung?

**Tuan Loh Seng Kok:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jika semua orang ikut kita, tidak menghisap rokok, macam mana syarikat boleh cari untung?

**Tuan Loh Seng Kok:** Syarikat memang ada jalan untuk mencari keuntungan, walaupun di dalam pertandingan antarabangsa di dalam bidang sukan, mereka masih dapat membawa pengiklanan di dalam perlawanan dengan tajaan dengan namanya

ada. Ini semua orang tahu. Mereka tahu cara-caranya untuk mempromosikan bahan-bahan keluaran mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan saya, kalau semua orang tidak mahu hisap rokok.

**Tuan Loh Seng Kok:** Oh! Mungkin ini tabiat manusia, susah kita hendak menghakiskan. Tetapi kita cuba untuk menggalakkan supaya jangan menghisap rokok tetapi masih ada penggunanya akan membeli juga. Walau bagaimanapun, apa yang kita harus guna ialah kita *tackle* daripada sumbernya supaya mereka yang mengaut keuntungan itu, harus dipertanggungjawabkan untuk membayar cukai yang lebih berbanding dengan pengguna-pengguna.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ada menganjurkan Program Kempen 'Tak Nak', kempen anti-rokok, tetapi tidak pernah kita lihat Kementerian Kesihatan ataupun kementerian tertentu mengadakan kempen anti minuman keras. Dengan itu, saya rasa pihak Kementerian Kesihatan perlu mengambil tindakan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2005 juga kita telah mendengar bahawa kerajaan mencadangkan agar diberi rebet cukai kepada pembayar cukai yang membeli komputer peribadi dinaikkan dari RM400 ke-RM500. Ini adalah usaha dan tindakan untuk memastikan setiap keluarga mendapat manfaat daripada ICT. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kenaikan ini agak minimum sahaja. Saya cadangkan agar pengecualian ini harus dinaikkan lagi sekurang-kurangnya RM1000, kerana pada hari ini satu set komputer biasa bersama perisiannya, dengan *software* nya, telah pun berharga melebihi RM3,000, RM4,000.

Maka, kenaikan pengecualian itu potongan RM500 tidaklah cukup untuk membeli perisian sahaja. Hendak beli *software* pun tidak cukup. Saya rasa jika kerajaan berhasrat untuk menggalakkan penggunaan teknologi informasi (IT), bagi meningkatkan kualiti hidup, kita mesti memberi galakan dan sokongan yang lebih. Sebab kita harapkan setiap rakyat negara kita ini mesti memperoleh pengetahuan IT pada masa hadapan demi menyumbang kepada ekonomi negara.

Perkara yang ketiga, yang saya hendak sentuh di sini adalah tentang cadangan kerajaan untuk merencanakan sektor pelancongan. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai pusat kesenian dan kebudayaan antarabangsa. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah bercadang

agar persembahan kesenian dan kebudayaan oleh penggiat seni tempatan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya akan diberi pengecualian sepenuhnya duti hiburan, dengan syarat persembahan itu adalah diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga mencadangkan supaya semua kerajaan negeri mengambil langkah yang sama dan saya berharap khususnya bagi Kerajaan Negeri Kelantan mestilah seharusnya mendengar nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini supaya mengambil langkah ini untuk menggalakkan lebih banyak hiburan yang sihat di negeri Kelantan.

Walau bagaimanapun, tentang pengecualian duti hiburan ini, saya juga berpendapat bahawa sepatutnya pengecualian duti hiburan harus diberi kepada persembahan hiburan asing yang tertentu. Ini kerana seniman antarabangsa dapat membantu dalam menarik peminat dan menyokong mereka untuk datang bersama jikalau mereka mengadakan pertunjukan, persembahan di tanah air ini. Secara tidak langsung akan meningkatkan bilangan pelancong melawat ke Malaysia.

Tambahan pula apabila mereka membuat persembahan di negara kita, .....

**Dato' Razali bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Tuan Loh Seng Kok:** Okey, silakan.

**Dato' Razali bin Ismail:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi menyentuh berhubung dengan persembahan *theatre*, seni lakon dan serba macam lagi itu. Apakah pandangan Yang Berhormat, kalau saya katakan bahawa kegiatan-kegiatan apa yang disebut sebagai *soft culture* itu tidak begitu mendapat tempat dalam masyarakat kita, terutamanya di sekolah-sekolah kita, yang saya rasa di sekolah kita itu terlalu menekankan kepada peperiksaan, kepada aktiviti-aktiviti sukan, sedangkan elemen yang disebut sebagai *soft culture* itu kurang mendapat perhatian. Bagaimanakah kita hendak menyebar luas dan menarik minat masyarakat agar lebih memberi perhatian dan memberi keutamaan kepada kegiatan seumpama ini? Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, memang *soft culture* itu kurang ditekankan dan saya juga bersetuju bahawa *soft culture* itu amat penting ke

arah pembentukan dan pembinaan perwatakan seorang manusia, seorang insan yang beretika dan bermoral. Dengan itu, saya rasa pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran boleh mengambil langkah supaya menggalakkan, mengarahkan semua institusi pendidikan, sekolah rendah dan sekolah menengah agar menubuhkan kelab-kelab kebudayaan di sekolah masing-masing, bukan hanya kelab-kelab sukan sahaja digalakkan. Saya rasa itulah salah satu langkah yang boleh dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pengecualian duti hiburan yang sepatutnya diberi kepada artis-artis tertentu boleh dipertimbangkan kerana ini juga merupakan salah satu cara untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi, khususnya kita telah pun membina banyak kompleks, banyak prasarana untuk hiburan, untuk kegunaan orang ramai seperti contohnya, Stadium Bukit Jalil yang jarang digunakan.

Hanya ada masa-masa yang tertentu sahaja digunakan oleh orang ramai yang akan menarik begitu banyak, begitu ramai sekali penonton-penonton untuk duduk di dalam Stadium Bukit Jalil. Dengan itu, bila adanya artis-artis terkenal dari luar negara menggunakan Stadium ini, ini merupakan satu menjana aktiviti ekonomi negara kita dan ini akan menambahkan hasil untuk stadium, untuk restoran, untuk hotel, untuk pemandu-pemandu teksi dan sebagainya.

Secara tidak langsung juga industri hiburan dan kebudayaan tempatan secara tidak langsung dapat .....

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Sekejap, sekejap, ya. Secara tidak langsung ini akan juga menggalakkan industri hiburan dan kebudayaan tempatan kerana artis-artis tempatan kita dapat mempelajari dari artis-artis antarabangsa yang bertaraf tinggi. Maka, ini akan menaikkan lagi mutu persembahan artis-artis tempatan kita. Silakan.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya cuma hendak *respons* dari segi stadium tadi, sebab saya jaga stadium. *[Ketawa]* Pertamanya, stadium diwujudkan untuk sukan, bukan untuk persembahan kebudayaan dan sebagainya. Dan, yang kedua, stadium mempunyai polisi, tidak boleh di antara satu persembahan dengan satu persembahan mempunyai

polisi, terutamanya apabila stadium menggunakan padang, misalnya, katakan Stadium Nasional. Sekurang-kurangnya, setiap persembahan dengan satu persembahan ataupun di antara *games* dengan *games*, bola dan sebagainya, sekurang-kurangnya tiga minggu padang mesti ditutup, kalau tidak rosak rumput dan sebagainya.

Jadi, saya cuma hendak menerangkan bahawa tidak boleh kita kata, oleh kerana stadium itu ada, kerana tidak ada sukan kita hendak buat hari-hari pertunjukan kebudayaan ataupun *shows* yang melibatkan artis luar negara dan sebagainya, sebab stadium mempunyai polisinya, tidak boleh *everyday* digunakan. Cuma saya hendak tanya satu sahaja, kerajaan beri pengecualian cukai dan sebagainya untuk menggalakkan kebudayaan kepada artis kita, dikecualikan cukai dan sebagainya, tetapi setuju atau tidak, kalau saya katakan bahawa tidak ada tempat, kurangnya tempat, kompleks budaya dan sebagainya, kurang di negara kita.

Kalau di Kuala Lumpur, misalnya, selain daripada MATIC, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya hendak tanya, selain daripada MATIC misalnya, mana lagi tempat yang kita boleh pergi, kalau pelancong datang hendak tengok persembahan kebudayaan. Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya sambung soalan hari Isninkah atau macam mana ini? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya boleh jawab pada hari Isnin, ya!

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Hah! Jawab hari Isnin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ucapan Yang Berhormat boleh disambungkan.

**Tuan Loh Seng Kok:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, minggu depan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***